



NARATIF BAHARU UKM
**UNIVERSITI
WATAN KITA**

UKM | **FAKULTI
UNDANG-UNDANG**
faculty of law

PANDUAN PRASISWAZAH IJAZAH SARJANA MUDA

**FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**SESI AKADEMIK
2023-2024**

**PANDUAN PRASISWAZAH
Fakulti Undang-Undang
Sesi Akademik 2023-2024**

PROSPEKTUS PRASISWAZAH
Fakulti Undang-Undang
Sesi Akademik 2023-2024

Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi • 2023-2024
<http://www.ukm.my/fuu>

4 *Prospektus Prasiswazah*

Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2023

Pihak Pengurusan Universiti sedaya upaya sudah memastikan bahawa Buku Panduan ini adalah tepat pada masa diterbitkan. Buku ini bermaksud untuk memberi panduan kepada pelajar memilih program dan kursus pengajian serta kemudahan yang Universiti tawarkan dan bukan pula dimaksudkan sebagai satu ikatan kontrak. Pengurusan Universiti berhak meminda atau menarik balik tawaran program dan kursus pengajian serta kemudahan tanpa sebarang notis.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

FAKULTI UNDANG-UNDANG

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 UKM Bangi, Selangor D. E Malaysia

Semua pertanyaan hendaklah diajukan kepada:

DEKAN

Fakulti Undang-Undang

Tel.: 03-89216351

Faks: 03-89253217

E-mel: dfuu@ukm.edu.my

ISSN : 1823-4518



*Universiti Kebangsaan ini merupakan
puncak dari usaha kita ke arah
memenuhi tuntutan dan aspirasi rakyat
yang ingin melihat bahawa bahasa ibunda
mempunyai kedaulatan dan kedudukan
yang sewajarnya di dalam usaha
memenuhi keperibadian nasional*



(Ucapan Tun Abdul Razak di Konvokesyen Pertama UKM, 1973)



LAMBANG

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ialah sebuah perisai yang berpetak empat. Setiap petak mengandungi gambar dan warna latar yang berlainan dengan membawa maksud tertentu. Gambar yang didapati dalam petak tersebut ialah seperti berikut:

- Seekor harimau berwarna kuning yang gagah sedang menyerang ke arah kanan berlatar warna merah.
- Simbol atom berlatar warna kuning.
- Simbol teknologi berlatar warna biru.
- Sekuntum bunga raya berwarna merah berlatar warna putih.

BUKU

Buku melambangkan ilmu pengetahuan, iaitu peranan utama UKM sebagai institusi pengajian tinggi dan penyelidikan.

PERISAI

Perisai bererti keteguhan. Keteguhan yang dimaksudkan ialah kemampuan UKM memainkan peranan sebagai institusi pengajian tinggi di negara ini.

HARIMAU

Harimau melambangkan keberanian dan kegagahan. Harimau mencerminkan masyarakat Malaysia yang berteraskan kebudayaan Melayu. Harimau garang menggambarkan kesediaan dan keupayaan UKM mara memerangi kejahilan, kejahatan dan kepalsuan.

ATOM DAN TEKNOLOGI

Simbol atom dan teknologi melambangkan konsep pembangunan negara yang berlandaskan sains dan teknologi moden. UKM sebagai institusi ilmu bertanggungjawab mengeluarkan tenaga mahir dalam semua bidang untuk memenuhi keperluan pembangunan negara.

BUNGA RAYA

Bunga raya adalah bunga kebangsaan Malaysia. Lima helai ranggi melambangkan lima prinsip Rukun Negara yang dihayati dan sentiasa dipelihara oleh rakyat Malaysia.

Kandungan

Petikan Ucapan Canselor Pertama UKM	5
Maksud Logo UKM	6
Kata Alu-aluan Naib Canselor	8
Pihak Berkuasa dan Pegawai Universiti Kebangsaan Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti (LPU)	9
Pegawai Pengurusan Utama	11
Falsafah Wawasan Misi dan Matlamat UKM	13
Imbasan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia	14
Visi, Misi dan Matlamat Fakulti Undang-Undang, UKM	16
Imbasan Sejarah Fakulti Undang-Undang	17
Pentadbiran Fakulti Undang-Undang	18
Hasil Pembelajaran Program (HPP)	25
Program Sarjana Muda Undang-Undang, Fakulti Undang-undang UKM Sesi 2023-2024 - Kursus yang ditawarkan	26
Senarai Kursus Elektif Fakulti Undang - Undang	31
Jumlah Keseluruhan Kredit	33
Sinopsis Kursus Wajib Fakulti, Matrik Pentaksiran Kursus dan Pelan Pentaksiran Kursus	34
Hadiah dan Pingat Peringkat Universiti/Fakulti Undang - Undang	84
Syarat-syarat Kelayakan Masuk dan Pendaftaran Fakulti Undang-Undang	85
Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020	92
Lagu - “Varsiti Kita”	115
Ahli Jawatankuasa Penerbitan Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Undang-undang Sesi Akademik 2023-2024	116

Kata Alu-aluan Naib Canselor



Assalamualaikum wbt. and Salam Sejahtera

Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara dan saudari melanjutkan pengajian ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di peringkat Ijazah Sarjana Muda. UKM amat berbangga menerima kehadiran saudara dan saudari yang telah mempamerkan kecemerlangan yang tinggi dalam pelajaran masing-masing. Anda sememangnya bertuah terpilih menjadi sebahagian daripada warga universiti watan ini, yang ditubuhkan lebih 52 tahun dahulu pada 18 Mei 1970 atas aspirasi dan perjuangan masyarakat dan pejuang-pejuang bangsa yang ingin melihat penubuhan sebuah universiti beracukan semangat kebangsaan.

Sepanjang pengajian di UKM, saudara-saudari digalakkan untuk berinovasi dan berusaha gigih untuk mencapai kejayaan yang cemerlang. Rebutlah peluang yang disediakan untuk memperkayakan ilmu pengetahuan dan menjadi modal insan yang berilmu.

Saudara dan saudari juga digalakkan untuk menyertai secara aktif dalam pelbagai aktiviti keilmuan, kokurikulum, kebudayaan, sukan dan sebagainya bagi memantapkan pengetahuan dan memantapkan pengalaman masing-masing. Saya juga berharap para pelajar dapat bergerak sederap dengan pelan strategik dan hala tuju universiti melalui penghayatan nilai TERAS iaitu *Talent* (Bakat), *Ethics* (Etika), *Revitalise* (Memperkasa), *Agile* (Tangkas) dan *Soul* (Jiwa) yang menjadi lembayung bagi UKM untuk membina universiti yang terkehadapan dan cemerlang.

Semoga saudara-saudari akan terus mencapai kejayaan cemerlang dalam pengajian yang diikuti dan berusaha meneroka pelbagai ilmu baru yang boleh menyumbang kepada pembangunan diri, masyarakat dan negara. Gunakanlah peluang melanjutkan pengajian ini untuk mengejar cita-cita dengan keazaman, tekad dan kesungguhan yang tinggi.

Sekian.

A handwritten signature in black ink, which appears to read 'Ekhwan'. The signature is written in a cursive style and is positioned above the printed name of the Deputy Vice-Chancellor.

Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd. Ekhwan Hj. Toriman
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

**PIHAK BERKUASA DAN PEGAWAI PENGURUSAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
TAHUN 2023**

CANSELOR

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus
Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir
D.K., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Selangor), D.K. (Kedah), D.K.
(Kelantan), D.K. (Johor), D.K. (Terengganu), D.K.Y.R., P.P.T., LLB (Aberystwyth),
Hon. LLD (South Wales), Hon. Fellow (Aberystwyth), FRCSEd (Hon), Hon. Fellow
(AFT)

PRO-CANSELOR

Yang Amat Mulia Tunku Laxamana Tunku Dato' Seri Utama Naquiyuddin Ibni Tuanku
Ja'afar
DK., DKYR., SPNS., SPMP., PPT., BSc. (Econ) (Hons), Legion d'Honneur, Ordre du
Merite, Palmes Academiques (France), Order of Gran Cruz De La Orden Bernardo
O'Higgins (Chile), Fellow of Aberystwyth University (Wales), Royal Fellow of Lestari
Institute (UKMalaysia)

Yang Teramat Mulia Dato' Seri DiRaja Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz binti
Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
DKH., DKYR., SHMS., SSDK., PSM., PAT., JP. Hon. PhD.(UUM), Hon. PhD. (KUIN),
Hon. PhD. (UPNM)
Tunku Temenggong Kedah

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali
P.M.N.(Pers), P.S.D.(Pers), S.P.M.S.(Sel), S.S.M.Z.(Trg), S.P.D.K.(Sbh), D.A.(Swk),
S.M.W.(WP), D.I.M.P.(Phg), J.S.D.(Pers), P.P.T.(NS), A.M.T.(Trg), BEcon
(UKMalaysia), MBA (NTU-MIT), DPA (INTAN)

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (LPU)

Pengerusi

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak
DSNS., MD., MS (ORTHO), Ph.D (Hons.), AM Fellow of Spine Surgery

Ahli-ahli LPU

Naib Canselor

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj.Toriman

Wakil Kementerian Pendidikan Tinggi

YBhg. Prof. Dr. Azlinda Azman

Ahli Ganti Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia

YBrs. En. Ahmad Rizal Adnan

Ahli Ganti Kementerian Kewangan Malaysia

YBrs Dr. Syaromi Ramli

Wakil Masyarakat

Dato' Dr. Mohd Zaidi Md Zain@Zakaria

Wakil Senat

YBhg. Prof. Dr. Bariah Mohd Ali

Wakil Sektor Swasta

YBhg. Datuk Johan Idris

Wakil Sektor Swasta

YBhg. Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie

Wakil Sektor Swasta

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Morshidi Sirat

Wakil Alumni UKM

YBhg. Dato' Yeow Wah Chin

Wakil Berpengetahuan & Berpengalaman

YBhg. Prof. Dr. Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi

AHLI EX-OFFICIO

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa

YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Kassim

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi

YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani

Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni

YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin

Pendaftar

YBhg. Dato' Dr. Syed Kamarudin bin Sadakkuthulla

Bendahari

YBrs. Encik Mohd Azli bin Mohd Kasirun C.A(M)

Penasihat Undang-Undang

YBhg. Prof. Dr. Salawati Mat Basir

PEGAWAI PENGURUSAN UTAMA

Naib Canselor

YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj.Toriman
DBNS., Geospatialis (Gs.), P.Tech., BA (Hon) (UKMalaysia), M.Sc (Manchester Univ),
Ph.D (Newcastle Upon Tyne Univ), Doctor Honoris Causa (Universitas Muslim
Indonesia)

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

YBhg. Prof. Dr. Mohammad bin Kassim
B. Sc. (Hons) (Chemistry) (Lakehead), MSc (Chemistry) (UKMalaysia), Ph.D
(Bristol), MRCS., MACS., FMIC

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) & Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

Prof. Madya Dr. Mohd Suzeren Md Jamil
ANS., B.Sc. (UKMalaysia), M.Sc. (UKMalaysia), Ph.D. (Sheffield)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani
DBNS., B.A. (Hons.) (Al-Azhar), S.P.I. (UKMalaysia), Ph.D (Manchester)

Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin
DIMP., BSc (Math.) (Florida State, USA), MSc. (Math.) (California State, USA), Dip.
Lanjutan Pend. (UTM), Ph.D (UKMalaysia)

Pendaftar

YBhg. Dato' Dr. Syed Kamarudin Sadakkuthulla
DIMP., KMW., PPN., SmSEkon(Kep)(UKMalaysia), S.SPend.(Pend. Ekon)
(UKMalaysia), Ph.D (Pend. Ekon) (UKMalaysia)

Bendahari

Encik Mohd Azli Mohd Kasirun C.A(M)
SmP (Kep)(UKMalaysia), MBA (Cardiff, UK)

Ketua Pustakawan

Cik Rohaya Umar
B.A (Hons) Islamic Studies (UKMalaysia), M.S. (UPM), Postgrad. Dip. in Lib. Sc.
(ITM)

Penasihat Undang-Undang

Prof. Dr. Salawati Mat Basir
DNS., LL.B (Hons) (UKMalaysia), LL.M (UKMalaysia), Ph.D
(UKMalaysia), Advocate & Solicitor (Malaya)

Pro Naib Canselor (Strategi & Pembangunan Korporat)

Lt. Kol. Prof. Dr. Haji Roslee Rajikan
DNS., SmSn (Dietetik) (UKMalaysia), MSc. (Aberdeen), Ph.D (Glasgow)

Pro Naib Canselor (Penjanaan & Prasarana)

YBhg. Prof. Dr. Norhamidi Muhamad

DPT., BSc. (Mechanical Engineering) (USA)., MSc. (Design & Economic Manufacturing) (Wales)., Ph.D (Mechanical Engineering) (Wales)

Pro Naib Canselor (Kampus KL)

YBhg. Prof. Dato' Dr. Hanafiah Haruna Rashid

DBNS., DNS., BSc.Med (St And)., MBChB (Edin)., FRCSI (Ire)., FRCSEd, FRCS (Gen)., C.C.T (UK Vascular)., FACS (USA)., FAMS (Singapore)., FAMM (Mal)

Pejabat Pengurusan Risiko, Kelestarian dan Kesihatan Perkerjaan (ROSH-UKM)

YBhg. Prof. Ts. Dr. Kadir Arifin

BAC (UKMalaysia)., Master Env. Mngt (UKMalaysia)., Ph.D (UKMalaysia)., P. Tech., Member of NIOSH.

Pusat Teknologi Maklumat

Prof. Madya Dr. Rozilawati Razali

BSc (Sheffield Hallam, UK)., MSc (UiTM)., Ph.D (Southampton,UK)

Prasarana UKM

Encik Zolkefli Mohamed

Falsafah, Wawasan, Misi dan Matlamat UKM

Falsafah

Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan Universiti.

Wawasan

UKM bertekad menjadi Universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat dan zamannya bagi membentuk masyarakat dinamis, berilmu dan berakhlak mulia.

Misi

Menjadi universiti terpilih yang memartabatkan Bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

Matlamat

Untuk menjadi pusat keilmuan yang terkehadapan, berteknologi dan berdaya saing yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai pusat bahasa ilmu, membangun masyarakat dinamis dan berakhlak mulia, mengantarabangsakan citra dan sumbangan UKM bagi masyarakat sejagat, menjana teknologi yang bermanfaat kepada masyarakat.

IMBASAN SEJARAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Cetusan pertama gagasan perlunya pendidikan tinggi untuk orang Melayu muncul dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja pada 1903. Za'ba, seorang cendekiawan, menulis berkenaan gagasan tersebut dalam akhbar Lembaga Melayu pada 1917. Gerakan pemikiran, perdebatan serta tekad golongan cendekiawan Melayu untuk menubuhkan sebuah universiti dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi bermula pada tahun 1923 apabila Abdul Kadir Adabi, seorang lagi cendekiawan Melayu mengemukakan memorandum gagasan tersebut kepada DYMM Sultan Kelantan. Namun demikian, pemikiran dan tekad tersebut tidak dapat berkembang dan terlaksana kerana wujudnya berbagai-bagai halangan dan rintangan oleh tekanan kolonialisme.

Mulai tahun 1957 hingga 1967, perjuangan untuk penubuhan universiti kebangsaan menjadi semakin bersemarak sebagai memenuhi tuntutan dan semangat kemerdekaan bangsa dan negara. Sehubungan itu, pada tahun 1968, cendekiawan Melayu telah membentuk sebuah jawatankuasa penaja yang berperanan merancang penubuhan sebuah universiti kebangsaan. Pelbagai forum budaya dan politik diadakan bagi mendapat sokongan kerajaan dan rakyat untuk mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua bidang pengajian dan keilmuan. Perjuangan yang tidak pernah luput itu mencapai kejayaan dengan penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 18 Mei 1970 yang memulakan operasi pertamanya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Kumpulan pertama pelajar prasiswazah seramai 192 orang dan dua (2) orang pascasiswazah mula mendaftar di tiga buah fakulti iaitu Fakulti Sains, Fakulti Sastera dan Fakulti Pengajian Islam.

Pada tahun 1974, UKM menubuhkan UKM Kampus Sabah di Kebun Kawang, Papar. Nama Kebun Kawang kemudiannya ditukar kepada Limauan oleh Tun Datu Mustapha Datu Harun yang ketika itu sebagai Ketua Menteri Sabah. Kampus yang menempatkan Fakulti Sains dan Sumber Alam ini berpindah ke Bukit Padang, Kota Kinabalu pada tahun 1980. Seterusnya berpindah ke Menggatal, Tuaran pada tahun 1990 bersama Fakulti Sains Pembangunan yang asalnya ditempatkan di Kampus Induk Bangi. Dengan penubuhan Universiti Malaysia Sabah pada 1994, UKM Kampus Sabah ditutup secara rasminya pada tahun 1996 dan kedua-dua buah fakulti berkenaan dipindahkan ke Kampus Induk Bangi, Selangor.

Sejak 46 tahun penubuhannya, UKM telah menghasilkan 182,375 orang graduan prasiswazah dan siswazah. Universiti ini terus berkembang pesat sebagai sebuah universiti awam terkehadapan yang kini mempunyai tiga belas (13) fakulti dan tiga belas (13) institut kecemerlangan penyelidikan. UKM juga mempunyai entiti yang beroperasi secara komersil, iaitu UKM Holdings Sdn. Bhd. sebagai satu pendekatan dalam mengkomersilkan dan memasyarakatkan kepakaran yang dimiliki di samping menjaga kewangan Universiti.

Kampus induk UKM di Bangi yang memulakan operasinya pada tahun 1977 mempunyai keluasan 1,096.29 hektar. Kampus Induk Bangi menempatkan sembilan (9) buah fakulti, dan sebelas (11) institut penyelidikan. UKM juga mempunyai sebuah kampus di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur dengan keluasan 20 hektar yang menempatkan Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Farmasi dan Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan (Institute-HEARS). Manakala Pusat Perubatan UKM (PPUKM) yang mempunyai keluasan 22.3 hektar di Cheras, Kuala Lumpur menempatkan Fakulti Perubatan, Hospital Canselor Tuanku Muhriz dan Institut Perubatan Molekul (UMBI).

Berasaskan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan lebih empat dekad, UKM dipilih sebagai salah sebuah universiti penyelidikan di Malaysia pada tahun 2006. Bagi memastikan penyelidikan yang dilaksanakan memberi makna kepada pembangunan negara dan masyarakat, UKM telah mengambil tindakan mewujudkan strategi bagi menjuarai Cabaran Perdana Malaysias/Global. Antara tindakan yang diambil adalah mengenalpasti dan menggerakkan penyelidikan yang dapat membantu menyelesaikan tujuh (7) bidang tujuhan penyelidikan cabaran perdana iaitu Akal Budi Melayu; Islam Kontemporari; Integrasi ASEAN; Pemerkasaaan B40; Pengukuhan STEM; Malaysia Lestari; dan Malaysia Sihat Sejahtera. Proses pemantapan bidang penyelidikan juga disusuli dengan kumpulan penyelidikan yang tertumpu di bawah dua belas (12) nic penyelidikan.

UKM juga adalah penerima Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006, memperoleh status Swa-Akreditasi pada 2010 dan diberikan status Universiti Autonomi pada Januari 2012. Penganugerahan ini adalah pengiktirafan bagi kecemerlangan UKM dalam bidang akademik dan tadbir urus. UKM juga melestarikan kecemerlangannya melalui Pelan Strategik UKM 2000-2020 (PS2020).

Kini, UKM memberi tumpuan terhadap enam (6) Bidang Keberhasilan Utama yang dijangka terus melonjakkannya lebih tinggi. Tumpuan tersebut adalah Graduan Beraspirasi Kebangsaan, Berkompeten, Berdaya Saing dan Inovatif; Penyelidikan dan Inovasi yang Berimpak Tinggi; Perkongsian Pintar dan Keterlibatan Strategik; Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang; Penjananaan Kekayaan Se- cara Optimun dan Strategik; dan Prasarana dan Persekitaran Ilmu yang Kondusif

Bagi memastikan roh perjuangan para pelopor UKM terus subur dan segar, kesedaran terhadap sejarah penubuhan dibugar secara berterusan. Menginsafi bahawa UKM adalah institusi harapan masyarakat, seluruh warga universiti, sama ada warga kerja mahupun pelajar, diimbau supaya menyelami dan memahami keperluan rakyat menerusi persoalan yang berlegar dalam kehidupan bernegara selaras dengan peranan UKM sebagai Pendaulat Amanah Negara. Namun, ini tidak mengehadkan jangkauan universiti terhadap segenap perkembangan malah pergolakan yang berlaku di peringkat antarabangsa. Universiti yang memiliki pelbagai kepakaran merentas disiplin diyakini berupaya melangkaui garis psikologikal yang membolehkannya beraksi tangkas dalam arena global serta sama-sama memberi penyelesaian permasalahan yang menghambat kehidupan sejagat.

VISI, MISI DAN MATLAMAT FAKULTI UNDANG-UNDANG, UKM

VISI

Fakulti Undang-Undang bertekad menjadi fakulti yang terkehadapan dalam bidang perundangan dan mencetuskan gagasan baharu selaras dengan teras pembangunan negara.

MISI

Menjadi Fakulti terpilih yang memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan dan mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan.

MATLAMAT

- Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa perundangan dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, khidmat dan perundingan;
- Menyediakan khidmat kepakaran akademik dan profesional dalam ilmu perundangan;
- Melahirkan graduan yang berintegriti, terlatih dan berkemahiran dalam undang-undang Sivil dan Syariah; dan
- Mengukuhkan dan meningkatkan citra fakulti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa

Imbasan Sejarah Fakulti Undang-Undang

Fakulti Undang-Undang (FUU), UKM ditubuhkan pada 1 Februari 1984 dengan pengambilan seramai 36 orang pelajar bagi mengikuti kursus Matrikulasi Undang-Undang. Pada sesi 1986/87, FUU memulakan sidang akademiknya apabila 36 orang pelajar itu diambil masuk ke Tahun 1. Pada tahun 1989, FUU mendapat pengiktirafan daripada Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Guaman 1976. Kumpulan pertama graduan telah dikeluarkan pada tahun 1990. Pada tahun 1996, FUU mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan untuk memulakan Program Ijazah Sarjana Undang-undang (SUU) dan Doktor Falsafah (Ph.D). Calon pertama diambil masuk pada semester 1 sesi 1997/98 untuk Ijazah Sarjana Undang-undang dengan mod Penyelidikan sahaja dan mod Kerja Kursus dan Penyelidikan. Mulai semester sesi 2002/2003, FUU telah memperkenalkan satu lagi bentuk pengajian di peringkat Sarjana iaitu mod Kerja Kursus sahaja. FUU telah mengorak langkah dengan menawarkan program-program secara eksekutif dengan kerjasama Pusat Kembangan Pendidikan. Bermula dengan penawaran Sarjana Harta Intelek (Eksekutif) pada semester II sesi 2004-2005, satu lagi program yang ditawarkan ialah program Sarjana Undang-undang Perniagaan (Eksekutif) yang telah dimulakan pada sesi 2005-2006.

Kini, FUU mempunyai pakej program prasiswazah yang merangkumi disiplin ilmu yang utama. Pelajar-pelajar prasiswazah FUU didedahkan dengan kursus-kursus sivil dan syariah. Komponen syariah inilah yang membezakan FUU dengan institusi akademik yang lain. Pelajar-pelajar bukan Islam juga dikehendaki mengikuti kursus-kursus syariah sepanjang pengajian termasuk bahasa Arab yang diajar selama semester. Selain itu, komponen kursus-kursus profesional pada Tahun 4 program prasiswazah FUU merupakan satu lagi aspek yang menarik di FUU kerana penglibatan industri dalam pengajaran dan pembelajaran di samping penerapan kemahiran-kemahiran profesionalisme yang diperlukan oleh graduan undang-undang. Pada akhir sesi pengajian prasiswazah, para pelajar akan terlibat dalam sesi Perbicaraan Olok-olok (*Mock Trial*) yang menjadi komponen utama dalam kursus Advokasi dan Litigasi.

Di samping itu, FUU sentiasa terlibat dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan yang dapat mengasah bakat dan memperkasakan kemahiran generik para pelajar sama ada di peringkat domestik mahupun di persada antarabangsa. Pertandingan seperti Mooting, Client Consultation dan debat merupakan antara acara utama yang disertai oleh pelajar-pelajar FUU. Yang membanggakan ialah FUU pernah bergelar juara dunia dalam pertandingan Mooting antarabangsa.

PENTADBIRAN FAKULTI UNDANG-UNDANG

PENGURUSAN UTAMA

Dekan

Prof. Madya Dr. Jady@Zaidi Hasim

Tel : 03-8921 6351/6373

E-mel : jady@ukm.edu.my; dfuu@ukm.edu.my

Timbalan Dekan Akademik

Prof. Madya Dr. Safinaz Mohd Hussein

Tel : 03-8911 8430/6352

E-mel : tdfuu@ukm.edu.my; / finaz@ukm.edu.my

Timbalan Dekan Penyelidikan & Inovasi

Prof. Madya Dr. Rasyikah Md. Khalid

Tel : 03-8921 6384/6353

E-mel : tdpifuu@ukm.edu.my / rasyikah@ukm.edu.my

Timbalan Dekan Hal Ehwal Jaringan & Alumni

Dr. Muhamad Helmi Md. Said

Tel : 03-8921 6375/6358

E-mel : tdjffuu@ukm.edu.my; / mhelmisaid@ukm.edu.my

PENOLONG DEKAN

Kualiti & Strategi

Dr. Asma Hakimah Abd Halim

Tel : 03-8921 6379, E-mel : hakimah@ukm.edu.my

Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Dr. Mohd Shahril Nizam Md Radzi

Tel : 03-8921 6361, E-mel : shahrilnizamr@ukm.edu.my

Keusahawanan & Kreativiti

Dr. Hazlina Shaik Mohd Noor Alam

Tel : 03-8911 6366, E-mel : hazlinashaik@ukm.edu.my

Pengajaran & Citra

Dr. Saidatul Nadia Abd Aziz

Tel : 03-8921 6370, E-mel : nadia_aziz@ukm.edu.my

PENGERUSI PUSAT

Undang-Undang Antarabangsa & Siyar (CILAS)

Dr. Muhamad Sayuti Hassan @ Yahya

Tel: 03-8921 6383, E-mel: sayutihassan@ukm.edu.my

Undang-Undang Malaysia & Perbandingan (MyCOL)

Prof. Madya Dr. Mohammad Rizal Abdul Rahman

Tel : 03-8921 6368, E-mel : noryn@ukm.edu.my

KETUA PROGRAM

Prasiswazah

Dr. Nurhafilah Musa

Tel: 03-8921 6364, E-mel: hafilah@ukm.edu.my

Pasca Siswazah

Prof. Madya Dr. Ruzian Markomk

Tel: 03-8911 8440, E-mel: ruzian@ukm.edu.my

Jaringan Industri & Komuniti

Dr. Nadhilah A. Kadir

Tel: 03-8921 6380, E-mel: nadhilah@ukm.edu.my

PENYELARAS

Tahun 1

Dr. Mohd Zamre Mohd Zahir

Tel: 03-8921 6384, E-mel : zamre@ukm.edu.my

Tahun 2

Dr. Fatimah Yusro Hashim

Tel: 03-8921 6359, E-mel : wardatun@ukm.edu.my

Tahun 3

Dr. Prof. Madya Dr. Ahmad Azam Mohd Shariff

Tel : 03-8911 8437, E-mel : aazam@ukm.edu.my

Unit Profesional Tahun 4

En. Aminurasyed Mahpop

Tel: 03-8921 6362, E-mel : aminurasyed@ukm.edu.my

Program UKMSHAPE

Dr. Nur Khalidah Dahlan

Tel: 03-8921 6382, E-mel : nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my

Unit Media

Dr. Nurul Hidayat Ab Rahman

Tel: 03-8921 6360, E-mel : nhidayat@ukm.edu.my

Mentor Menti

Pn. Rozlinda Mohamed Fadzil

Tel: 03-8911 8433, E-mel : leenda@ukm.edu.my

Ketua Klinik Literasi dan Bantuan Guaman (KLBG)

Dr. Suhaizad Saifuddin

Tel: 03-8921 6375, E-mel: suhaizad@ukm.edu.my

Penolong Pendaftar Kanan

YM Raja Noor Azri Bin Raja Afandi

Tel : 03-8921 6354, E-mel : ppfuu@ukm.edu.my

PROFESOR

Dr. Hasani Mohd. Ali

LL.B (Hons) (IIUM), LL.M. (Sheffield), Ph.D (Dundee)

Tel : 03-8911 8435, E-mel : hmohdali@ukm.edu.my

Dr. Nazura Abdul Manap

SmU(Kep)(UKM), LL.M(Lond.), Ph.D (IIUM)

Peguambela & Peguamcara (Malaya) (Tidak beramal)

Tel : 03-8921 6373 , E-mel : tds@ukm.edu.my /nazura@ukm.edu.my

Dato' Noor Aziah Hj. Mohd Awal

DBNS., DNS., LLB (Hons) (Essex)., LLM (Kent)

Tel : 03-8921 6378, E-mel : naha@ukm.edu.my

Dr. Zinatul Ashiqin Zainol

LL.B (Hons)(IIUM), LL.M (Lond.), Ph.D (IIUM)

Tel : 03-8911 8436, E-mel : shiqin@ukm.edu.my

Dr. Salawati Mat Basir

SmU(Kep)(UKM), LLM(UKM), Ph.D (UKM)

Peguambela & Peguamcara Malaya (Tidak beramal)

Tel : 03-8921 6363, E-mel: salawati@ukm.edu.my

PROFESOR MADYA

Dr. Ahmad Azam Mohd Shariff

LL.B (Hon), LL.B (Syariah), MCL (IIUM), Ph.D (UKM)
Tel : 03-8911 8437, E-mel : aazam@ukm.edu.my

Dr. Haniff Ahamat

LL.B (Hons)(IIUM), LL.M (UKM), Ph.D (Essex)
Advocate & Solicitor (Malaya)
Tel: 03-8921 6380, E-mel : haniff@ukm.edu.my

Dr. Jady @ Zaidi Hassim

LL.B (Hons)(IIUM), MCL (IIUM), Ph.D (UKM)
Tel : 03-8921 6361, E-mel : jady@ukm.edu.my

Dr. Mohamad Rizal Abd. Rahman

LL.B(Hons)(IIUM), LL.M (UM), Ph.D (Otago, New Zealand)
Tel : 03-8921 6368, E-mel : noryn@ukm.edu.my

Dr. Ramalingam Rajamanickam

SmU(Kep)(UKM), LL.M (UKM), Ph.D (UKM),
Dip. Penterjemahan Profesional (Modul Undang-undang) (Modul Komunikasi)
(Persatuan Penterjemahan Malaysia - DBP).
Tel : 03-8921 6376, E-mel : rama@ukm.edu.my

Dr. Rasyikah Md. Khalid

LL.B (Sheffield), LL.M (Malaya), Ph.D (UKM)
Accredited Mediator, Cert. In Mediation (MMC)
Tel : 03-8921 6384/6353, E-mel : rasyikah@ukm.edu.my

Dr. Rohaida Nordin

LL.B (Malaya), SUU (UKM), Ph.D (Lancaster)
Peguambela & Peguamcara (Malaya), (Tidak beramal) Peguam Syarie (Melaka)
Tel: 03-8921 6365, E-mel : rohaidanordin@ukm.edu.my

Dr. Ruzian Markom

LL.B (Hons)(IIUM), LL.B (Syariah) (IIUM), LL.M (Wales), Ph.D (IIUM)
Peguambela & Peguamcara Malaya (Tidak beramal)
Tel : 03-8921 6379, E-mel : ruzian@ukm.edu.

Dr. Safinaz Mohd. Hussein

LL.B (Hons) (IIUM), LL.M (NSW), Ph.D (IIUM)
Peguambela & Peguamcara (Malaya) (Tidak beramal)
Tel : 03-8921 6372, E-mel : finaz@ukm.edu.my

Dr. Shahrul Mizan Ismail

LL.B (Hons)(IIUM), LL.M (Human Rights) (Nottingham), Ph.D (UKM)
Advocate & Solicitor (Malaya)
Tel : 03-8921 6360, E-mel : shahrulmizan@ukm.edu.my

Dr. Tengku Noor Azira Tengku Zainudin

SmU (Kep), (UKM), SUU (UKM), Ph.D (UKM)
Peguambela & Peguamcara (Malaya) (Tidak beramal)
Tel : 03-8921 6383, E-mel : tna@ukm.edu.my

Dr. Wan Siti Adibah Wan Dahalan

SmU (Kep)(UKM), LL.M (Southampton), Ph.D (UM)
Tel : 03-8921 6381, E-mel : wsa@ukm.edu.my

Dr. Hanim Kamaruddin

SmU (Kep)(UKM), LL.M (Wales), Ph.D (UM)
Peguambela & Peguamcara (Malaya) (Tidak beramal)
Accredited Mediator, Cert. In Mediation (MMC)
Tel: 03-8921 6386, E-mel : hanim@ukm.edu.my

PENSYARAH KANAN

Dr. Asma Hakimah Ab Halim

LL.B (Hons) (IIUM), LL.B (S) (Hons) (IIUM), CiCA (IIUM), SUU (UKM)
Ph.D (GCU,Glasgow),
Peguambela & Peguamcara (Malaya). (Tidak beramal)
Accredited Mediator, Cert. In Mediation (MMC)
Tel: 03-8921 6388, E-mel : hakimah@ukm.edu.my

Dr. Fatimah Yusro Hj. Hashim

LL.B (Hons)(IIUM), LL.B (Syariah) (IIUM), LL.M (Lond.)
Peguambela & Peguamcara (Malaya)(Tidak Beramal)
Peguam Syarie (Wilayah Persekutuan)
Accredited Mediator, Cert. In Mediation (MMC)
Tel : 03-8921 6359, E-mel : wardatun@ukm.edu.my

Dr. Haniwarda Yaakob

LL.B (Hons)(Kent), LL.M (Malaya), Ph.D (Lancaster)
Peguambela & Peguamcara
Tel: 03-8911 8432, E-mel : hani75@ukm.edu.my

Dr. Hazlina Shaik Md Noor Alam

LL.B (Hons) London, Ph.D (UKM)
Tel: 03-8921 6366, E-mel : hazlinashaik@ukm.edu.my

Dr. Mohamad Helmi Md. Said

LL.B (Hons) (UIA), Ph.D (UIA)

Tel: 03-8921 6375, E-mel: mhelmisaid@ukm.edu.my

Dr. Nurhafilah Musa

LL.B(Hons)(IIUM), MA(UM). Ph.D

Tel : 03-8921 6364, E-mel : hafilah@ukm.edu.my

Dr. Nur Khalidah Dahlan

DPA, BLS (Hons)(UiTM), DLSA, LLM (UiTM), Ph.D (UKM)

Tel : 03-8921 6382, E-mel : nurkhalidahdahlan@ukm.edu.my

Pn. Rozlinda Mohamed Fadzil

LL.B(Hons)(Anglia), LL.M (Liverpool)

Tel : 03-8911 8433, E-mel : leenda@ukm.edu.my

Dr. Saidatul Nadia Abd Aziz

SmU(Kep)(UKMalaysia), LLM(UK Malaysia), Ph.D (UKM)

Tel : 03-8921 6370, E-mel : nadia_aziz@ukm.edu.my

Tn. Aminurasyed Mahpop

SmU(Kep)(UKM), Dip. Kehakiman Islam (UKM), LL.M (Malaya).

Peguambela & Peguamcara (Malaya). (Tidak beramal)

Peguam Syarie (Wilayah Persekutuan)

Tel: 03-8921 6362; E-mel : aminurasyed@ukm.edu.my

Dr. Mohamad Azhan Yahya

Bachelor of Syariah & Islamic Law (Hons)(KUIS), Diploma

in Judicialang Advocatory Practise (USIM), LL.M (UKM), Syarie Lawyer (Kelantan, Pahang Federal Territory, Negeri Sembilan and Malacca), Accredited Mediator, Cert. in Mediation (The Accord Group, Australia), Ph.D (UKM)

Tel : 03-8921 6361, E-mel : azhan@ukm.edu.my

Dr. Nurul Hidayat Ab Rahman

LLB (Hons) (UKM), DSLP (UKM), LL.M (IIUM)

Advocate & Solicitor (Malaya)

Tel : 03-8921 6360, E-mel : nhidayat@ukm.edu.my

Dr. Mohd Shahril Nizam Md Radzi

LL.B (Hons) (UniSZA), LL.M (University of Kent, UK). Ph.D (UniSZA)

Tel: 03-8921 6361, E-mel: shahrilnizammr@ukm.edu.my

Dr. Muhamad Sayuti Bin Hassan @ Yahya

LL.B (Hons)(IIUM), LL.M (UKMalaysia), Ph.D (UKMalaysia)

Tel: 03-8921 6383, E-mel: sayutihassan@ukm.edu.my

Dr. Nabeel Mahdi Althabhwawi

LL.B (University of Babylon), LL.M (University of Babylon). Ph.D (UKMalaysia)

Tel : 03-8921 6367, E-mel : althabhawi@ukm.edu.my

Dr. Nadhilah A. Kadir

LL.B (Hons) (IIUM), LL.M (IIUM), Ph.D (IIUM)

Tel : 03-8921 6380, E-mel : nadhilah@ukm.edu.my

Dr. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif

SmU(Kep)(USIM), LL.M(UKM), Ph.D (UKM)

Tel : 03-8921 6377, E-mel: izzatamsyar@ukm.edu.my

Dr. Suhaizad Saifuddin

LL.B(Hons)(University Al-Azhar of Egypt), LL.M(UKM), Ph.D (UKM)

Tel : 03-8921 6375, E-mel: suhaizad@ukm.edu.my

Dr. Hanifah Haydar Ali Tajuddin

LLB & LLB(S) (IIUM), MCL (IIUM), Ph.D (IIUM)

Tel : 03-8921 6382, E-mel: hanifahhaydar@ukm.edu.my

Cik Athirah Mohd Anuar

SmU(Kep)(UKM), LL.M(Cambridge)

Tel : 03-8921 6382, E-mel: athirah.anuar@ukm.edu.my

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (HPP)

Pada akhir program, graduan seharusnya berupaya untuk:

	HPP	MQF
1	Memahami prinsip undang-undang, konsep dan teori serta sumber perundangan.	Ilmu Pengetahuan dan Pemahaman – Kognitif
2	Mengaplikasikan ilmu dan kefahaman perundangan dalam menyelesaikan permasalahan undang-undang.	Kemahiran Kognitif - Kognitif
3	Mempamerkan kemahiran professional dalam bidang perundangan dan kehakiman.	Kemahiran Praktikal - Psikomotor
4	Menerangkan perkembangan undang-undang di pelbagai peringkat kepada pemegang taruh.	Kemahiran Interpersonal - Afektif
5	Menunjukkan kemahiran berkomunikasi secara efektif melalui lisan dan bertulis.	Kemahiran Berkomunikasi - Afektif
6	Menggunakan kemahiran digital untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan profesionalisme secara berterusan.	Kemahiran Digital - Psikomotor
7	Menerangkan undang-undang secara numerikal dan bersistematik.	Kemahiran Celik Angka - Afektif
8	Mengorganisasi kumpulan sepanjang proses pembelajaran undang-undang secara autonomi dan bertanggungjawab.	Kepimpinan, Autonomi dan Kebertanggungjawaban - Afektif
9	Mengamalkan nilai kematangan sendiri dan kemanusiaan dalam amalan perundangan.	Kemahiran Personal - Afektif
10	Melaksanakan kemahiran keusahawanan dalam Pengurusan kerjaya perundangan.	Keusahawanan - Afektif
11	Mengamalkan nilai etika dan profesionalisme dalam amalan perundangan	Etika dan Profesionalisme - Afektif

**PROGRAM SARJANA MUDA UNDANG-UNDANG
FAKULTI UNDANG-UNDANG UKM SESI 2023-2024**

KURSUS YANG DITAWARKAN

TAHUN 1

SEMESTER I

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP1113	Undang-Undang Tort I	WF	3
UUUP1213	Undang-Undang Kontrak I	WF	3
UUUP1313	Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia	WF	3
UUUP1413	Kaedah Undang-Undang	WF	3
LMCE 1072/ LMCE 1082	Academic Literacy/ Page to Stage	WF	2
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	1
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
JUMLAH KREDIT			19

SEMESTER II

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP1123	Undang-Undang Tort II	WF	3
UUUP1223	Undang-Undang Kontrak II	WF	3
UUUP1523	Pengantar Perundangan Islam	WF	3
UUUP1242	Bahasa Arab I untuk Undang-Undang	WF	2
LMCW1022	Asas Keusahawanan & Inovasi	CW	2
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
JUMLAH KREDIT			19

TAHUN 2

SEMESTER I

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP2113	Undang-Undang Perlembagaan I	WF	3
UUUP2213	Undang-Undang Jenayah I	WF	3
UUUP2313	Undang-Undang Keluarga	WF	3
UUUP2413	Undang-Undang Tanah I	WF	3
UUUP2713	Pengenalan Kepada Advokasi (Mut)	WF	3
UUUP2142	Bahasa Arab II untuk Undang-Undang	WF	2
LMCW 2143	Falsafah dan Isu Semasa	CW	3
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
JUMLAH KREDIT			22

SEMESTER II

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP2123	Undang-Undang Perlembagaan II	WF	3
UUUP2223	Undang-Undang Jenayah II	WF	3
UUUP2323	Undang-Undang Keluarga Islam	WF	3
UUUP2423	Undang-Undang Tanah II	WF	3
UUUP2823	Undang-Undang Antarabangsa Awam	WF	3
UUUP2923	Muamalat	WF	3
LMCE2092/ LMCE2103	Speak to Persuade/ Advanced Communication Project	WF	2/3
LMCW2153	Penghayatan Etika dan Peradaban	CW	3
LMCW2022	Pengurusan & Analitik Data	CW	2
JUMLAH KREDIT			25

TAHUN 3**SEMESTER I**

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP3113	Undang-Undang Syarikat I	WF	3
UUUP3313	Ekuiti dan Undang-Undang Amanah I	WF	3
UUUP3213	Jurispruden	WF	3
UUUP3613/ UUUP3623	Jurispruden Islam/Undang-Undang Perbankan Islam & Takaful (Elektif A)	PB	3
UUUP3XXX	Elektif B	PB	3
UUUP3XXX	Elektif B	PB	3
XXXX	Elektif Citra Luar	CL	2
JUMLAH KREDIT			20

** UUUP3613/UUUP3623 (Elektif A).

SEMESTER II

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP3123	Undang-Undang Syarikat II	WF	3
UUUP3323	Ekuiti dan Undang-Undang Amanah II	WF	3
UUUP3423	Kertas Projek	WF	3
UUUP3603 /UUUP3X XX	Undang-Undang Jenayah Islam/Elektif A	PB	3
UUUP3XX	Elektif B	PB	3
UUUP3XX	Elektif B	PB	3
LMCE 3071	Professional Communication	WF	1
JUMLAH KREDIT			19

** UUUP3603 (Elektif A).

SEMESTER III

Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP3535	Latihan Industri	WF	5
JUMLAH KREDIT			5

TAHUN 4			
SEMESTER I			
Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP4113	Tatacara Jenayah I	WF	3
UUUP4213	Tatacara Sivil I	WF	3
UUUP4313	Undang-Undang Keterangan I	WF	3
UUUP4413	Conveyancing	WF	3
UUUP4513	Penggulungan & Kebankrapan	WF	3
UUUP4613	Kemahiran Perundingan & Kaedah Penyelesaian Alternatif	WF	3
UUUP4711	Pengurusan Firma & Personel	WF	1
JUMLAH KREDIT			19
SEMESTER II			
Kod Kursus	Nama Kursus	Taraf	Kredit
UUUP4123	Tatacara Jenayah II	WF	3
UUUP4223	Tatacara Sivil II	WF	3
UUUP4323	Undang-Undang Keterangan II	WF	3
UUUP4824	Advokasi Perbicaraan Jenayah	WF	4
UUUP4924	Advokasi Perbicaraan Sivil	WF	4
UUUP4721	Etika Perundangan	WF	1
UUUP4023	Undang-Undang Keterangan dan Tatacara Mahkamah Syariah	WF	3
JUMLAH KREDIT			21

Catatan:

WF	Wajib Fakulti
CL	Citra Luar
PB	Pilihan Bebas
CW	Citra Wajib Universiti

Kursus Citra Wajib Universiti:

Kursus Wajib Universiti – Taraf kursus adalah CW dan kursus ini ditawarkan oleh Pusat Citra Universiti. Pelajar perlu lulus dan melengkapkan 10 kredit. Kursus Wajib Universiti adalah seperti berikut :

Kod Kursus	Tajuk	Kredit
LMCW1022	Asas keusahawanan dan Inovasi	2
LMCW2022	Pengurusan dan Analitik Data	2
LMCW 2143	Falsafah dan Isu Semasa	3
LMCW 2153	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
JUMLAH		10

Kursus Citra Universiti:

Kursus Citra Universiti – Taraf kursus adalah C1, C2, C3, C4, C5 & C6. Pelajar perlu melengkapkan keperluan **kredit minimum** mengikut Citra seperti rajah di bawah:

Domain Citra	Kredit	
Citra 1 – Literasi Bahasa dan Komunikasi	2	
Citra 2 – Pemikiran Kreatif dan Reka Cipta	2	
Citra 3 - Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan	2	
Citra 4 - Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan	2	
Citra 5 - Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial	2	
Citra 6 - Keterampilan Diri dan Pasukan	2	
JUMLAH		12

* Baki keperluan kredit Kursus Citra mengikut domain adalah ditentukan oleh pelajar. Pelajar bebas memilih sendiri mana-mana kursus yang bertaraf Kursus Citra melalui mana-mana Domain Citra.

SENARAI KURSUS ELEKTIF FAKULTI UNDANG – UNDANG

Bil	KOD KURSUS	NAMA BM	NAMA BI	TARAF (PB)
1.	UUUP3603	Undang-Undang Jenayah Islam	<i>Criminal Islamic Law</i>	Elektif A
2.	UUUP3623	Undang-Undang Perbankan Islam & Takaful	<i>Law of Islamic Banking and Takaful</i>	Elektif A
3.	UUUP3613	Jurispruden Islam	<i>Islamic Jurisprudence</i>	Elektif A
4.	UUUP3633	Undang-Undang Alam Sekitar	<i>Environmental Law</i>	Elektif B
5.	UUUP3643	Undang-Undang Angkasa Lepas	<i>Space Law</i>	Elektif B
6.	UUUP3653	Undang-Undang Buruh	<i>Labour Law</i>	Elektif B
7.	UUUP3663	Undang-Undang Harta Intelek	<i>Law of Intellectual Property</i>	Elektif B
8.	UUUP3673	Undang-Undang Insurans	<i>Insurance Law</i>	Elektif B
9.	UUUP3683	Undang-Undang Kewangan Korporat	<i>Corporate Finance Law</i>	Elektif B
10.	UUUP3693	Undang-Undang Jualan Barang	<i>Law of Sale of Good</i>	Elektif B
11.	UUUP3703	Undang-Undang Pengguna	<i>Consumer Law</i>	Elektif B
12.	UUUP3713	Undang-Undang Pentadbiran	<i>Administrative Law</i>	Elektif B
13.	UUUP3723	Undang-Undang Perbankan	<i>Law of Banking</i>	Elektif B
14.	UUUP3733	Undang-Undang Siber	<i>Cyber Law</i>	Elektif B
15.	UUUP3743	Undang-Undang Urusniaga Antarabangsa	<i>Law of International Trade</i>	Elektif B
16.	UUUP3753	Undang-Undang Kredit	<i>Law of Credit</i>	Elektif B
17.	UUUP3763	Undang-Undang Pelancongan	<i>Tourism Law</i>	Elektif B
18.	UUUP3773	Undang-Undang Sukan	<i>Sports Law</i>	Elektif B

32 *Prospektus Prasiswazah*

19.	UUUP3783	Undang-Undang dan Masyarakat	<i>Law of Society</i>	Elektif B
20.	UUUP3793	Undang-Undang Nuklear	<i>Nuclear Law</i>	Elektif B
21.	UUUP3803	Undang-Undang Laut	<i>Law of The Sea</i>	Elektif B
22.	UUUP3813	Teknologi Reproduksi dan Undang-Undang	<i>Reproductive Technologies and The Law</i>	Elektif B
23.	UUUP3823	Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa	<i>International Humanitarian Law</i>	Elektif B
24.	UUUP3833	Bahasa Melayu & Undang-Undang	<i>Malay Language and Law</i>	Elektif B
25.	UUUP3843	Undang-Undang Persaingan	<i>Competition Law</i>	Elektif B
26.	UUUP3853	Undang-Undang Antarabangsa dan Orang Asal	<i>International Law and Indigenous People</i>	Elektif B
27.	UUUP3863	Undang-Undang Media dan Komunikasi	<i>Law of Media and Communication</i>	Elektif B

JUMLAH KESELURUHAN KREDIT

Tahun	Semester	Kursus Teras	Kursus Pilihan	Kertas Projek	Latihan Amali	Citra Universiti	Bahasa Inggeris	Citra Wajib	Jumlah
1	I	12				5	2		19
	II	11				6		2	19
2	I	17				2		3	22
	II	18					2	5	25
3	I	9	9			2			20
	II	6	9	3			1		19
	III				5				5
4	I	19							19
	II	21							21
Jumlah		113	18	3	5	15	5	10	169

Sinopsis Kursus Wajib Fakulti

MAKLUMAT KURSUS

UUUP1313 - Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Malaysia

Sinopsis

Kursus ini dirangka bagi memberi kefahaman kepada pelajar mengenai ilmu asas undang-undang dan sistem perundangan Malaysia. Pelajar akan didedahkan kepada sejarah dan evolusi dalam sistem perundangan Malaysia dari tempoh sebelum merdeka sehingga pembentukan Malaysia seperti hari ini. Evolusi dalam sistem perundangan Malaysia dimulakan dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka pada permulaan abad ke 15 yang mengaplikasi Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka. Ini diikuti dengan penerimaan agama Islam dan Undang-Undang Islam dalam sistem perundangan tempatan. Penggunaan Undang-Undang Adat seperti adat Perpatih, Temenggung dan Undang-Undang Adat di Sabah dan Sarawak juga dibincangkan. Akhir sekali, sumber undang-undang lain yang diterimapakai sebelum merdeka dan masih digunapakai sehingga hari ini seperti *Common Law* Inggeris turut dibincangkan. Kursus ini dimulakan dengan memperkenalkan pelajar kepada apa itu undang-undang, sifat dan fungsi undang-undang, klasifikasi undang-undang serta beberapa terminologi undang-undang. Seterusnya pelajar diajar mengenai sejarah dan sumber-sumber perundangan di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis seperti Perlembagaan Persekutuan, Statut, *Common Law*, Ekuiti, Doktrin Duluhan Kehakiman, Undang-Undang Islam, Hindu dan adat. Pelajar juga diperkenalkan kepada doktrin duluhan mengikat, autoriti berpengaruh, *ratio decidendi*, *obiter dicta* dan cara-cara membaca serta memahami kes. Akhir sekali, pelajar diajar mengenai cara-cara mengubal undang-undang dan cara-cara mentafsir statut serta kaedah-kaedah tafsiran statut.

Rujukan

Anthony Marinac et. Al. 2018. Learning the Law. Cambridge University

Ashgar Ali Ali Mohamad. 2017. Malaysian Legal System. Current Law

Journal Publication.

Srimurugan Alagan, Jurisdiction of Courts in Malaysia, Sweet & Max well., 2014.

Wan Arfah Hamzah. 2012. A First Look at the Malaysian Legal System. Oxford Fajar Sdn. Bhd.

UUUP1413 - Kaedah Undang-Undang

Sinopsis

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kaedah mempelajari undang-undang di peringkat asas. Kursus ini dimulakan dengan pengenalan kepada perkhidmatan maklumat perundangan termasuk perpustakaan undang-undang dan cara menggunakannya. Kursus ini kemudiannya menjelaskan prinsip-prinsip yang digunakan dalam membaca kes dan mentafsirkan statut yang telah diperkembangkan oleh hakim dan juris. Prinsip-prinsip ini akan memandu pelajar mengeluarkan hukum atau prinsip perundangan daripada kes dan statut yang merupakan sumber perundangan utama di Malaysia. Disebabkan rapatnya hubungan fakta dan undang-undang, adalah perlu bagi kursus ini mengasah minda analitikal pelajar dalam menganalisa fakta sesuatu keadaan dan mengenal pasti isu dan masalah perundangan keadaan tersebut. Dengan pengetahuan yang didapati daripada kursus Sistem Perundangan Malaysia mengenai definisi undang-undang, sumber undang-undang Malaysia dan cabang undang-undang, kursus ini akan melengkapkan pelajar dengan keupayaan praktikal bagi membaca dan menganalisa undang-undang substantif pada tahap yang lebih tinggi.

Rujukan

James Holland and Julian Webb. 2019. *Learning Legal Rules: A Students' Guide to Legal Method and Reasoning*. Oxford: Oxford University Press.

Emily Allbon & Sanmeer Kaur Dua. 2016. *The Insider's Guide to Legal Skills*. Oxon: Routledge.

A.T.H. Smith. 2016. *Glanville Williams: Learning the Law*. London: Sweet & Maxwell.

Sharon Hanson. 2015. *Learning Legal Skills and Reasoning*. London: Routledge/TaylorFrancis.

Thomas Ian McLeod. 2013. *Legal Method*. Basingstoke: Palgrave MacMillan

UUUP1113 - Undang-Undang Tort I

Sinopsis

Kursus ini meliputi pengenalan kepada undang-undang Tort yang berasal dari common law Inggeris. Pelajar-pelajar akan diperkenalkan kepada definisi dan sejarah perkembangan undang-undang Tort di England agar para pelajar dapat memahami bahawa undang-undang Tort yang diaplikasikan di Malaysia adalah bersandarkan kepada perkembangan kes-kes Tort yang diputuskan di England berdasarkan sistem common law yang dilaksanakan di Malaysia (kecuali dalam undang-undang fitnah yang mana Malaysia mempunyai Akta Fitnah sendiri). Dalam semester satu topik-topik besar yang akan disentuh adalah terdiri daripada Tort berniat dan Tort kecuaihan. Di bawah Tort berniat, pelajar-pelajar akan didedahkan kepada undang-undang pencerobohan terhadap diri (serangan, serang sentuh dan penahanan salah), pencerobohan terhadap tanah dan

36 *Prospektus Prasiswazah*

gangguan terhadap harta benda. Seterusnya pelajar-pelajar akan mengkaji konsep kecuiaan yang merupakan konsep yang luas dalam undang-undang Tort. Ia merangkumi tiga elemen utama iaitu tugas berhati-hati, pelanggaran tugas berhati-hati dan kerosakan. Di bawah topik kecuiaan ini pelajar-pelajar turut perlu memahami aspek pembuktian kecuiaan bagi membuktikan tanggungan dan juga jenis-jenis dalihan yang boleh digunakan. Topik-topik lain yang turut akan diajar adalah jenis kerosakan yang masih sukar diterima oleh undang-undang seperti kejutan saraf dan kerugian ekonomi tulen.

Rujukan

- Norchaya Talib. 2010. *Law of Torts in Malaysia*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell Asia.
- Emily Finch & Stefan Fafinski. 2017. *Tort Law*. Edisi ke -6. United Kingdom: Pearson.
- Mark Lunney, Donal Nolan & Ken Oliphant. 2017. *Tort Law: Text & Materials*. Edisi ke -6. . United Kingdom: Oxford University Press.
- David Howard, Martin Matthew, Jonathan Morgan, Janet O’Sullivan & Stelios Tofaris. 2015. *Hepple and Matthew’s Tort Law: Cases and Materials*. United Kingdom: Hart PublishingLtd.
- Catherine Elliot & Frances Quinn, 2015. *Tort Law*. Edisi ke-10. Harlow: Pearson.
- Jenny Steele, 2014 *Tort Law: Text, Cases & Materials*. Edisi Ke-3. United Kingdom: Oxford University Press.

UUUP1123 - Undang-Undang Tort II

Sinopsis

Kursus ini merangkumi beberapa tanggungan di bawah undang-undang Tort seperti tanggungan penghuni yang melibatkan kesalahan tort yang dilakukan oleh penghuni premis terhadap pelawat-pelawatnya. Terdapat 4 kategori pelawat yang akan dibincangkan iaitu pelawat kontraktual, ‘invite’, pelawat berlesen (licensee) dan penceroboh. Di bawah topik tanggungan keras pula pelajar akan diperkenalkan kepada keadaan di mana satu pihak boleh dikenakan tanggungan bagi kejadian yang berlaku walaupun pihak tersebut tidak melakukan kesalahan. Di bawah topik tanggungan beralih pula, pelajar dapat melihat bahawa majikan boleh turut dikenakan tanggungan bagi kesalahan yang terdiri daripada kacau ganggu awam dan kacau ganggu persendirian. Topik-topik lain adalah undang-undang berkaitan fitnah dan remedi. Topik remedi adalah berkenaan jenis-jenis gantirugi yang boleh diberikan kepada pihak yang telah mendapat kecederaan atau kerugian akibat kesalahan *Tort* yang dilakukan terhadapnya.

Rujukan

- Norchaya Talib. 2010. *Law of Torts in Malaysia*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell Asia.
- Emily Finch & Stefan Fafinski. 2017. *Tort Law*. Edisi ke -6. United Kingdom:

Pearson.

Mark Lunney, Donal Nolan & Ken Oliphant. 2017. *Tort Law: Text & Materials*. Edisi ke -6. . United Kingdom: Oxford University Press.

David Howard, Martin Matthew, Jonathan Morgan, Janet O'Sullivan & Stelios Tofaris. 2015. *Hepple and Matthew's Tort Law: Cases and Materials*. United Kingdom: Hart PublishingLid.

Catherine Elliot & Frances Quinn, 2015. *Tort Law*. Edisi ke-10. Harlow: Pearson.

Jenny Steele, 2014 *Tort Law: Text, Cases & Materials*. Edisi Ke-3. Unit-ed Kingdom: Oxford University Press.

UUUP1213 - Undang-Undang Kontrak I

Sinopsis

Para pelajar akan diperkenalkan kepada dua topik utama undang-undang kontrak. Dalam topik pertama. 'Pengenalan kepada Undang-Undang Kontrak', prinsip-prinsip serta konsep asas akan diketengahkan. Antaranya termasuklah, definisi 'kontrak', jenis-jenis kontrak, ciri-ciri dan fungsi kontrak, konsep kebebasan berkontrak serta keutuhan kontrak. Latar belakang undang-undang kontrak di Malaysia juga akan dibincangkan. Topik kedua pula adalah mengenai 'Pembentukan Kontrak'. Di bawah topik ini, penekanan akan diberikan terhadap elemen-elemen penting sesebuah kontrak, iaitu cadangan, penerimaan, balasan, niat untuk mewujudkan hubungan di sisi undang-undang, keupayaan dan kerelaan bebas. Dalam keadaan tertentu, perbandingan antara kedudukan undang-undang di Malaysia dan undang-undang Inggeris akan dibuat dengan merujuk kepada peruntukan di bawah Akta Kontrak 1950 (disemak 1974), Akta Undang-Undang Sivil 1956 (disemak 1972) dan Akta Relif Spesifik 1950 (disemak 1974) serta kes-kes yang berkaitan.

Rujukan

- Stone R. & Devenney, J. 2019. *Modern Law of Contract*. 13th Edition. London: Routledge.
- Beale, H. 2019. *Chitty on Contracts*. 33rd. Edition. London: Sweet & Maxwell.
- Beatson, J., Burrows, A. and Cartwright, J., 2016. 30th edition. *Anson's Law of Contract*. Oxford: Oxford University Press.
- Peel, E. 2015. *Treitel Law of Contract*. 14th edition. London: Sweet & Maxwell.
- Sinnadurai, V. 2011. *Law of Contract*. (Vol. I & II). Petaling Jaya: LexisNexis.

UUUP1223 - Undang-Undang Kontrak II

Sinopsis

Kursus ini bermula dengan bahagian akhir elemen pembentukan kontrak iaitu kesahan kontrak. Seterusnya ia akan meliputi tiga topik utama dalam undang-undang kontrak iaitu isi kandungan kontrak, pelepasan kontrak dan remedi. Di bawah topik isi kandungan kontrak, pelajar akan didedahkan kepada konsep syarat, waranti, terma inominat dan fasal pengecualian. Topik pelepasan kontrak pula meninjau empat keadaan iaitu pelepasan

38 *Prospektus Prasiswazah*

secara perjanjian, pelaksanaan, kemungkiran kontrak dan pelepasan di bawah doktrin kekecewaan. Kursus ini diakhiri dengan topik remedi yang akan membincangkan konsep gantirugi jumlah tidak tentu dan gantirugi jumlah tertentu. Di bawah konsep gantirugi jumlah tidak tentu, perbincangan akan difokuskan kepada ‘remoteness of damage’, ‘mitigation of damage’ dan ‘measure of damages’. Jenis remedi selain gantirugi iaitu pelaksanaan spesifik dan injuksi akan turut dilihat. Kursus ini diakhiri dengan membincang pemakaian doktrin estoppel dalam konteks kontrak.

Rujukan

Stone R. & Devenney, J. 2019. *Modern Law of Contract. 13th Edition. London: Routledge.*

Beale, H. 2019. *Chitty on Contracts. 33rd. Edition. London: Sweet & Maxwell.*

Beatson, J., Burrows, A. and Cartwright, J., 2016. *30th edition. Anson's Law of Contract. Oxford: Oxford University Press.*

Peel, E. 2015. *Treitel Law of Contract. 14th edition. London: Sweet & Maxwell.*

Sinnadurai, V. 2011. *Law of Contract. (Vol. I & II). Petaling Jaya: Lexis-Nexis.*

UUUP1523 - Pengantar Kepada Perundangan Islam

Sinopsis

Kursus ini secara asasnya mengandungi dua komponen, iaitu Undang-Undang Syariah dan Undang-Undang Islam yang ditadbir di Malaysia. Bahagian pertama kursus ini membincangkan tentang perkara-perkara asas dalam Undang-Undang Syariah. Ia termasuklah pengertian beberapa istilah dalam perundangan Islam seperti pengertian kepada maksud syariah itu sendiri, selain dari memahami terma-terma seperti, fiqh, usul fiqh, hukum dan lain-lain. Kandungan kursus memuatkan perbandingan di antara undang-undang *Samawi* (Undang-undang Allah) dengan undang-undang *Wadh'ei* (Undang-Undang ciptaan manu-sia). Sumber-sumber utama dalam perundangan Syariah dibincangkan dengan terperinci, yang merangkumi sumber yang disepakati iaitu Al-Quran, Sunnah, Ijmak dan *Qiyas*, serta sumber yang tidak disepakati seperti *Istihsan*, *Istishab*, *Istislah*, *Masalih Mursalah*, *Sadd Az-Zara'ei*, *Uruf* dan lain-lainnya. Selain itu, dibincangkan juga perkembangan perundangan Islam dari zaman Rasulullah saw sehingga ke zaman kebangkitan semula ijtihad, sehinggalah kepada sistem perundangan Islam pada masa kini. Bahagian kedua kursus ini mengandungi perbincangan kedudukan undang-undang Islam di Malaysia, sebelum, semasa dan selepas penjajahan sehinggalah selepas kemerdekaan secara ringkas. Turut dibincangkan juga ialah kedudukan Islam di dalam Perlembagaan Persekutuan, struktur Majlis Agama Islam, fungsi Mufti dan Majlis Fatwa Kebangsaan, Peguam Syarie dan kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia serta isu-isu yang berhubungkait dengan kedudukan undang-undang Islam di Malaysia.

Rujukan

Jasser Auda, Terj. Marwan Bukhari b. A Ahmad, 2014. *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid dalam Pembaharuan Islam kontemporari*, Kuala Lumpur,

PTS Publication.

Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, 2012. *Idealnya Undang-undang Islam*. Jitra, Bitara Media.

Farid Sufian et.al. 2010. *Administration of Islamic Law in Malaysia – Text and Material*. Second ed. KL : Lexis Nexis.

Akram Laldin. 2008. *Introduction to Shariah and Islamic Jurisprudence*. Second ed. KL : Cert. Publications Sdn. Bhd.

Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam dalam Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya : Intel Multimedia

UUUP1242 - Bahasa Arab I untuk Undang-Undang

Sinopsis

Kursus Bahasa Arab untuk pelajar undang-undang merupakan kursus yang diperkenalkan bagi memenuhi keperluan pelajar dalam mempelajari subjek undang-undang syariah yang diajar di fakulti Undang-undang selari dengan pengiktirafan undang-undang syariah sebagai salah satu sumber undang-undang di Malaysia. Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar tentang asas bahasa Arab dan seterusnya dijuruskan kepada sumber undang-undang serta istilah-istilah yang relevan bagi tujuan kursus-kursus Pengantar Perundangan Islam, Mu'amalat, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Perbankan Islam dan Takaful serta Undang-undang Keluarga Islam. Kursus akan dimulai dengan pengenalan terhadap asas dan kaedah bahasa Arab, seterusnya menfokuskan kepada perundangan serta istilah-istilah yang relevan dalam bidang-bidang perundangan yang telah disebutkan. Kursus ini menyediakan pelajar bagi mempelajari undang-undang syariah, memahami istilah-istilah yang diterima pakai serta sumber undang-undang tersebut.

Rujukan

Siti Saudah Hj Hassan. 2016. *Bahasa Arab Asas*. Bandar Baru Bangi. Masjid Al Hasanah Press.

Jasser Auda, Marwan Bukhari B. A Hamid (Terj.), 2014. *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. Kuala Lumpur, PTS Publication.

Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, 2012. *Idealnya Undang-undang Islam*. Jitra, Bitara Media.

Abdul Halim El-Muhammady. 2012. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-Produk Perbankan Islam*. Aras Mega Sdn. Bhd.

ISRA 2012. *Islamic Financial System: Principles and Operations, ISRA*.

UUUP2113- Undang-Undang Perlembagaan I

Sinopsis

Kursus ini akan mengkaji dan membincangkan tentang doktrin, teori dan prinsip undang-undang perlembagaan (sama ada klasik atau moden) yang menjadi kayu ukur bagi menilai kesalahan dan ketidakbolehterimaan sesebuah sistem pemerintahan dari kacamata masyarakat sejagat. Pelajar juga akan didedahkan kepada beberapa unsur yang mendasari Perlembagaan Persekutuan Malaysiadan mekanisme penting bagi menjamin keutuhan dan martabat PerlembagaanPersekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara ini. Perkara-perkara berkaitan sifat, bentuk dan faktor-faktor yang mempengaruhi pengoperasian Perlembagaan Persekutuan seperti latar belakang sejarah, budaya, agama, politik dan persepsi masyarakat Malaysia terhadap hal-hal berkaitan perlembagaan. Penekanan juga akan diberikan kepada konsep-konsep yang melibatkan kuasa dan fungsi institusi-institusi utama kerajaan, seperti konstitusionalisme, Perasingan kuasa, Federalisme, Kebebasan kehakiman serta prinsip dan kaedah pentafsiran perlembagaan.

Secara ringkasnya kursus ini akan membincangkan tentang struktur, kuasa dan had kuasa kerajaan secara kritis dengan melihat perkara-perkara tersebut dari sudut teori dan amalannya di Malaysia.

Rujukan

- Shad Saleem Faruqi. 2019. *Our Constitution*. Sweet & Maxwell Malaysia.
- Harding, Andrew, 2012, *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis*, Oxford, Hart Publishing.
- Shad Saleem Faruqi. 2008. *Document of Destiny*. Star Publications (M) Berhad.
- Tunku Sofia Jewa, Salleh Buang & Yaacob Hussain Merican. 2007. *Tun Mohamed Suffian's An Intorduction to the Contitution of Malaysia, 3rd Edn.*, Pacifica Publications, Malaysia.
- Fernando, J.M. 2002. *The Making of the Malayan Constitution*. MBRAS.

UUUP2213 - Undang-Undang Jenayah I

Sinopsis

Kursus Undang-Undang Jenayah I memperkenalkan pelajar kepada teori dan konsep asas undang-undang jenayah. Dalam bahagian pertama, pelajar akan diperkenalkan kepada sejarah undang-undang jenayah di Malaysia, serta asas dan elemen penting dalam sesuatu tanggungan jenayah, termasuk konsep tanggungan keras. Dalam bahagian kedua kursus ini, pelajar didedahkan kepada jenis-jenis dalihan atau kecualian umum yang boleh dijadikan pembelaan dalam undang-undang jenayah Malaysia. Ini melibatkan perbincangan terperinci Bab IV Kanun Keseksaan Malaysia, dari seksyen 76 hingga seksyen 106. Sebagai tambahan, kursus ini juga memuatkan perbincangan tentang isu berkaitan jenayah yang dilakukan oleh lebih dari seorang niat bersama tujuan bersama, pakat jahat dan subahat. Jenayah yang belum sempurna (inchoate offences) seperti percubaan jenayah juga turut dibincangkan bagi mengenal pasti tahap-tahap berlakunya jenayah yang boleh dihukum menurut undang- undang jenayah Malaysia.

Rujukan

- Carolyn Boyes-Watson. 2018. *3rd Edn. Crime and Justice: LearningThrough Cases*.USA
- Shamsuddin Suhor. 2016. *Jenayah dan Kanun Keseksaan*. DBP: KualaLumpur.
- Robertson, Cliff. 2018. *7th Edn. Principles of Criminal Law*. USA
- Marcus Felson. 2019. *Crime and Everyday Life: A Brief Introduction*. USA.
- Lembaga Penyelidikan Undang-Undang. 2019. *Kanun Keseksaan*. Akta 574. Kuala Lumpur.

UUUP2313 - Undang-Undang Keluarga

Sinopsis

Kursus akan membincangkan kedudukan undang-undang keluarga di Malaysia bagi orang-orang bukan Islam. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan ialah konsep kekeluargaan, fungsi undang-undang keluarga, domisil, kemastautinan, pertunangan, perkahwinan, pembatalan perkahwinan, pembubaran perkahwinan atau perceraian. Kursus ini turut melihat kepada hak-hak dalam masa perkahwinan dan juga selepas perceraian seperti hak terhadap nafkah, pemeliharaan dan penjagaan anak dan pembahagian harta selepas perpisahan, perceraian atau kematian. Selain daripada itu, isu lain turut disentuh seperti pengambilan anak angkat atau pengangkatan, kesahataran anak dan hak nafkah dan penjagaan dan pemeliharaan anak tak sah taraf. Perbandingan dengan undang-undang Islam akan dibuat secara tidak langsung dalam membincangkan kesemua topik berkaitan.

Rujukan

Chris Chin Shang et al. 2019. *Handbook on family law practice in Malaysia: Commentary, procedures and forms*. Subang Jaya: Sweet & Maxwell Malaysia.

Lee, Swee Seng. 2019. *Law and Practice of Family Law in Malaysia*. Subang Jaya: Sweet & Maxwell.

Akbar Kamarudin@Abdul Shukor et. al. 2018. *Family Law in Malaysia*. Malaysia: Lexis Nexis.

Nuraisyah Chua Abdullah. 2018. *The Law Reform (Marriage and Divorce) Act: Commentary and Cases. Second Ed. Selangor: Sweet & Maxwell Asia*.

Ahmad Ibrahim. 1998. *Family Law in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: MLJ.

UUUP2413 - Undang-Undang Tanah I

Sinopsis

Kursus ini dibentuk untuk memberi pemahaman dan kemahiran asas kepada pelajar untuk mengendali hal tanah secara teori dan praktikal. Kursus ini dipecahkan kepada tiga aspek iaitu (1) memahami jentera pentadbiran tanah, (2) memahami dan mentafsirkan Kanun Tanah Negara 1965 (Pindaan 2020) dan (3) menyelesaikan permasalahan berhubungkait dengan tanah. Undang-undang Tanah I ini memberi perhatian kepada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara mengenai konsep dan definisi tanah, Sistem Torrens, hak dan kuasa Kerajaan Negeri dalam melupuskan dan menyita tanah dan hak-hak yang dinikmati oleh seseorang yang dilupuskan tanah kepadanya. Ia bertujuan untuk menyediakan asas yang kukuh kepada pelajar bagi membolehkan mereka mengenalpasti kategori tanah, pecah bahagian dan pecah sempadan supaya dapat memahirkkan diri dengan aspek urusniaga hartanah yang akan dipelajari dalam Undang-undang Tanah II.

Rujukan

Judith Sihombing. 2019. *National Land Code: A Commentary* (Volumes 1-2). Malaysia: LexisNexis

Megarry & Wade. 2019. *The Law of Real Property*. Edisi ke-9. Sweet & Maxwell.

Salleh Buang. 2015. *Malaysian Torrens System*. Ed. Ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Martin Dixon. 2014. *Modern Land Law*. Edisi ke-9. Routledge.

Teo and Khaw. 2012. *Land Law in Malaysia: Cases and Commentary*. Edisi ke-3. Malaysia: Lexis Nexis.

Teo Keang Sood. 2012. *Strata Title in Singapore and Malaysia*. Edisi ke-4. Malaysia: Lexis Nexis.

Ben McFarlane, Nicholas Hopkins & Sarah Nield. 2012. *Land Law Text, Cases and Materials*. Edisi ke-2. Oxford University Press.

Ainul Jaria et al. 2008. *Principles of Malaysian Land Law*. Malaysia: Lexis Nexis.

UUUP2713 - Pengenalan Kepada Advokasi

Sinopsis

Kursus ini direka untuk memperkenalkan pelajar sarjana kepada advokasi. Kursus ini akan terdiri daripada lima segmen utama. Segmen pertama memperkenalkan pelajar kepada maksud istilah 'advokasi' dalam profesion undang-undang; dua mod utama di mana kemahiran advokasi digunakan: bertulis dan lisan; dan bagaimana untuk mula bersedia untuk melibatkan diri dalam advokasi secara umum. Segmen kedua menyediakan pengenalan asas kepada penyelidikan undang-undang, yang terdiri daripada pengenalan kepada sumber undang-undang primer dan sekunder. Segmen ketiga memberi tumpuan kepada cara bertulis advokasi dan menggariskan pelbagai nuansa antara gubahan tradisional dan penulisan esei; dan menulis ringkasan undang-undang. Selain itu, segmen ini memfokuskan pada keutamaan maklumat dan cara yang berbeza untuk mendekati isu undang-undang yang dibangkitkan atas dasar mempertahankan kepentingan klien atau melibatkan liabiliti penuntut balas. Segmen keempat akan memberi tumpuan kepada persediaan untuk advokasi lisan; pengurusan kebimbangan dan pelbagai mekanisme mengatasi; dan cara menangani hujah balas semasa prosiding lisan. Segmen kelima dan terakhir akan terdiri daripada arahan mengenai kesopanan, pakaian dan bahasa badan; cara menguruskan masa semasa pembentangan hujah lisan; dan cara menangani bangku/panel hakim yang agresif atau berbeza. Kursus ini memperkenalkan pelajar sarjana muda kepada advokasi lisan dan bertulis melalui pendekatan pembelajaran berasaskan masalah. Isu hipotetikal yang disediakan semasa mesyuarat pertama akan ditangani oleh pelajar sarjana muda, bekerja sebagai satu pasukan, sepanjang penggal dan akan dinilai dalam format bertulis dan lisan. Kursus ini akan menyediakan pelajar sarjana muda dengan kemahiran dan pengetahuan khusus industri yang boleh diperhalusi dan diasah semasa baki pendidikan prasiswazah mereka. Di samping itu, kursus ini akan mendedahkan pelajar sarjana kepada advokasi lisan dan memberikan tahap kesedaran diri yang lebih tinggi mengenai kebimbangan, pengurusan masa dan pembentangan fizikal, yang kesemuanya merupakan

44 *Prospektus Prasiswazah*

halangan kritikal dalam advokasi dalam bidang undang-undang. Kursus ini akan dinilai berdasarkan penyerahan bertulis daripada kumpulan dan penilaian individu terhadap pembentangan lisan yang dijalankan oleh ahli individu kumpulan.

Rujukan

Alisha Crovetto, Joshua Sekosi. 2013. *Introduction to Advocacy, Research, Writing and Argument*, Foundation Press, USA.

John Snape and Gary Watt. 2000. *The Cavendish Guide To Mooting* Routledge-Cavendish; 2 edition.

Finch, E and Fifanski S. 2019. *Legal Skills. 7th Edition* Oxford: Oxford University Press.

Kee, C. 2007. *The Art of Argument: A Guide to Mooting*. Cambridge: Cambridge University Press.

Pope, D. & Hill, D. 2015. *Mooting and Advocacy Skills. 3rd ed.* London: Sweet & Maxwell.

UUUP2142 - Bahasa Arab II untuk Undang-Undang

Sinopsis

Kursus Bahasa Arab II untuk Undang-undang merupakan kursus yang diperkenalkan bagi memenuhi keperluan pelajar dalam mempelajari subjek undang-undang syariah yang diajar di Fakulti Undang-undang selari dengan pengiktirafan undang-undang syariah sebagai salah satu sumber undang-undang di Malaysia. Kursus ini memberi pendedahan tentang Bahasa Arab yang menjadi bahasa asas dalam sumber-sumber hukum syariah. Ia dijuruskan kepada mempelajari sumber undang-undang serta istilah-istilah yang relevan bagi tujuan memahami kursus-kursus wajib syariah iaitu Pengantar Perundangan Islam, Mu'amalat, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Keluarga Islam serta Jurispruden Islam. Kursus akan dimulai dengan pengenalan terhadap kaedah peristilahan Bahasa Arab, seterusnya memahami istilah-istilah yang relevan dalam bidang-bidang perundangan yang telah disebutkan tadi. Kursus ini pada akhir nanti bermatlamat menyediakan pelajar bagi mempelajari undang-undang syariah di Fakulti Undang-undang, memahami istilah-istilah yang digunakan dan bagaimana ia diaplikasikan mengikut konteks.

Rujukan

Siti Saudah Hj Hassan. 2016. *Bahasa Arab Asas*. Bandar Baru Bangi. Masjid Al Hasanah Press.

Jasser Auda, Marwan Bukhari B. A Hamid (Terj.), 2014. *Memahami Maqasid Syariah: Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*. Kuala Lumpur, PTS Publication.

Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, 2012. *Idealnya Undang-undang Islam*. Jitra, Bitara Media.

Abdul Halim El-Muhammady. 2012. *Undang-undang Muamalat dan Aplikasinya kepada Produk-Produk Perbankan Islam*. Aras Mega Sdn. Bhd.

UUUP2123 - Undang-Undang Perlembagaan II

Sinopsis

Kursus ini akan melihat dan menilai beberapa peruntukan Perlembagaan Persekutuan tentang hak asasi manusia di Malaysia serta had-had yang dibenarkan oleh undang-undang, khususnya yang berkaitan dengan kuasa-kuasa khas kerajaan menentang kegiatan subversif dan juga kuasa-kuasa darurat. Pelajar juga akan dibawa meninjau beberapa konsep kebebasan asasi. Penilaian hak-hak tersebut akan dibuat dengan membandingkan apa yang termaktub secara tersurat dalam Perlembagaan Persekutuan dan apa yang dipraktikkan. Walau bagaimana pun tumpuan khusus akan diberikan kepada hak di bawah Perkara 5,8,10 dan 11 iaitu hak-hak yang sering diperdebatkan di kalangan masyarakat Malaysia dari dulu hingga sekarang, dengan mengambil kira perkembangan mutakhir politik dan persepsi masyarakat terhadap hak mereka di bawah Perlembagaan Persekutuan dan had yang dikenakan oleh undang-undang. Beberapa prinsip asas undang-undang Pentadbiran juga akan dibincangkan bagi melengkapkan kursus ini.

Rujukan

- Shad Saleem Faruqi. 2019. *Our Constitution. Sweet & Maxwell Malaysia.*
- Khairil Azmin Mokhtar. 2013. *Constitutional Law and Human Rights in Malaysia: Topical Issues and Perspectives. Sweet & Maxwell Asia.*
- Harding, Andrew, 2012, *The Constitution of Malaysia: A Contextual Analysis, Oxford, Hart Publishing.*
- Shad Saleem Faruqi. 2008. *Document of Destiny. Star Publications (M) Berhad.*

UUUP2223 - Undang-Undang Jenayah II

Sinopsis

Kursus Undang-Undang Jenayah II adalah sambungan kepada kursus Undang-Undang Jenayah I. Kursus ini menumpukan kepada dua kategori kesalahan jenayah iaitu kesalahan terhadap tubuh badan manusia dan kesalahan terhadap harta benda. Bagi kategori kesalahan terhadap tubuh badan manusia, jenayah yang dibincangkan ialah jenayah homisid, penculikan, melarikan orang dan jenayah seksual. Mankala bagi kategori kesalahan terhadap harta benda, jenayah yang dibincangkan ialah curi, pemerasan, rompak, penyalahgunaan harta dengan curang, pecah amanah jenayah, tipu, menerima harta curi, khianat dan pencerobohan. Di samping itu, beberapa jenayah lain seperti pemerdagangan orang dan jenayah keganasan turut dimuatkan dalam pengajaran kursus ini. Kursus ini dikendalikan berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksan Malaysia secara khusus, di samping statut-statut jenayah lain yang berkaitan.

Rujukan

Anita Abdul Rahim, 2000. *Jenayah Homisid*. Kuala Lumpur. *International Law Book Store*.

Denis J. Baker, Galnville William: 2012, *Textbook of Criminal Law, 3rd Ed*, Sweet & Maxwell UK.

David Ormerod, Smith & Hogan, 2011. *Criminal Law, 13th Ed*, Oxford University Press.

Jonathan Herring, 2019. *Criminal Law, 11th Edition*. Bloomsbury Publishing PLC: London.

Ramalinggam Rajamanickam & Mohamad Rizal Abd Rahman, 2019. *Undang-undang Jenayah dan Masyarakat di Malaysia*. Penerbit UKM: Bangi.

Russel Heaton & Claire de Than, 2010, *Criminal Law, 4th Ed*, routledge Cavendish Publication UK.

Siti Zaharah Jamaluddin & Noor Aini Abdullah, 2010, *Undang-Undang Jenayah di Malaysia*, MDC Publishers Sdn Bhd, KL.

William Wilson, 2020. *Criminal Law. 7th Edition*. Pearson Education Limited: Harlow.

UUUP2323 - Undang-Undang Keluarga Islam

Sinopsis

Kursus ini dibahagi kepada dua iaitu Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang Pewarisan Islam (Faraid). Bahagian pertama adalah berkaitan asas-asas kekeluargaan Islam seperti pembentukan kontrak perkahwinan, rukun dan syarat, hak serta tanggung jawab suami isteri, pembubaran perkahwinan dan jenis-jenisnya seperti *talaq, takliq, khulu'*, *fasakh* serta hal-hal yang menyusul seperti '*iddah* dan *ruju'*, pemberian *mut'ah* dan pembahagian harta sepencarian. Seterusnya pelajar akan didedahkan kepada hak-hak berkaitan anak dalam Islam. Kes-kes kekeluargaan Islam akan dibincangkan bagi melihat keberkesanan Undang-undang sedia ada dalam menangani permasalahan berkaitan. Seterusnya, bahagian Undang-undang Pewarisan Islam akan membincangkan pembahagian harta pusaka dan hak-hak penerimanya, rukun dan syarat pewarisan, sebab pewarisan dan perkara-perkara yang boleh menghalang atau mengurangkan bahagian dalam penerimaan pusaka serta konsep '*Aul* dan *Radd*. Sumber rujukan primer adalah al-Quran dan As-Sunnah, di samping *Ijma'* dan *Qiyas*, serta sumber-sumber sekunder seperti *Istihsan*, *Masalih Mursalah*, '*Uruf* dan lain-lain dengan penekanan kepada mazhab Syafi'e. Undang-undang Malaysia khususnya Akta 303 dan kes-kes mahkamah syariah juga akan dirujuk, bagi mengenal pasti prinsip-prinsip yang terpakai.

Rujukan

Najibah Mohd. Zin et al. 2016. *Islamic Family Law in Malaysia. Subang Jaya, Selangor: Sweet & Maxwell.*

Mustafa Al-Siba'ei. Tt. *Syarah Qanun Al-Ahwal Al-Syakhsiyyah.* Amman: Al-Maktabah Al-Islami.

Wahbah al-Zuhaili. 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam.* (Terj) Ahmad Shahbari Salamon et.al. Jilid VII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idris Ahmad. 1991. *Fiqh Shafi'i.* Jil. 2, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Sayid Sabiq. 1990. *Fikih Sunnah,* (Terj) Drs. Moh Thalib. Jil. 6 & 7. Kuala Lumpur: Victorie Agencie.

UUUP2423 - Undang-Undang Tanah II

Sinopsis

Kursus ini adalah kesinambungan Undang-undang Tanah I. Kandungan kursus Undang-undang Tanah II ini terbahagi kepada tiga aspek, iaitu (1) mengembangkan kemampuan untuk memahami dan menafsirkan undang-undang tanah; (2) meningkatkan kemampuan untuk menyelesaikan masalah sehari-hari dalam transaksi yang berkaitan dengan tanah, dan (3) meningkatkan kemampuan untuk memahami jentera pentadbiran tanah secara keseluruhan. Kursus ini akan menumpukan pada urusan tanah yang melibatkan transaksi seperti pindahmilik, pajakan dan sewaan. Perbincangan juga dibuat ke atas transaksi jaminan (seperti cagaran, lien dan jual janji), pengwujudan ismen dan hak lalulalang pentadbir tanah dan halangan ke atas transaksi tanah (kaveat persendirian, kaveat pendaftar, kaveat amanah dan kaveat pemegang lien). Akhir sekali, kursus ini akan mendedahkan para pelajar berkaitan isu ke atas tanah rezab Melayu dan pemajuan hartanah.

Rujukan

Judith Sihombing. 2019. *National Land Code: A Commentary* (Volumes 1-2). Malaysia: LexisNexis

Megarry & Wade. 2019. *The Law of Real Property.* Edisi ke-9. Sweet & Maxwell.

Salleh Buang. 2015. *Malaysian Torrens System.* Ed. Ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Martin Dixon. 2014. *Modern Land Law.* Edisi ke-9. Routledge.

Teo and Khaw. 2012. *Land Law in Malaysia: Cases and Commentary.* Edisi ke-3. Malaysia: Lexis Nexis.

Teo Keang Sood. 2012. *Strata Title in Singapore and Malaysia.* Edisi ke-4. Malaysia: Lexis Nexis.

Ben McFarlane, Nicholas Hopkins & Sarah Nield. 2012. *Land Law Text, Cases and Materials.* Edisi ke-2. Oxford University Press.

Ainul Jaria et al. 2008. *Principles of Malaysian Land Law*. Malaysia: Lexis Nexis.

UUUP2823 - Undang-Undang Antarabangsa Awam

Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar tentang anatomi masyarakat, institusi serta undang-undang antarabangsa. Di awal kursus, pelajar akan melihat takrifan, sifat, skop serta sejarah perkembangan undang-undang antarabangsa. Seterusnya, para pelajar akan mengupas sumber undang-undang antarabangsa yang merangkumi triti, undang-undang adat antarabangsa, prinsip am undang-undang, keputusan mahkamah keadilan antarabangsa dan lain-lain. Undang-undang antarabangsa juga akan dihubungkan dengan undang-undang domestik. Para pelajar juga akan didedahkan dengan pengetahuan bagaimana sesebuah negara terbentuk, bidangkuasa, imuniti dan isu-isu berkaitan tanggungjawab negara.

Rujukan

Shaw, Malcolm N. 2017. *International Law. 8th Ed. Cambridge University Press: Cambridge.*

Crawford, James.2014. *Brownlie's Principles of Public International Law. 9th Ed. Oxford University Press: Oxford.*

Dixon, Martin. 2013. *Textbook on International Law. 7th Ed. Oxford University Press:Oxford.*

Abass, Ademola. 2013. *International Law. Text, Cases, and Materials.Oxford University Press. Oxford.*

Kaczorowsk, Alina.2015. *Public International Law.5th Ed. Routledge: Oxford*

UUUP2923 - Muamalat

Sinopsis

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar-pelajar konsep pemilikan harta menurut Islam. Perbincangan adalah berkaitan dengan teori pemilikan, pengiktirafan keempunyaan harta menurut kontrak-kontrak Islam. Penerangan juga berkisar tentang elemen-elemen kontrak, syarat-syarat, jenis- jenis serta perkara-perkara yang membatalkan kontrak. Keautoritian Wilayah serta Wakalah serta perkara-perkara yang berkaitan dengan perwakilan harta akan juga dibincangkan. Contoh muamalat yang melibatkan produk perbankan juga akan dibincangkan dengan mendalam.

Rujukan

Abdul Halim El-Muhammady. 2013. *Undang-undang Muamalat & Aplikasinya Kepada Produk-Produk Perbankan Islam*. Aras Mega (M) Sdn. Bhd., Selangor.

Bank Negara Malaysia. 2016. *Piawaiian Syariah dan Keperluan Operasi*. Bank Negara Malaysia :Kuala Lumpur.

ISRA. 2016. *Islamic Financial System Principles and Operation*. Kuala Lumpur: ISRA.

Mohd Akram Laldin et.al., 2013. *Islamic Legal Maxims and Their Application in Islamic Finance*. Kuala Lumpur:Bank Rakyat:ISRA.

Rusni Hassan et.al., 2016. *Islamic Banking and Takaful*. Kuala Lumpur:Pearson Custom Publishing.

Rusni Hassan & et.al. 2017. *Islamic Banking in Malaysia: Cases and Commentaries*. Ampang:CLJ.

UUUP3113 - Undang-Undang Syarikat dan Perkongsian I

Sinopsis

Kursus ini menyentuh undang-undang berkaitan dengan dua organisasi terpenting untuk menjalankan perniagaan, iaitu perkongsian dan syarikat. Undang-undang Perkongsian akan dibincangkan secara ringkas dengan rujukan utama kepada Akta Perkongsian 1961 berserta kes-kes yang telah diputuskan. Perbezaan akan dilihat terutamanya dengan pengenalan Limited Liability Partnership Act 2012. Subjek-subjek yang dikupas merangkumi definisi perkongsian, hubungan rakan kongsi dengan rakan kongsi yang lain, hubungan rakan kongsi dengan pihak yang berurusan dengan firma. Undang-undang Syarikat di Malaysia akan dibincangkan dengan rujukan utama kepada Akta Syarikat, 2017 (Akta777) dan dibantu dengan kes-kes yang telah diputuskan. Perbincangan akan meliputi topik pengenalan kepada undang-undang Syarikat seperti konsep ‘Personaliti Korporat’; ‘Perbezaan antara syarikat dengan organisasi perniagaan yang lain’; ‘Proses pendaftaran syarikat’, ‘penaja dan kontrak pra-perbadanan’, ‘perlembagaan syarikat serta tafsiran terhadap fasal objek.’ Konsep-konsep lain dalam undang-undang syarikat akan dibincangkan secara terperinci dalam Undang-Undang Syarikat dan Perkongsian II pada semester yang seterusnya.

Rujukan

Chan Wai Meng. 2017. *Essential Company Law in Malaysia -Navigating the Companies Act 2016, Petaling Jaya, Malaysia: Sweet & Maxwell/Thomson Reuters*

Cheah Foo Seong, 2017. *Companies Act 2016, Petaling Jaya, Malaysia:Sweet & Maxwell/ Thomson Reuters*

Elspeth Berry. 2010. *Partnership and LLP Law (Wildy Practice Guides)*. London: Wildy, Simmonds and Hill Publishing

Len Sealy, Sarah Worthington. 2013. *Sealy & Worthington’s Cases and Materials in Company*. Oxford: Oxford University Press

Paul Davies, Sarah Worthington. 2012. *Gower & Davies: Principles of Modern Company Law*. London: Sweet & Maxwell.

UUUP3213 – Jurispruden

Sinopsis

Jurispruden adalah merupakan pengajaran mengenai teori yang dibina oleh juris untuk memahami maksud undang-undang dan peranan yang dimainkan oleh undang-undang dalam profesyen guaman dan kehidupan. Jurispruden memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan konsep asas mengenai undang-undang dan keadilan, terutamanya apabila terdapat pertentangan dan ketidaktentuan mengenai kedua-duanya. Dalam masa yang sama kursus ini juga dapat menghidupkan kesedaran sosial di kalangan pelajar dan seterusnya bakal melahirkan pengamal undang-undang atau pemimpin yang berfikiran kritis. Kursus ini meliputi isu-isu dasar dalam permasalahan undang-undang yang difikirkan oleh juris klasik dan moden dari aliran *positivist*, *naturalist* (semulajadi), sosiologi dan lain-lain aliran. Teori-teori yang dilahirkan oleh juris dari pelbagai aliran akan mengkaitkan undang-undang dengan ilmu falsafah, kemasyarakatan, sejarah dan agama. Nilai-nilai keadilan, hak, moral dan etika serta peranan undang-undang dalam pelbagai keadaan juga turut diajarkan. Teori-teori ini akan disuaipadan dengan perkembangan semasa dan pengkajian dibuat berdasarkan isu berbangkit.

Rujukan

Wacks, Raymond. 2015. *Understanding Jurisprudence: An Introduction to Legal Theory, 4th Ed.* Oxford: Oxford University Press.

Freeman. M.D.A. 2014. *Lloyd's Introduction to Jurisprudence, (9th Ed.)* London: Sweet & Maxwell.

McLeod, Ian & Cremona, M. 2012. *Legal Theory.* Basingstoke : Palgrave Macmillan.

Lloyd, Dennis. 2008. *Lloyd's Introduction to Jurisprudence, (M.D.A. Freeman, 8th Ed.)* London: Sweet & Maxwell.

Badariah Sahamid. 2005. *Jurispruden dan Teori Undang-Undang Dalam Konteks Malaysia.* Petaling Jaya, Sweet & Maxwell.

UUUP3313 - Ekuiti dan Undang-Undang Amanah I

Sinopsis

Kursus ini akan memperkenalkan kepada pelajar tentang konsep ekuiti. Ianya bermula dengan sejarah wujudnya ekuiti dan perkembangan yang telah berlaku seperti pengenalan dan takrifan ekuiti, konflik pertembungan antara ekuiti dan Common Law, maxim-maxim ekuiti dan bagaimana prinsip ekuiti ini diterima masuk dan diterima pakai ke dalam sistem perundangan Malaysia. Kursus ini seterusnya membincangkan tentang konsep ekuiti yang ada seperti penyerahan hak ekuiti (equitable assignment) dan estoppel ekuiti (equitable estoppel) serta remedi ekuiti iaitu injunksi (injunction) dan pelaksanaan

spesifik (specific performance).

Rujukan

M.W Bryan, S.E Degeling, M.S Donald, V.J Vann. 2017. *A Sourcebook on Equity & Trusts in Australia*. Cambridge, United Kingdom: Cambridge University Press.

Paul S. Davies, Graham Virgo. 2016. *Equity & Trusts (Text, Cases and Materials)*. United Kingdom: Oxford University Press.

Mohsin Hingun, Wan Azlan Ahmad. 2013. *Equity and Trusts in Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Jill E. Martin. 2012. *Hanbury and Martin Modern Equity*. London: Sweet & Maxwell.

Wan Arfah Hamzah. 2013. *A First Look at the Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

UUUP3123 - Undang-Undang Syarikat dan Perkongsian II

Sinopsis

Tajuk-tajuk yang dibincangkan di bawah kursus ini termasuk konsep modal, syer, kuasa meminjam dan konsep debentur serta kedudukan dan peranan pengarah dan lembaga pengarah syarikat. Selain itu, kursus ini juga akan mendedahkan para pelajar dengan isu-isu yang berkaitan dengan perlindungan terhadap pemegang syer minoriti dalam syarikat dan kedudukan pemegang syer majoriti, peranan dan tanggungjawab juruaudit dan proses yang terlibat dalam mesyuarat syarikat. Akhir sekali, kursus ini akan membincangkan konsep penggulungan dan kesan pembubaran syarikat.

Rujukan

Chan Wai Meng. 2017. *Essential Company Law in Malaysia -Navigating the Companies Act 2016*, Petaling Jaya, Malaysia: Sweet & Maxwell/Thomson Reuters

Cheah Foo Seong, 2017. *Companies Act 2016*, Petaling Jaya, Malaysia: Sweet & Maxwell/ Thomson Reuters Elspeth Berry. 2010. *Partnership and LLP Law (Wildy Practice Guides)*. London: Wildy, Simmonds and Hill Publishing

Len Sealy, Sarah Worthington. 2013. *Sealy & Worthington's Cases and Materials in Company*. Oxford: Oxford University Press

Paul Davies, Sarah Worthington. 2012. *Gower & Davies: Principles of Modern Company Law*. London: Sweet & Maxwell.

UUUP3323 - Ekuiti dan Undang-Undang Amanah II

Sinopsis

Kursus ini akan membincangkan konsep amanah serta syarat untuk mewujudkan suatu amanah yang lengkap dan boleh dikuatkuasakan. Pendedahan kepada beberapa jenis amanah seperti amanah rahsia, amanah berbangkit, amanah kebajikan dan amanah konstruktif juga akan diberikan kepada pelajar. Pada peringkat akhir kursus ini, pelajar akan mempelajari satu lagi topik penting dalam amanah iaitu pemegang amanah. Antara perkara-perkara yang akan disentuh ialah mengenai perlantikan, persaraan, tugas, kuasa dan pembatalan seorang pemegang amanah. Selain itu, pelanggaran amanah dan remedi bagi pecah amanah juga akan turut dibincangkan. Kursus ini juga akan memperkenalkan undang-undang pentadbiran harta pusaka dalam tiga (aspek) iaitu aspek perundangan, sosial dan prosedur. Aspek perundangan menumpukan perbincangan berhubung undang-undang melibatkan wasiat, peranan pentadbir wasiat dan pengurusan harta pusaka kecil. Manakala, perbincangan aspek sosial meliputi analisa fokus kesan termasuk status harta pusaka selepas kematian terhadap keluarga atau waris terlibat yang merangkumi aspek pengurusan dan pentadbiran harta pusaka. Aspek terakhir merupakan aspek prosedur yang memberikan fokus kepada aspek kaedah atau tatacara mendapatkan hakmentadbir harta pusaka, penderafan dan penfailan dokumentasi mahkamah, tatacara di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Pusaka Kecil, prosedur mendapatkan perintah mentadbir harta pusaka bagi pentadbir bukan warganegara dan 'contentious' dan 'uncontentious' prosiding probet. Kursus ini juga memberikan pendedahan aspek pewarisan dan pentadbiran harta pusaka dari perspektif Islam sebagai perbincangan perbandingan yang akhirnya akan menggunakan tatacara prosedur di mahkamah sivil.

Rujukan

M.W Bryan, S.E Degeling, M.S Donald, V.J Vann. 2017. *A Sourcebook on Equity & Trusts in Australia*. Cambridge, United Kingdom: Cambridge University Press.

Paul S. Davies, Graham Virgo. 2016. *Equity & Trusts (Text, Cases and Materials)*. United Kingdom: Oxford University Press.

Mohsin Hingun, Wan Azlan Ahmad. 2013. *Equity and Trusts in Malaysia*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Jill E. Martin. 2012. *Hanbury and Martin Modern Equity*. London: Sweet & Maxwell.

Wan Arfah Hamzah. 2013. *A First Look at the Malaysian Legal System*, Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Amir Bahari, 2014. *Islamic Estate, Retirement and Waqf Planning, 1st Ed.* IBFIM, Kuala Lumpur

Kanesh Sundrum, 2012. *A Practical Guide to Probate: Letters of Administration*. Lexis Nexis, Malaysia.

Kanesh Sundrum, 2012. *A Practical Guide to Probate: Letters of Probate*, Lexis Nexis, Malaysia.

Halsbury's Laws of Malaysia, Volume 11(2) (2011 Reissue), (Lexis Nexis, Malaysia 2011).

Kanesh Sundrum, 2006. *Administration of Estates: Handbook, 2nd Ed.* Lexis Nexis, Malaysia.

UUUP3423 - Kertas Projek

Sinopsis

Kertas Projek adalah kursus wajib bagi pelajar tahun tiga. Melalui kursus ini, pelajar akan didedahkan kepada aspek-aspek penyelidikan dan penulisan ilmiah. Pada peringkat awal, pelajar akan dibimbing untuk menyediakan usul penyelidikan. Ini melibatkan proses pemilihan topik penyelidikan, pengolahan kenyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian, serta pemilihan metodologi penyelidikan dan teknik pengumpulan data sama ada ia bersifat kajian kepustakaan atau kerja lapangan. Seterusnya, pelajar akan memulakan penulisan artikel dengan bimbingan penyelia untuk menghasilkan penulisan ilmiah yang bermutu tinggi.

Rujukan

Anwarul Yaqin. 2008. *Legal Research and Writing Methods. Malaysia:* Lexis Nexis.

Rattan Singh. 2016, *Legal Research and Methodology. 2nd Ed. Mum-bai:* Lexis Nexis.

A.S. Dalal. 2015. *Legal Research Methods in India. New Delhi: TheBright Law House.*

Eugene Volokh. 2010. *Academic Legal Writing: Law Review Articles, Student Notes, Seminar Papers and Getting on Law Reviews. New York: Foundation Press.*

Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori danPraktis. Selangor: Penerbit UPM.*

UUUP3535 - Latihan Amali

Sinopsis

Latihan Amali merupakan kursus yang menghendaki para pelajar Tahun 3 Fakulti Undang-undang, UKM untuk menjalani latihan industri selama 10 minggu di lokasi-lokasi tertentu yang mempunyai perkaitan dengan bidang undang-undang. Latihan Amali bertujuan memberikan pendedahan kepada para pelajar undang-undang tentang dunia sebenar kerjaya kepeguaman. Para pelajar ditempatkan di lokasi-lokasi seperti mahkamah, firma guaman, biro bantuan guaman, balai polis, firma korporat dan sebagainya. Selain itu, kursus ini juga memberikan pendedahan awal tentang kursus-kursus profesional yang akan diajar pada Tahun 4 program prasiswazah di Fakulti

54 *Prospektus Prasiswazah*

Undang-undang, UKM. Semasa pelajar-pelajar menjalani latihan amali, mereka didedahkan dengan aspek-aspek praktikal yang berkaitan dengan disiplin undang-undang dan penyelia di tempat latihan industri akan membuat penilaian terhadap pelajar yang menjalani latihan amali di situ. Pada akhir kursus ini, pelajar dikehendaki untuk menghantar laporan bertulis dan membuat pembentangan lisan di hadapan penilai yang ditetapkan oleh penyelaras kursus.

Rujukan

- Hamid Sultan bin Abu Backer. 2012. *Janab's Key to Civil Procedure in Malaysia*. Ed. ke-5. 2012. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn Bhd.
- Baljit Singh Sidhu. 2015. *Criminal Litigation Process*. Ed. ke-3. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.
- Hamid Sultan bin Abu Backer. 2014. *Janab's Key to the Law of Evidence*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.
- Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lainah Yow Oi Lin. 2014. *Conveyancing Practice and Procedure in West Malaysia*. Ed. ke-2. Singapore: Lexis Nexis.

UUUP4113 - Tatacara Jenayah I

Sinopsis

Kursus ini adalah mengenai tatacara jenayah di Malaysia bermula peringkat tangkapan, siasatan, pertuduhan dan perbicaraan di mahkamah hingga ke peringkat semakan. Penekanan di semester I adalah pada aspek bidangkuasa tempatan dan bidangkuasa jenayah bagi mahkamah rendah serta tinggi. Di samping itu kuasa-kuasa tangkapan, cara tangkapan dibuat, siasatan dan proses menentukan kehadiran di mahkamah (saman dan waran tangkap), proses mendapatkan dokumen yang diperlukan untuk perbicaraan (menerusi proses saman), juga akan turut dibincangkan.

Rujukan

- Baljit Singh Sidhu. 2015. *Criminal Litigation Process (Edisi ke3)*. PetalingJaya: Sweet &Maxwell.
- Hamid Sultan Abu Bakar. 2014. *Janab's Key to Criminal Procedure and Evidence*. Ed ke 3. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn Bhd.
- Bashir Ahmad Mallal.2012. *Mallal's Criminal Procedure Code*. Ed ke 7. Singapura: *Malayan Law Journal*.
- Teo Say Eng; 2008. *Pendakwaan Jenayah di Mahkamah Rendah (EdisiKedua)*. Lexis Nexis.
- Mimi Kamariah Majid. 1999. *Criminal Procedure in Malaysia. (3rd Ed.)Kuala Lumpur*.

UUUP4213 - Tatacara Sivil I

Sinopsis

Kursus ini merupakan satu kursus undang-undang prosedur yang memfokuskan kepada pemulaan dan pengendalian prosiding sivil di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Tinggi (courts of first instance). Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada kaedah-kaedah yang mesti diikuti di dalam satu tindakan sivil di Mahkamah melalui kuliah serta latihan praktikal bagi penyediaan kertas kausa Mahkamah. Pelajar akan didedahkan dengan asas kepada tatacara sivil dan peruntukan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 serta Arahan Amalan Mahkamah berhubung pemulaan tindakan sivil, prosedur penyampaian proses pemula, aturan pliding, pengurusan kes bagi tindakan writ, permohonan dalam kamar/permohonan interlokutori dan affidavit, permohonan pencantuman, pindaan, pembatalan pliding dan penghakiman terus. Malah, pelajar turut akan didedahkan kepada prosedur penyelesaian melalui mediasi di Mahkamah.

Rujukan

Shahrul Mizan Ismail & Yusfarizal Yussof. 2016. *Civil Litigation in Malaysia: A Practical Guide to Drafting Pleadings*. Kuala Lumpur: ILBS.

Juriah Abdul Jalil & Shahrul Mizan Ismail. 2015. *International Encyclopedia of Law (Civil Procedure in Malaysia)* Kuala Lumpur : Kluwer International.

Malaysian Civil Procedure. 2015. Petaling Jaya :Sweet & Maxwell Asia.

Abu Haniffa Mohamed Abdullah & Shahrul Mizan Ismail. 2014. *Civil Procedure In Malaysia : Questions And Answers*.Kuala Lumpur: ILBS.

Malaysian Rules of Court 2012. An Annotation. 2012. Petaling Jaya : Lexis Nexis.

UUUP4313 - Undang-Undang Keterangan I

Sinopsis

Undang-undang Keterangan I ialah kursus yang mendedahkan para pelajar tentang prinsip-prinsip asas undang-undang keterangan di Malaysia. Komponen utama yang menjadi fokus dalam kursus ini ialah kerelevanan fakta. Oleh itu, penelitian dan perbincangan akan dibuat tentang peruntukan yang mengawal selia fakta-fakta yang relevan dalam Akta Keterangan 1950. Kursus ini dimulakan dengan membincangkan tentang maksud keterangan, jenis-jenis keterangan dan kepentingan keterangan dalam menyelesaikan suatu isu atau persoalan undang-undang. Bagi tujuan ini, penekanan dibuat pada prinsip undang-undang untuk menilai sejauh manakah keterangan boleh diterima di mahkamah. Antara prinsip perundangan yang dibincangkan ialah konsep kerelevanan (*relevancy*), konsep kebolehterimaan (*admissibility*), peraturan keterangan terbaik (*the best evidence rule*), doktrin *res gestae*, keterangan fakta sama (*similar fact evidence*), pengakuan dan pengakuan salah (*admission and confession*), keterangan dengar cakap (*hearsay evidence*) dan sebagainya.

Rujukan

Hamid Sultan bin Abu Backer. 2014. *Janab's Key to the Law of Evi-dence. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.*

Jeffrey Pinsler. 2013. *Evidence and the Litigation Process. Ed. ke-4, Sin-gapore: LexisNexis*

Rafiah Salim & Cheong May Fong. 2013. *Evidence in Malaysia and Singapore: Cases, Materials and Commentaries. Ed. ke-3. Petaling Jaya: Lexis-Nexis*

Habibah Omar, Siva Barathi Marimuthu & Mazlina Mahali. 2015. *Law of Evidence in Malaysia. Selangor: Sweet & Maxwell.*

Augustine Paul. 2010. *Evidence, Practice and Procedure. Ed. ke-4. Petaling Jaya: LexisNexis*

UUUP4413 - Conveyancing

Sinopsis

Kursus ini merangkumi amalan peguamcara dalam bidang undang-undang harta. Ia mendedahkan pelajar kepada amali perundangan yang dijalankan berkaitan dengan apa-apa transaksi berkenaan penghasilan, perubahan, pemindahan atau penghapusan kepentingan undang-undang atau ekuiti dalam harta. Pelajar turut didedahkan kepada amali perundangan dalam penyediaan dokumen (seperti perjanjian, conveyance, pemindahan, pajakan atau gadai janji) yang perlu untuk melaksanakan apa-apa transaksi pindah hak, dan amali perundangan seperti pemberian nasihat atau penyediaan, semakan, pertukaran atau pendaftaran dokumen yang berbangkit atau bersampingan dengan mana-mana transaksi berkaitan.

Rujukan

Lainah Yow Oi Lin. 2014. *Conveyancing Practice and Procedure in West Malaysia. Ed. Ke-2. Singapore: Lexis Nexis.*

David Kok Weng Tuck. 2012. *Legal Guide to Conveyancing Practice (Malaysia). Ed. Ke-2. Singapore: CCH Asia Pte Limited.*

Hamid Sultan Bin Abu Backer & Anwardeen Bin Hamid Sultan. 2013. *Janab's Key to Practical Conveyancing and Islamic Banking. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.*

Khairul Anuar Shaharudin. 2010. *40 Questions You Should Ask Your Lawyer Before Buying A Residential Property in Malaysia. True Wealth Sdn. Bhd.*

UUUP4513 - Kebankrapan & Penggulangan

Sinopsis

Kursus ini merupakan satu kursus amalan professional yang bertujuan mendedahkan pelajar kepada hal ehwal korporat yang merangkumi prosedur penggulangan syarikat serta prosedur kebangkrapan dan sebagainya. Pelajar diharapkan telah menguasai ilmu perundangan seperti Perniagaan dan Syarikat kerana kursus ini tidak akan mengulangi ilmu asas tersebut. Penekanan dalam kursus ini ialah kepada latihan praktikal dan aspek-aspek kepeguaman korporat. Selain tu, kursus ini juga akan mendedahkan pelajar dari segi pentadbiran harta si bankrap selaras dengan prosedur kebangkrapan di bawah Akta Insolvensi 1967.

Rujukan

Kenneth Foo Poh Khean & Lee Shih. 2017. *Companies Act 2016: The New Dynamics of Company Law in Malaysia*. Kuala Lumpur: CLJ Law.

Chan Wai Meng. 2017. *Essential Company Law in Malaysia: Navigating the Companies Act 2016*. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell.

Cheah Foo Seong. 2017. *Companies Act 2016 with Overview*. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell.

Khoo Kay Ping. 2003. *Khoo's Law and Practice of Bankruptcy in Malaysia*. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: LexisNexis.

UUUP4613 - Kemahiran Perundangan & Kaedah Penyelesaian Alternatif

Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan kepada para pelajar berkaitan perkembangan terkini dalam bidang Penyelesaian Pertikaian Alternatif (Alternative Dispute Resolution atau ADR). Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu dalam bidang kemahiran perundingan dan kaedah penyelesaian alternatif. Dalam bahagian pertama, topik perbincangan berkisar kepada aspek asas skil perundingan, perbezaan budaya dan persediaan ke arah perundingan (termasuk aspek penyelidikan dan penderafan pendapat perundangan). Dalam bahagian kedua, fokus perbincangan meliputi beberapa mod penyelesaian pertikaian alternatif yang terdapat di Malaysia kini, Sebagai contoh penimbangtaraan (*arbitration*), pengantaraan (*mediation*) dan yang terbaharu adalah adjudikasi pembayaran dalam kontrak pembinaan (*construction payment & adjudication*). Perbincangan dalam kursus ini penting untuk melihat keberkesanan mod-mod 'ADR' ini sebagai pilihan bagi mengatasi pemasalahan yang wujud dalam sistem litigasi kehakiman sedia ada.

Rujukan

Sundra Rajoo, 2017. *Law, Practice and Procedure of Arbitration*. Ed. Ke-2 Kuala Lumpur: Lexis Nexis.

Ariffin Zakaria et al. 2016. *Arbitration in Malaysia A Practical Guide*. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell.

Peter Coulson QC. 2015. *Coulson on Construction Adjudication*. Ed. Ke-2 -Oxford: Oxford University Press.

William Ury. 2015. *Getting to Yes with Yourself: And Other Worthy Op-ponents*. San Francisco: HarperOne.

Seamus Tan. 2012. *Mediation Skills and Techniques*. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell Asia.

UUUP4711 - Pengurusan Firma & Personel

Sinopsis

Setiap organisasi, tidak terkecuali firma guaman, pasti akan berhadapan dengan pelbagai isu dan permasalahan melibatkan pengurusan pejabat dan pentadbiran sumber manusia khususnya berkaitan komunikasi dalam organisasi. Walaupun ia perkara asas, namun sebahagian organisasi yang tidak menguruskan kefahaman mengenai aspek ini secara berhemah secara tidak langsung berhadapan dengan masalah ketidakcekapan anggota sekaligus melumpuhkan operasi sesuatu firma guaman. Kursus ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Yang pertama memfokus kepada kemahiran dan pengetahuan asas berkenaan pentadbiran dan pengurusan firma, termasuk bagaimana untuk membangunkan strategi yang berkesan dan juga memberikan pendapatan yang konsisten, mengekalkan kualiti serta memastikan keuntungan dan sumber kewangan yang kukuh. Bahagian kedua pula memberikan tumpuan yang terhadap pengurusan hal ehwal sumber manusia seperti kaedah efektif dalam mengurus bakat, mengembangkan perniagaan dan mencapai jejak kunci organisasi serta mewujudkan sinergi jenama. Bahagian terakhir adalah mengenai amalan dan nilai-nilai yang diperlukan untuk membangunkan budaya profesional yang berprestasi tinggi, yang sentiasa menyuburkan pertumbuhan bakat unggul di samping berjaya mengurus hubungan dan merealisasikan harapan dan permintaan klien. Kursus ini turut menyentuh isu-isu tertentu secara lebih spesifik. Perbincangan mengenai fungsi pejabat khusus undang-undang, seperti mengurus akaun klien, pengawalan waktu, kepentingan dan pengurusan perpustakaan undang-undang di firma, kelancaran hubungan dan pengebilan klien serta petua teknologi seiring perkembangan semasa serta rujukan Web dan Apps terkini, bagi tujuan amalan guaman berkesan akan turut ditekankan.

Rujukan

Arthur G. Greene & Sandra J. Boyer. 2016. *The Survival Guide to Implementing Effective Law Firm Management Strategies*. Chicago: American Bar Association.

George Beaton & Imme Kaschner. 2016. *Remaking Law Firms: Why and How*. Chicago: American Bar Association.

Adam Street, Sam Glover, Stephanie Everett & Marshall Lichty. 2015. *The Samma Firm Roadmap: A Survival Guide to Your Law Firm Practice*. Lawyerist Publishing.

Pamela Everett-Nollkamper. 2013. *Fundamentals of Law Office Management*. Ed. Ke-5. Clifton Park: Delmar Cengage Learning.

UUUP4123 - Tatacara Jenayah II

Sinopsis

Pada semester II, tumpuan khusus adalah pada aspek prosedur perbicaraan di Mahkamah (rendah dan tinggi), pertuduhan, jaminan, penghukuman, rayuan dan semakan. Perbicaraan di Mahkamah akan merangkumi aspek-aspek dari mula tertuduh dihadapkan ke mahkamah, pertuduhan dibaca, pengakuan tertuduh, penarikan balik pengakuan, perbicaraan dengan keterangan saksi-saksi, beban pembuktian kes di prima facie, pembelaan diri oleh tertuduh dengan tiga alternatif dan pembuktian kes di tahap terakhir *beyond reasonable doubt*. Di samping itu, cara penyediaan pertuduhan serta peraturan relevan yang wujud juga akan dibincangkan dengan undang-undang ikat jamin serta prosedur berkaitan. Penekanan juga pada aspek doktrin *double jeopardy* dan *habeas corpus*. Di samping itu juga tajuk Penghukuman, falsafah di belakang doktrin ini, tujuan-tujuan dan pelbagai jenis hukuman dilaksanakan di Malaysia akan turut ditinjau. Faktor-faktor yang boleh meringankan atau memberatkan hukuman (*mitigating factors*) akan turut dibincang. Proses rayuan dan semakan juga turut menjadi aspek kajian terakhir dalam kursus ini.

Rujukan

Baljit Singh Sidhu. 2015. *Criminal Litigation Process (Edisi ke3)*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell.

Hamid Sultan Abu Bakar. 2014. *Janab's Key to Criminal Procedure and Evidence. Ed ke 3*. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn Bhd.

Bashir Ahmad Mallal. 2012. *Mallal's Criminal Procedure Code. Ed ke 7*. Singapura: Malayan Law Journal.

Teo Say Eng; 2008. *Pendakwaan Jenayah di Mahkamah Rendah (Edisi Kedua)*. Lexis Nexis.

Mimi Kamariah Majid. 1999. *Criminal Procedure in Malaysia. (3rd Ed.)* Kuala Lumpur.

UUUP4223 - Tatacara Sivil II

Sinopsis

Kursus UUUP4223 (Tatacara Sivil II) memfokuskan kepada pengendalian permohonan-permohonan interlokutori di Mahkamah Majistret, Mahkamah Sesyen dan mahkamah Tinggi (Courts of First Instance), cara pelaksanaan penghakiman, prosiding penggantungan, semakan kehakiman, taksiran gantirugi dan pengiraan kos serta prosedur rayuan sivil di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Pelajar-pelajar akan mempelajari peruntukan Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1994 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan 1995 serta Arahan Amalan bagi penyediaan Memorandum Rayuan, Rekod Rayuan dan Hujahan. Pelajar-pelajar akan mempelajari kaedah-kaedah yang mesti diikuti di dalam satu permohonan interlokutori dan rayuan sivil di Mahkamah melalui kuliah serta latihan praktikal bagi penyediaan kertas kausa Mahkamah.

Rujukan

Shahrul Mizan Ismail & Yusfarizal Yussof. 2016. *Civil Litigation in Malaysia: A Practical Guide to Drafting Pleadings*. Kuala Lumpur: ILBS.

Juriah Abdul Jalil & Shahrul Mizan Ismail. 2015. *International Encyclopedia of Law (Civil Procedure in Malaysia)* Kuala Lumpur : Kluwer International. *Malaysian Civil Procedure. 2015. Petaling Jaya : Sweet & Maxwell Asia.*

Abu Haniffa Mohamed Abdullah & Shahrul Mizan Ismail. 2014. *Civil Procedure In Malaysia : Questions And Answers*. Kuala Lumpur: ILBS.

Malaysian Rules of Court 2012. An Annotation. 2012. Petaling Jaya : Lexis Ne

UUUP4323 - Undang-Undang Keterangan II

Sinopsis

Kursus ini merupakan kesinambungan kepada kursus Undang-undang Keterangan I (UUUK4313). Kursus ini dimulakan dengan membincangkan aspek kerelevanan iaitu keterangan pakar dan keterangan watak dalam sesuatu kes. Walau bagaimanapun, fokus utama kursus ini ialah aspek pembuktian. Perbincangan tentang pembuktian adalah berdasarkan asas bahawa seseorang peguam bukan sahaja perlu menentukan sesuatu fakta yang dikemukakan itu relevan dan seterusnya diterima oleh mahkamah, malah perlu mengambil kira bagaimana dia patut membuktikan fakta-fakta itu sekiranya perlu. Sesetengah fakta itu diandaikan wujud atau diakui secara formal oleh sesuatu pihak di mana ia tidak perlu dibuktikan lagi. Peraturan tentang pembuktian ini dinyatakan dalam Bahagian II Akta Keterangan 1950 yang menghuraikan bahawa fakta-fakta yang perlu dibuktikan boleh dibuktikan sama ada melalui keterangan lisan, keterangan dokumentar ataupun keterangan sebenar dengan melunaskan beban pembuktian mengikut piawai yang telah ditetapkan. Aspek pembuktian turut mengambil kira peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan anggapan, estoppel dan keperluan keterangan sokongan. Akhir sekali, kursus ini membincangkan tentang kategori dan keistimewaan saksi-saksi.

Rujukan

Hamid Sultan bin Abu Backer. 2014. *Janab's Key to the Law of Evidence*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Janab (M) Sdn. Bhd.

Jeffrey Pinsler. 2013. *Evidence and the Litigation Process*. Ed. ke-4, Singapore: LexisNexis

Rafiah Salim & Cheong May Fong. 2013. *Evidence in Malaysia and Singapore: Cases, Materials and Commentaries*. Ed. ke-3. Petaling Jaya: Lexis- Nexis

Habibah Omar, Siva Barathi Marimuthu & Mazlina Mahali. 2015. *Law of Evidence in Malaysia*. Selangor: Sweet & Maxwell

Augustine Paul. 2010. *Evidence, Practice and Procedure*. Ed. ke-4. Petaling Jaya: LexisNexis

UUUP4824 - Advokasi Perbicaraan Jenayah

Sinopsis

Kursus ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk menjadi peguambela dan peguamcara yang berjaya. Penekanan diberi kepada kemahiran mengendalikan perbicaraan kes-kes jenayah. Ia merupakan pembelajaran mengenai teknik-teknik penyediaan kes, penggunaan Bahasa Mahkamah, menyediakan kertas pertuduhan, notis-notis tertentu seperti notis penzahiran dokumen, permohonan peringanan hukuman dan jaminan, teknik menjalankan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula saksi dan penghujahan kes. Pelajar juga dilatih mengenai etika di mahkamah dan diikuti dengan perbicaraan olok-olok.

Rujukan

Srimurugan Alagan. 2016. *The Criminal Procedure Code. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell.*

Baljit Singh Sidhu. 2015. *Criminal Litigation Process. Ed. Ke-2. SubangJaya: Thomson Reuters Asia.*

J. L. Glissan. 2015. *Advocacy in Practice. Ed. Ke-5. Chatswood: Lexis-Nexis Butterworths.*

Thomas A. Mauet. 2010. *Trial Techniques. Ed. Ke-8. New York: Aspen Publishers.*

Hisyam Abdullah. 2009. *Criminal Trial. Advocacy for the Defence. JohorBaharu: Hisyam Abdullah.*

UUUP4924 - Advokasi Perbicaraan Sivil

Sinopsis

Kursus ini adalah untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk menjadi peguambela dan peguamcara yang berjaya. Penekanan diberi kepada kemahiran mengendalikan perbicaraan kes-kes sivil. Ia merupakan pembelajaran mengenai teknik-teknik penyediaan kes, penggunaan Bahasa Mahkamah, menyediakan pliding (saman/writ), notis-notis tertentu seperti notis penzahiran dokumen, permohonan interlokutori serta teknik menjalankan pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula saksi dan penghujahan kes. Pelajar juga dilatih mengenai etika di mahkamah dan diikuti dengan perbicaraan olok-olok.

Rujukan

Peter Lyons. 2019. *Advocacy: A Practical Guide. London: Wiley, Simmonds & Hill Publishing.*

J. L. Glissan. 2015. *Advocacy in Practice. Ed. Ke-5. Chatswood: Lexis-Nexis Butterworths.*

62 *Prospektus Prasiswazah*

Iain Marley QC. 2015. *The Devil's Advocate*. Ed. Ke-3. London: Sweet & Maxwell.

Ravinthran Paramaguru et. al. 2013. *Civil Trial Guidebook*. Kuala Lumpur: Marsden Law Book.

Gopal Sreenevasan et. al. 2006. *Panduan Amalan Litigasi di Malaysia*. Sweet & Maxwell: Kuala Lumpur

UUUP4721 - Etika Perundangan

Sinopsis

Kursus ini merupakan pembelajaran berhubung dengan etika yang mengawal perilaku dan cara kerja ahli-ahli profesyen perundangan samada dia merupakan pengamal undang-undang persendirian, peguam yang berkhidmat dengan kerajaan dan juga peguam di sektor korporat. Perkara-perkara yang dirangkumi oleh kursus ini ialah mengenai kelakuan, tugas dan tanggungjawab peguam terhadap anak guam, mahkamah dan masyarakat. Antaranya ialah seperti hubungan peguam dan anak guam, tanggungjawab terhadap mahkamah, tanggungan 'kerahsiaan' (confidentiality), tanggungjawab membuat kira-kira akaun, etika di mahkamah serta tatacara mendisiplinkan peguam apabila timbul keadaan pelanggaran etika guaman.

Rujukan

Andrew L Kaufman. 2017. *New Legal Ethics Textbook: Problems in Professional Responsibility for a Changing Profession*. Carolina Academic Press; 6th ed.

Boon, Andrew, Levin & Jennifer. 2014. *The Ethics and Conduct of Lawyers in England and Wales*. Ed. Ke-3. Oxford: Hart Publishing.

GE Dal Pont. 2013. *Lawyers' professional responsibility*. Ed. Ke-5. Thomson Reuters: Pymont, N.S.W.

MacKenzie & Gavin. 2009. *Lawyers and Ethics: Professional Responsibility and Discipline*. Ed. Ke-5. Ontario: Carswell.

Richard O'Dair. 2007. *Legal Ethics: Text and Materials*. Cambridge: Cambridge University Press.

UUUP4023 - Undang-Undang Keterangan dan Tatacara Mahkamah Syariah

Sinopsis

Kursus ini mendedahkan para pelajar kepada kefahaman dan skil yang diperlukan oleh seorang peguam syarie dalam mengendalikan kes syariah. Pelajar didedahkan kepada aspek-aspek keterangan syariah dan aspek prosedur syariah. Pelajar didedahkan kepada prosedur mal dan jenayah syariah. Bahagian pertama memperkenalkan prinsip-prinsip syariah berkaitan keterangan serta kebolehterimaannya di mahkamah syariah. Perbincangan tertumpu kepada jenis-jenis keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan kes mal dan jenayah di mahkamah syariah di Malaysia seperti *iqrar*, *syahadah*, *yamin*, *qarinah*, *ra'yu al khabir* serta *kitabah*. Pengaplikasian prinsip-prinsip

keterangan tersebut dalam mahkamah syariah turut disentuh secara khusus. Kursus ini seterusnya turut memperkenalkan tatacara jenayah syariah secara teori yang diaplikasikan dalam sistem keadilan jenayah syariah di Malaysia. Ianya meliputi aspek seperti tatacara siasatan dan tatacara pendakwaan dan perbicaraan. Ianya turut membicarakan aspek penghakiman dan pelaksanaan hukuman di mahkamah syariah.

Manakala bahagian kedua pula menyentuh aspek tatacara atau prosedur yang diamalkan di Mahkamah Syariah di Malaysia. Aspek tatacara yang disentuh dalam kursus ini adalah aspek tatacara mal di mahkamah syariah dan tatacara jenayah di mahkamah syariah. Pengendalian kursus ini menjurus kepada aspek teori dan aspek praktikal. Bahagian kedua dimulai dengan mendedahkan pelajar kepada prosedur sebelum perbicaraan seperti permulaan pemfailan, rundingan penyelesaian di luar mahkamah, penyediaan saman, penyata tuntutan, notis permohonan, afidavit, permohonan interlokutori, perintah interim, dokumen bagi persediaan perbicaraan. Kaedah menemuduga anak guam, memberi nasihat serta rundingan, etika dan adab bertutur dalam mahkamah, prosedur membuka fail dan penyediaan dokumen-dokumen mahkamah juga turut didedahkan. Pelajar juga diberi latihan secara praktikal di Mahkamah Moot. Ketika mengendalikan sesuatu kes, mereka melakukan latihan simulasi sebagai peguam syarie. Mereka akan melalui proses simulasi perbicaraan yang melibatkan pengemukaan keterangan bersesuaian untuk menyokong fakta isu dan fakta relevan. Semasa mengemukakan keterangan, pelajar dilatih untuk menyoal saksi melalui soalan utama, soalan balas dan soalan semula. Pelajar dalam masa yang sama turut dilatih tentang cara mengemukakan hujah berdasarkan fakta dan keterangan serta membuat penggulangan hujah yang akhirnya membawa ke peringkat penghakiman.

Rujukan

Siti Zalikhah Md. Nor. 2019. *Al Syariah: Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Adzidah Yaakob, Mohamed Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, Mustafa Afifi Ab Halim. 2016. *Pengenalan dan Keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah*. Malaysia: USIM.

Abdul Monir Yaacob. 2015. *Kehakiman Islam dan Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Malaysia.

Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nadzri Haji Abdul Rahman Ibrahim. 2012. *Peguam Syarie dan Litigasi Mal di Mahkamah Syariah*. Negeri Sembilan: Karya Kreatif Resources.

KURSUS ELEKTIF

MAKLUMAT KURSUS

UUUP3603 - Undang-Undang Jenayah Islam

Sinopsis

Kursus ini mengupas segala prinsip umum berkaitan undang-undang jenayah Islam. Kursus ini seterusnya akan mengupas klasifikasi jenayah yang terbahagi kepada hudud, qisas dan ta'zir. Prinsip undang-undang jenayah Islam yang membahagikan kesalahan hudud itu kepada 7 jenis kesalahan seperti zina, curi, rompak, minum arak, qazaf, *riiddah* serta *baghawah* akan disentuh. Dalam pada itu, prinsip yang membahagikan kesalahan qisas iaitu bunuh dengan niat, bunuh separuh niat, bunuh tanpa niat, cedera dengan niat dan cedera tanpa niat akan turut dihuraikan. Akhir sekali, prinsip berkaitan kesalahan ta'zir turut dihuraikan. Perbandingan akan dibuat dengan kesalahan-kesalahan ta'zir yang terkandung dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri di Malaysia pada hari ini. Selain daripada itu, perkembangan semasa dalam undang-undang jenayah Islam yang diluluskan oleh kerajaan Kelantan dan Terengganu turut dibincangkan. Undang-undang jenayah Islam yang diamalkan di beberapa negara Islam juga dipelajari seperti undang-undang jenayah Islam di Brunei.

Rujukan

Lukman Abdul Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail & Abd Hamid Abd Murad. 2018. *Al-Qarinah dalam Hukum Hudud*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shamrahayu A. Aziz. 2016. *Isu Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Shamsuddin Suhor. 2016. *Jenayah dan Kanun Keseksaan*. Selangor: ETM Prima Sdn Bhd.

Siti Zubaidah Ismail. 2016. *Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Aziz Juned. 2014. *The Shariah Penal Code An Introduction*. Brunei Darussalam: Borneo Printers & Trading Sdn Bhd

Abdul Qader Audah. 1986. *Al Tasyri' al Jina'ie al Islami*. Jil 1 & 2. Beirut: Muassasah al Risalah.

Abu Mazaya Al Hafiz & Anu Izzat Al Sahafi. 2015. *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Al Hidayah Publications.

Mohammad Shabbir. 2002. *Outlines of Criminal Law and Justice in Islam*. Petaling Jaya: International Law Book Service

Mohd Sukki Othman et. al. 2008. *Mengapa Perlu Kepada Undang-Undang Jenayah Islam?* Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn Bhd

UUUP3623 - Undang-Undang Perbankan Islam & Takaful

Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar undang-undang asas kepada perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia. Kursus ini bermula dengan perbincangan tentang sejarah dan perkembangan perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia. Seterusnya, pelajar diajar tentang ciri-ciri perkhidmatan kewangan Islam serta perbezaannya dengan perbankan konvensional. Pelajar juga didedahkan dengan produk-produk perbankan Islam dan kontrak yang mendasarinya. Kerangka perundangan perkhidmatan kewangan Islam dibincangkan dengan merujuk kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah. Akhirnya, pelajar dilatih untuk memahami dan menggubal dokumen-dokumen berkaitan perbankan Islam.

Rujukan

BNM Policy Documents available at <https://www.bnm.gov.my/banking-islamic-banking> (accessed 22/6/2021)

Rusni Hassan & et.al. 2017. *Islamic Banking in Malaysia: Cases and Commentaries*. Ampang: CLJ.

ISRA, 2012. *Islamic Financial System Principles and Operations*. Kuala Lumpur: ISRA.

Rusni Hassan. 2012. *Islamic Banking Takaful*. Petaling Jaya: Pearson Custom Publishing.

Zaharuddin Abd Rahman. 2010. *First Edition : Contracts & the Products of Islamic Banking*. Kuala Lumpur : CERT.

Nik Nozrul Thani & et.al. 2010.. *Law and Practice of Islamic Banking and Finance*. Second Edition Kuala Lumpur : Sweet & Maxwell.

Kamal Khir, Lokesh Gupta, Bala Shanmugam. 2008. *Islamic Banking : A Practical Perspective*. Petaling Jaya. Pearson Malaysia Sdn Bhd.

UUUP3613 - Jurispruden Islam (Usul Fiqh)

Sinopsis

Kursus Jurispruden Islam atau Usul Fiqh mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi perbincangan mengenai sumber-sumber perundangan Islam yang disepakati dan yang tidak disepakati oleh fuqaha. Sumber perundangan Islam yang disepakati oleh para ulama ialah Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas manakala sumber perundangan yang tidak disepakati ialah Masalih al Mursalah, Istihsan, Istishab, Pendapat Sahabat, Uruf dan Amalan Ahli Madinah. Di samping itu, kaedah-kaedah fiqh utama turut dibincangkan iaitu niat menentukan amalan, keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan, kesulitan

membawa kepada kemudahan, kemudharatan hendaklah dihindarkan dan adat adalah mengikat.

Bahagian kedua menyentuh kaedah bagaimana hukum syarak dilahirkan dari sumber-sumber perundangan syariah yang disepakati dan yang tidak disepakati. Apabila sumber-sumber al-Quran mengutarakan ayat-ayat hukum yang bersifat umum dan ia kemudiannya tidak diterangkan dengan jelas oleh al Sunnah, maka proses pengistinbatan hukum melalui ijtihad berlaku melalui 2 sumber lain yang disepakati iaitu Ijma' dan Qiyas serta sumber-sumber lain yang tidak disepakati seperti Masalih al Mursalah, Istihsan, Istishab, Pendapat Sahabat, Uruf dan Amalan Ahli Madinah.

Rujukan

- Fauwaz Fadzil Noor. 2019. *Kuasa Usul Fiqh*. Selangor:Telaga Biru Sdn Bhd.
- Mohammad Hashim Kamali, Mohamed Azam Mohamed Adil. 2018. *Fatwa and Ijtihad in Malaysia: Juristic and Historical Perspectives*. Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Studies.
- Ahmad Sufian Che Abdullah, Noor Naemah Abdul Rahman. 2017. *Kaedah Interpretasi Teks Hukum Islam*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri, Dr Faridah Mohd Nor, Dr Aspalillah Alias. 2017. *Fiqh Forensik Antara Yang Hidup Dan Yang Mati*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya Kasturi.
- Zainul Rijal Abu Bakar, Nurhidayah Muhammad Hashim. 2016. *Keistimewaan Islam dan Undang-undang Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Jasser Auda. 2014. *Memahami Maqasid Syariah*. Selangor: PTS Publishing House.
- Zulkifli Mohamad Al Bakri. 2014. *Maqasid Syariah: Satu Pengenalan Umum*. Negeri Sembilan: Pustaka Cahaya.
- Mustafa Zarqa'. 2014. *Introduction to Islamic Jurisprudence (al-Madkhal al-Fiqh al-Am)*, Kuala Lumpur:IBFIM.
- Abdul Karim Zaydan. 1993. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dar at-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyah.
- Muhammad Fuad Muhammad Sawari. 2008. *Al-Madkhal ila Dirasah Usul al-Fiqh al-Islami*. Kuala Lumpur: IIUM
- Saim Kayadibi. 2017. *Principles of Islamic Law – Methods of Interpretation of Texts*. Kuala Lumpur : Islamic Book Trust
- Imran Ahsan Khan Nyazee. 2003. *Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: The Other Press.
- Mohamad Akram Laldin. 2008. *Introduction to Shariah & Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: Cert Publications
- Mohamad Hashim Kamali. 2003. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Mohamad Hashim Kamali. 2006. *An Introduction to Shariah*. Petaling Jaya:Ilmiah Publisher

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2004. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

UUUP3633 - Undang-Undang Alam Sekitar

Sinopsis

Para pelajar akan diperkenalkan kepada mekanisme perundangan yang berkaitan dengan alam sekitar; dari sejarah perkembangan, sumber undang-undang serta prinsip asas undang-undang alam sekitar. Seterusnya permasalahan alam sekitar akan ditinjau satu persatu, yang mana ianya meliputi pelbagai jenis pencemaran seperti bunyi bising, udara/atmosfera, air, tanah, sisa buangan juga ancaman terhadap flora dan fauna. Terdapat juga perbincangan mengenai penilaian kesan alam sekitar. Bagi tiap satu topik, pemerhatian akan dijalankan dari sudut pendefinisian, punca serta kesan masalah, perundangan kebangsaan, badan atau agensi yang berperanan, perundangan antarabangsa dan cabaran dari segi perubahan iklim.

Rujukan

Norha Abu Hanifah, 2019. *A Student Guide: Understanding Environmental Law in Malaysia*, Malaha Press Malaysia.

Irini Ibrahim, 2019 *Wetlands in Malaysia: A Look into Applicable Conservation Laws*, Malaha PLT , Malaysia.

Bodansky, D, Bruneel, J., & Rajamani, L. 2017. *International Climate Change*. Oxford University Press UK.

Sham Sani & Hanim Kamaruddin 2016. *Environmental Quality Act(EQA)1974, Statutory Instruments and Amendments*. Penerbit UKM Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shamsuddin Suhor. 2015. *Isu Dan Undang-Undang Alam Sekitar Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UUUP3643 - Undang-Undang Angkasa Lepas

Sinopsis

Kursus Undang-undang Angkasa Lepas ini bermatlamat untuk memperkenalkan secara umum mengenai peraturan-peraturan yang mengawal selia segala bentuk aktiviti yang melibatkan ruang angkasa lepas serta kedudukan ruang angkasa lepas dari sudut sains, teknologi dan undang-undang. Bahagian pertama kursus ini akan mendedahkan tentang definisi, terma-terma sains dan teknologi serta semua sumber perundangan yang berkaitan dengan aktiviti angkasa lepas. Kandungan kursus akan meneliti semua undang-undang yang diguna pakai dalam menangani segala aktiviti yang berkaitan dengan ruang angkasa lepas, terdiri dari triti-triti, perjanjian-perjanjian dan statut-statut yang digubaldi peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana ia merupakan rujukan utama dalam undang-undang ini. Bahagian kedua kursus ini mengandungi perbincangan dari aspek prinsip dan kawalan terhadap penerokaan angkasa lepas, pelancaran objek-objek

ke angkasa serta penggunaan ruang angkasa lepas bagi tujuan penjelajahan, perletakan objek dan satelit. Ini termasuklah juga penelitian tentang had sempadan ruang udara dan ruang angkasa (delimitation), hak penggunaan orbit-orbit terutamanya Orbit Geopegun (Geostationery Orbit) serta perbalahan berkaitan sempadan kenegaraan di ruang angkasa lepas. Turut diberi penekanan adalah bagaimana intipati kursus ini dapat diaplikasikan bagi tujuan menyelesaikan sebarang pertelingkahan yang timbul akibat dari penerokaan, penggunaan dan apa-apa hak penggunaan ruang angkasa lepas ini.

Rujukan

Goh, Gerardine Meishan. 2007. *Dispute Settlement in International Space Law*. Leiden. Martinus Nijhoff Publisher.

Abeyratne, I.R Ruwantissa. 2002. *Frontiers of Aerospace Law*. England. Ashgate Publishing Limited.

United Nations. 2000. *United Nations Treaties and Principles on OuterSpace*. Vienna: United Nations Publication

Jasentuliyana, Nandasiri. 1999. *International Space Law and the United Nations*. The Hague. Kluwer Law International.

Diederiks-Verschoor, I.H. 1993. *An Introduction to Space Law*. Deventer. Kluwer Law and Taxation Publishers.

UUUP3653 - Undang-Undang Buruh

Sinopsis

Kursus ini akan merangkumi undang-undang pekerjaan, undang-undang kesatuan sekerja dan undang-undang hubungan perusahaan. Ia merangkumi hubungan kontrak antara majikan dan pekerja individu dan hubungan kolektif antara majikan dan kesatuan sekerja. Undang-undang pekerjaan merangkumi kontrak perkhidmatan, tanggungjawab tersirat majikan-pekerja, terma dan syarat pekerjaan, salah laku, pemecatan dan pemulihan. Undang-undang kesatuan sekerja pula akan membincangkan hal-hal tentang penubuhan kesatuan sekerja, kuasa eksekutif dalam urusan kesatuan sekerja, dan status perundangan kesatuan sekerja. Undang-undang hubungan perusahaan meliputi perjanjian kolektif, pertikaian industri dan penyelesaiannya. Undang-undang Buruh untuk kursus ini menekankan pekerja di sektor swasta.

Rujukan

Maimunah Aminuddin. 2020. *Employee Misconduct*. Malaysia: CLJ Publication.

Maimunah Aminuddin. 2018. *Employment Law Manual for Practitioners*. 2nd Edition. Malaysia: CLJ Publications.

Kamal Halili Hassan & Rozanah Ab Rahman. 2009. *Hubungan Undang-undang Majikan dan Pekerja*. Ed 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamal Halili Hassan, Nik Ahmad Kamal Nik Mahmud & Mumtaj Hassan. 2007. *Undang-undang Pekerjaan*. Vol. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Kamal H Hassan & Rose Effendi Hussain, 2003. *Undang-undang Pertikaian Perusahaan dan Mogok di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM

Siti Zaharah Jamaluddin 2000. *Pengenalan kepada Undang-undang Perhubungan Perusahaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Siti Zaharah Jamaluddin. 1997. *Pengenalan Kepada Akta Kerja 1955*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Wu Min Aun. 1995. *The Industrial Relations Law of Malaysia*. 2nd. Ed. Kuala Lumpur: Longman

Norman Selwyn.1993. *Selwyn's Law of Employment*. 8th. Ed. London: Butterworth

Simon Deakin & Gillian Morris. 1998. *Labour Law*. 2nd. Ed. London: Butterworths

UUUP3663 - Undang-Undang Harta Intelekt

Sinopsis

Undang-undang Harta Intelekt adalah berkait dengan undang-undang yang melindungi rekacipta, inovasi, karya, cap dagangan dan kerahsian. Kursus undang-undang Harta Intelekt membincangkan 5 cabang utama undang-undang yang membentuk undang-undang harta intelek iaitu undang-undang paten, undang-undang rekabentuk perindustrian, undang-undang hakcipta, undang-undang cap dagangan dan undang-undang maklumat rahsia. Kursus ini dimulakan dengan membincangkan konsep asas dan justifikasi perlindungan harta intelek serta Konvensyen dan Triti antarabangsa yang mendasari Undang-undang Harta Intelekt. Seterusnya, kursus ini membincangkan syarat-syarat perlindungan, hak eksklusif, pelanggaran dan dalihan kepada pelanggaran harta intelek. Akhir sekali, kursus ini turut membincangkan hubungkait antara undang-undang harta intelek, inovasi terkini dan industri perindustrian ke-4.

Rujukan

Ida Madieha Abd Ghani Azmi & Jeong Chun Phuoc. 2020. 2nd edition. *Trademark law in Malaysia: Cases and commentary*. Malaysia : Sweet & Maxwell Asia.

Cornish, W.R. Llewelyn, D. & Aplin, T, 2019. *Intellectual Property: Patents, Copyrights, Trademarks and Allied Rights*. 9th Ed. London: Sweet & Maxwell.

Bently, L., Sherman, B., Gangjee, D. & Johnson, P. 2018. *Intellectual Property Law*. Oxford: Oxford University Press.

Khaw Lake Tee & Tay Pek San. 2017. *Khaw on Copyright Law in Malaysia*. 4th Ed. Kuala Lumpur. Lexis Nexis

Ida Madieha Abd Ghani Azmi & Jeong Chun Phuoc. 2015. 2nd edition. *Patent law in Malaysia: Cases and commentary*. Malaysia : Sweet & Maxwell Asia.

UUUP3673 - Undang-Undang Insurans

Sinopsis

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada prinsip-prinsip asas serta doktrin penting yang terpakai dalam kontrak insurans. Antaranya ialah doktrin kepentingan boleh insurans (*insurable interest*), doktrin subrogasi dan sumbangan (*subrogation and contribution*) dan doktrin *utmost good faith* yang menuntut kejujuran dalam kewajipan pendedahan (*duty of disclosure*). Perkara lain yang turut disentuh dalam kursus ini adalah berkaitan pembentukan kontrak, nota perlindungan dan polisi, syarat dan waranti, kerugian serta tuntutan insurans. Peranan dan tanggungjawab perantara insurans iaitu ejen dan broker akan turut dibincangkan. Fokus kursus ini adalah berkaitan undang-undang insurans konvensional. Namun, di akhir kursus, perbandingan secara umum dengan insurans Islam yang dikenali sebagai Takaful turut dibincangkan bagi memberi kefahaman kepada pelajar tentang perbezaan prinsip dan konsep, antara kedua-dua sistem insurans ini.

Rujukan

- Birds, J. 2019. *Bird's Modern Insurance Law (11th ed)*. Sweet & Maxwell.
- Birds, J. Lynch, B. Milnes, S. 2019. *MacGillivray on Insurance Law (14th ed)*. Sweet & Maxwell.
- McGee, A. 2018. *Mc Gee: The Modern Law of Insurance (4th ed)*. LexisNexis.
- Shanmuganathan. 2020. *Principles of Insurance Law with Case Studies*. Partridge Pub Singapore.
- Furmston, M. You Sum Cheah. 2018. *Malaysian Insurance Law*. Thomson Reuters Sdn Bhd.

UUUP3683 - Undang-Undang Kewangan Korporat

Sinopsis

Kursus ini membincangkan tentang proses utama yang terlibat dalam penajaan dan pembiayaan modal bagi sesebuah syarikat. Ini termasuk cara-cara pembiayaan modal melalui tawaran sekuriti secara pembiayaan ekuiti (syer) dan pembiayaan pinjaman atau bon. Selain dari pembiayaan pinjaman melalui pinjaman bank juga akan dibincangkan dan isu-isu undang-undang yang berkaitan dengannya. Kursus ini juga akan membincangkan cara-cara pembiayaan aset seperti sewa-beli, pajakan, "factoring" dan "securitization". Tajuk-tajuk lain termasuk liabiliti-liabiliti yang berkaitan dengan penawaran sekuriti dan urusniaga sekuriti. Ini termasuk liabiliti sivil dan jenayah seperti salah nyataan, dagangan dalaman, manipulasi pasaran, jualan singkat dan lain-lain lagi. Peranan badan pengawal selia juga akan dibincangkan bagi tujuan mendedahkan para pelajar tentang peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh badan pengawalselia dalam proses penawaran sekuriti. Kursus ini akan diakhiri dengan kajian terhadap proses pembiayaan modal bagi syarikat yang menghadapi masalah kewangan. Ini termasuk skema penyelamat korporat seperti skema penyusunan di bawah seksyen Bahagian 7 Akta Syarikat 2016 yang merangkumi konsep *arrangement and reconstruction* dan *receivership* serta mekanisme baru yang diperkenalkan di bawah Bahagian 8 Akta 2016

iaitu konsep *Corporate Voluntary (CVA)* dan *Judicial Management*.

Rujukan

Louise Gulliver and Jennifer Payne, 2011. *Corporate Finance Law –Principles and Policy*, Hart Publishing , UK

Aishah Bidin, Ian Ramsey & Geoff Stapleton el.al. 2008. *Commercial Application of Malaysian Company Law. 3th ed. CCH Asia Pte. Ltd. Singapore.*

Aishah Bidin. 2000. *Undang-undang Syarikat di Malaysia. Kuala Lumpur: DBP.*

Hairani Saban. 1994. *Corporate Debt Securitization, Regulation and Documentation. Singapore: Butterworth.*

Burgess & Robert. 1992. *Corporate Finance Law, 2nd ed. London: Sweet & Maxwell.*

UUUP3693 - Undang-Undang Jualan Barang

Sinopsis

Kursus ini diperkenalkan untuk mendedahkan para pelajar kepada peranan undang-undang dalam transaksi jualan barang. Kursus ini dimulakan dengan mengkaji latar belakang undang-undang jualan barang di England dan Malaysia. Seterusnya penekanan akan diberikan pada prinsip asas undang-undang seperti pemindahan hak, pemindahan risiko, prinsip *nemo dat quod non habet* dan serahantaran. Kursus ini akan diteruskan dengan mengkaji isi kandungan kontrak jualan barang, mengkhhusus pada terma tersirat dalam Akta Jualan Barang 1957. Pelajar kemudiannya akan diperkenalkan pada remedi-remedi yang boleh dituntut bagi pelanggaran kontrak jualan barang. Kursus ini diakhiri dengan pendedahan pada peruntukan Akta Pelindungan Pengguna 1999 yang menyentuh tentang pembekalan barang, dilihat secara perbandingan dengan Akta Jualan Barang 1957.

Rujukan

Micheal Bridge. 2019. *Benjamin's Sale of Goods. Ed. Ke-10. London:Sweet & Maxwell.*

Abdul Majid & Krishnan Arjunan. 2016. *Sale of Goods Law in Malaysia. Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell.*

Christian Twigg-Flesner, Rick Canavan & Hector MacQueen. 2016. *Atiyah and Adam's Sale of Goods. Harlow: Pearson Education.*

Shaik Mohd Noor Alam S.M. Hussain. 2014. *Undang-undang Komersial di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Wu Min Aun. 1994. *Legal Aspects of Sale of Goods. Petaling Jaya:Longman Malaysia.*

UUUP3703 - Undang-Undang Pengguna

Sinopsis

Kursus ini akan memfokuskan ke atas dua aspek penting kepenggunaan iaitu, aspek sosial dan undang-undang. Aspek sosial menumpukan perbincangan berhubung dengan kosumerisme, hak-hak asasi pengguna dan agensi perlindungan pengguna. Manakala perbincangan aspek undang-undang pula difokuskan ke atas undang-undang perlindungan pengguna yang merangkumi pengiklanan; kawalan bekalan dan harga barang; perihal dagangan; jualan langsung; keselamatan barang dan liabiliti keluaran; kontrak membekalkan perkhidmatan; perumahan dan mekanisme tebus rugi pengguna.

Rujukan

Afida Mastura Muhammad Alif, Elistina Abu Bakar & Syuhaily Osman. 2014. *Perlindungan Pengguna: Ke arah Memperkasakan Pengguna Di Malaysia*. Selangor: MACFEA.

Malbon, J. & Nottage, L. (pnyt). 2013. *Consumer Law and Policy in Australia & New Zealand*. Sydney: Federation Press.

Pridgen, D. & Alderman, R.M. 2013. *Consumer Protection and the Law*. Edisi 2013-2014. Jilid 1 & 2. USA: Thompson Reuters.

Rahmah Ismail, Sakina Shaik Ahmad Yusoff & Shamsuddin Suhor(pnyt). 2015. *Undang-undang Pengguna dan Keadilan Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.

Marimuthu Nadason, Paul Selva Raj & Ratna Devi Nadarajah (pnyt). 2016. *Consumer Issues in Malaysia: Strengthening Consumer Protection and Enhancing Consumer Empowerment*. Selangor: Consumer Research and Resource Centre (CRRC).

Suzanna Mohamed Isa & Sakina Shaik Ahmad Yusoff (pnyt). 2019. *Pengguna dan Hak Pengguna*. Bangi: PENERBIT UKM.

UUUP3713 - Undang-Undang Pentadbiran

Sinopsis

Kursus ini merangkumi pengenalan asas terhadap Undang-undang Pentadbiran. Ia akan membincangkan berkenaan ruang lingkupnya, sumber-sumber dan sebab-sebab perkembangannya. Tidak ketinggalan ialah prinsip-prinsip asas seperti prinsip keadilan semulajadi dan prinsip-prinsip perlembagaan seperti Kedaulatan Undang-undang dan doktrin perasingan kuasa serta kaitannya dengan undang-undang pentadbiran. Memandangkan undang-undang pentadbiran merupakan satu garis panduan kepada perjalanan kuasa pentadbiran terutama sekali kuasa yang melibatkan budi bicara dan perundangan kecil, kursus ini akan turut membincangkan mengenai mekanisme-mekanisme kawalan, terutama sekali oleh mahkamah, terhadap kuasa tersebut. Ini akan meliputi perbincangan mengenai doktrin ultra vires yang menjadi teras utama dalam ulangkaji kehakiman terhadap tindakan pentadbiran serta pemberian remedi yang sesuai apabila berlaku penyalahgunaan kuasa.

Rujukan

Wan Azlan Ahmad, Nik Ahamda Kamal, Mohsin Hingun, 2021. *Administrative Law in Malaysia*, Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell

Cane & Peter. (ed.) 2002. *Administrative Law*. London : Ashgate Publishing Company.

Beermann & J. M. 2000. *Administrative Law*. Gaithersburg : Aspen Law & Business.

Wade, & William. 2000. *Administrative Law*. 8th ed. London : Clarendon Press.

Jain, M.P. 1997. *Administrative Law of Malaysia and Singapore*. 3rd ed. *Malayan Law Journal*. Kuala Lumpur.

UUUP3723 - Undang-Undang Perbankan

Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar berkenaan undang-undang perbankan di Malaysia. Ianya menumpukan kepada undang-undang perbankan konvensional. Ianya membincangkan tentang prinsip asas perbankan seperti hubungan antara bank dan pelanggan serta pemiutang dan penghutang. Rangka kerja undang-undang dan produk kewangan juga dibincangkan. Rujukan dibuat kepada kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah dan undang-undang berkaitan. Pelajar akan dinilai melalui penilaian formatif dan sumatif dalam meningkatkan pemahaman pelajar.

Rujukan

Mohd Johan Lee. 2017. *Islamic Banking in Malaysia: Shariah Theories, the Laws, Current Structures and Practices and Legal Documentation*. Petaling Jaya : Lexis Nexis.

Rusni Hasan et.al. 2017. *Islamic Banking in Malaysia: cases and Commentaries*. Ampang: CLJ Publication.

Bank Negara Malaysia. 2016. *Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi-Murabahah, Mudarabah, Musyarakah, Tawarruq dan Istisna'*. Siri 1. Kuala Lumpur : ISRA.

ISRA. 2016. *Islamic Financial System Principles & Operations*. Second Edition. Kuala Lumpur: ISRA

Zaharuddin Abd Rahman. 2010. *First Edition. Contracts & the Products of Islamic Banking*. Kuala Lumpur : CERT.

UUUP3733 - Undang-Undang Siber

Sinopsis

Kursus ini akan memberi penekanan kepada peruntukan dan pemakaian undang-undang siber di Malaysia dengan merujuk kepada beberapa akta yang diklasifikasikan sebagai Akta Undang-undang Siber. Di bawah perbincangan Akta ini, jenayah siber melalui komputer akan dijelaskan, pemakaian Akta Tandatangan Digital 1997 juga akan dikupas. Hak-hak dan tanggungjawab berkaitan prosedur teleperubatan akan diterangkan dengan merujuk kepada Akta Teleperubatan 1998. Selain dari itu Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 akan dikajidengan melihat sejauh manakah akta ini berperanan dalam melindungi data individu di Malaysia. Permasalahan E Dagang juga bakal dibincangkan melalui Akta Perdagangan Elektronik 2006. Aktiviti yang melibatkan Internet tidak kira di laman sosial dan juga medium interaksi lain sering melibatkan pencerobohan hakcipta, oleh yang demikian Akta Hakcipta 1987 akan dibincangkan. Terdapat juga isu undang-undang lain yang mungkin berlaku di alam siber juga akan disentuh seperti kecuaiian di bawah undang-undang tort, fitnah di bawah Akta Fitnah, hasutan di bawah Akta Hasutan, juga isu-isu lain yang terlibat menurut perubahan dan kehendak masyarakat pada waktu itu.

Rujukan

- Rizal Rahman. 2017. *Cybercrime Cases in Malaysia*. Amazon.
- Anita Abdul Rahim, Nazura Abdul Manap. 2004. *Jenayah Berkaitan Komputer: Perspektif Undang-undang Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bainbridge, David. 2011. *Introduction To Information Technology Law*. 7th ed. Harlow: Longman.
- Lloyd, Ian. 2017. *Information Technology Law*. 8th ed. Oxford: Oxford University Press.
- Reed, Chris. 2011. *Computer Law*. 7th Edition. Oxford: Oxford University Press.

UUUP3743 - Undang-Undang Urus Niaga Antarabangsa

Sinopsis

Kursus ini memberi tumpuan kepada konsep kontrak jualan antarabangsa khususnya menerusi pengangkutan laut. Pengenalan kepada terma-terma yang lazimnya digunakan di dalam transaksi perdagangan antarabangsa seperti *CIF (cost, insurance and freight)* dan *FOB (free on board)* akan dibincangkan. Tumpuan akan diberikan kepada tanggungjawab pembeli dan penjual di dalam sesuatu transaksi jual beli menurut istilah-istilah tertentu. Kursus ini akan diikuti dengan perbincangan mengenai jenis dokumen-dokumen yang diperlukan seperti *'bill of lading* dan *policy* dan polisi insurans laut, lesen-lesen mengeksport serta surat-surat kredit (*letter of credit*). Konsep kontrak polisi insurans laut akan dikaji menurut Akta Insurans Laut 1906 (UK) serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selain itu, mekanisme penyelesaian pertikaian akan dibincangkan.

Rujukan

Jason Chuah. 2019. *Law of International Trade: Cross-Border Commercial Transactions*. Ed. Ke-6. London: Sweet & Maxwell.

Indira Carr & Peter Stone. 2017. *International Trade Law*. Ed. Ke-6. London: Routledge.

Lutz-Christia Wolff. 2013. *The Law of Cross-Border Business Transactions*. Alphen aan den Rijn: Wolters Kluwer.

John Mo. 2013. *International Commercial Law*. Ed. Ke-5. Chatsworth: LexisNexis.

Carole Murry & Clive M. Schmitthoff. 2012. *Schmitthoff's Export Trade: The Law and Practice of International Trade*. Ed. Ke-12. London: Sweet & Maxwell.

UUUP3753 - Undang-Undang Kredit

Sinopsis

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peruntukan undang-undang yang mengawal aktiviti pemberian kredit kepada pengguna di Malaysia. Kursus dimulakan dengan perbincangan mengenai aktiviti pemberian kredit secara umum seperti jenis-jenis kredit yang ditawarkan kepada pengguna, kebaikan serta keburukan kredit. Empat jenis kredit yang popular di kalangan pengguna menjadi fokus perbincangan iaitu sewa-beli, pajak gadai, pinjaman wang dan kad kredit. Kursus akan meliputi perbincangan mengenai peruntukan undang-undang yang mengawal kemudahan pemberian kredit oleh pembekal perkhidmatan serta hak dan liabiliti pihak-pihak dalam kontrak kredit. Pelajar akan dilatih untuk mengenal pasti prinsip-prinsip asas undang-undang yang mengawal dan mengatur transaksi kredit pengguna serta berupaya mengaplikasi undang-undang yang berkaitan terhadap permasalahan dan isu perundangan yang timbul dalam transaksi kredit pengguna di Malaysia.

Rujukan

Abd. Shukor Ahmad. 2019. *Legal Aspects of Hire Purchase in Malaysia*. Sweet & Maxwell.

Kevin, J. 2016. *Hire Purchase (Bilingual)*. Malaysia: LexisNexis.

Nasser Hamid. 2008. *Hire-Purchase*. Gavel Publications.

Hill-Smith, A. 2015. *Consumer Credit Law & Practice*. Informa Law from Routledge.

Rosenthal, D. 2018. *Consumer Credit Law and Practice – A Guide*. London: Bloomsbury Publishing PLC.

UUUP3763 - Undang-Undang Pelancongan

Sinopsis

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada latar belakang, sejarah dan definisi pelancongan dari aspek perundangan. Dasar dan skop pelancongan membincangkan apa yang kerajaan pilih untuk lakukan atau tidak lakukan berkaitan dengan pelancongan serta pemakaiannya di Malaysia. Perundangan yang berkaitan dengan pelancongan secara langsung merangkumi undang-undang pelancongan asas, dasar untuk membangunkan pelancongan dan lain-lain lagi. Kemudian dasar itu akan diterjemahkan kepada pelbagai undang-undang berkaitan pelancongan dan cara bagaimana pelbagai undang-undang itu dilaksanakan serta aplikasinya. Seterusnya, kursus ini juga meliputi perkhidmatan yang berkaitan seperti apa itu produk, aktiviti dan kepentingan industri pelancongan kepada Negara. Kursus ini juga meliputi peranan undang-undang dalam aktiviti dan produk pelancongan serta agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar dan undang-undang pelancongan. Pada masa yang sama, hak-hak dan tanggungjawab pelancong juga dikaji bersama undang-undang sivil dan jenayah seperti dalam undang-undang tort, pengguna serta jenayah. Pelancongan juga melibatkan pengiklanan dan industri penerbangan sama ada domestik mahupun antarabangsa. Pengusaha-pengusaha pelancongan juga tertakluk kepada undang-undang. Akta-akta utama yang terlibat ialah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992, Akta Industri Pelancongan 1992 (Pindaan 2002) dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 serta Peraturan-peraturan di bawahnya. Begitu juga pengendalian industri rumah penginapan termasuklah hotel-hotel. Isu keselamatan pelancongan juga dititikberatkan dengan mengambil kira aspek keselamatan, pengurusan berisiko dan insuran. Akhir sekali, kerangka perundangan yang berkaitan akan dibincangkan untuk melihat sejauh manakah ia mampu menyokong industri pelancongan di Malaysia.

Rujukan

- Gan Joo Ee. 2017. *Hospitality Law. Ed. Ke-2. Kuala Lumpur: Oxford*
- Stephen C. Barth & Diana S. Barber. 2017. *Hospitality Law: Managing Legal Issues in the Hospitality Industry. Ed. Ke-5. Hoboken: Wiley.*
- Ana Maria Munar, Szilvia Gyimothy & Liping Cai (Eds). 2013. *Tourism Social Media: Transformations in Identity, Community and Culture (Tourism Social Science Series). Bingley: Emerald Group Publishing Limited.*
- Yahaya Ibrahim. 2014. *Keusahawanan Dan Daya Saing Dalam Sektor Pelancongan Pulau. Gong Badak: Penerbit UniSZA.*
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2009. *Undang-undang Rumah Penginapan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*

UUUP3773 - Undang-Undang Sukan

Sinopsis

Kursus ini dirangka bagi memberi pemahaman kepada pelajar dalam mengendalikan isu-isu perundangan dalam bidang sukan. Kursus ini bertujuan membentuk keupayaan pelajar praxiswazah untuk memahami hubungan sukan dan undang-undang di peringkat nasional dan antarabangsa; menimbulkan keupayaan untuk menyelesaikan masalah badan sukan dan struktur organisasi sukan di pelbagai peringkat dan keupayaan mengenal pasti liabiliti perundangan dalam konteks hubungan sukan. Kursus ditumpukan kepada tiga bahagian iaitu (1) pengenalan (hubungan undang-undang dan sukan, konsep serta pengawalan undang-undang ke atas badan sukan); (2) bidang kuasa badan sukan dan institusi sukan menurut Akta Pembangunan Sukan 1997 dan penyelesaian pertikaian; dan (3) aplikasi undang-undang ke atas kontrak atlet, kecuaiian dan kecederaan, diskriminasi dan gangguan seksual dan isu perundangan berkaitan percaturan perlawanan dan doping.

Rujukan

Jady Zaidi Hassim, Richard Wee & Lesley Lim. 2020. *International Encyclopedia of Laws – Sports Law in Malaysia*. Supplement 78, Wolters Kluwer International, Netherlands.

Jady Zaidi Hassim. 2019. *Legal Aspects of Sports in Malaysia*. Thomson Reuters Asia.

Jady Zaidi Hassim. 2018. *Sports Law in Malaysia: Governance and Legal Issues*. Malaysia: Sweet & Maxwell.

Jady Zaidi Hassim. 2018. *Kontrak Pemain Bola sepak Profesional*. Malaysia: Penerbit UKM.

Adam Lewis & Jonathan Taylor. 2008. Ed. Ke-2. *Sport: Law and Practice*. Bloomsbury Professional

Jady Zaidi Hassim. 2005. *An Introduction to Sports Law in Malaysia: Legal Guidelines for Sportspersons and Sports Administrators*. Malaysia: Malayan Law Journal.

Simon G., Alexandra F., Mark J., Roger W., & John O. 2006. Ed. ke-3. *Sports Law*. Great Britain: Cavendish Publishing Limited

Grayson, E. 2000. *Sports and the Law*. Ed. ke-3. Great Britain: Butterworths and Co (Publishers) Ltd.

Beloff, M.J., Kerr, T. & Dimitriou, M. 1999. *Sports Law*. Oxford: Hart Publishing, Oxford and Poland.

UUUP3783 - Undang-Undang dan Masyarakat

Sinopsis

Matlamat kursus ini ialah untuk memberi kefahaman berkenaan bagaimana undang-undang berperanan dalam konteks masyarakat. Keadaan telah menyaksikan perubahan yang pelbagai dalam dunia perundangan dan masyarakat berlaku disebabkan oleh dwi-

peranan undang-undang iaitu undang-undang beraksi kepada perlakuan masyarakat dan dalam masa yang sama, memulakan perubahan dalam masyarakat. Kursus ini akan melihat kepada permasalahan masyarakat yang terpilih seperti antaranya persoalan hak asasi, kekeluargaan, jenayah dan teknologi maklumat dan mengkaji perjalanan dan peranan undang-undang dalam konteks permasalahan tersebut. Kursus ini akan dapat melihat keperluan terhadap undang-undang dan kelemahan serta kekurangan undang-undang sebagai alat perubahan dan kawalan masyarakat.

Rujukan

Riaz Tejani. 2019. *Law & Society Today*. Oakland: University of California Press.

Steven Vago & Steven E. Barkan. 2018. *Law & Society*. Ed. Ke-11. Oxon: Routledge.

Mathew Lippman. 2017. *Law and Society*. Ed. Ke-2. Newbury Park: Sage Publications.

Max Travers. 2010. *Understanding Law and Society*. Oxon: Routledge.

Anwarul Yakin. 1996. *Law and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Inter-national Law Book Services.

UUUP3793 - Undang-Undang Nuklear

Sinopsis

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kepentingan undang-undang dalam mengawal penggunaan nuklear bagi tujuan pembangunan sesuatu negara serta melindungi manusia sejagat dan alam sekitar dari impak atau kesan dari penggunaan nuklear tersebut. Tumpuan akan diberikan kepada undang-undang antarabangsa berkaitan dengan penggunaan nuklear dari pelbagai sudut termasuk prinsip-prinsip antarabangsa yang digunapakai, aspek keselamatan barangan nuklear, kesan radiasi, persediaan dan respon dalam situasi kecemasan, pengurusan sisa kumbahan radioaktif dan isu liabiliti. Seterusnya, para pelajar akan didedahkan kepada undang-undang domestik yang berkaitan dengan penggunaan nuklear di Malaysia dan negara-negara Asia yang lain.

Rujukan

Cyril Chern. 2021. *Nuclear Power Plant Development*. Routledge: London

Jonathan Herbach. 2021. *International Arms Control Law and the Prevention of Nuclear Terrorism*. Elgar: Netherlands.

Helen Cook. 2020. *The Law of Nuclear Energy Second Edition*. Sweet & Maxwell: London.

Irmgard Niemeyer, Mona Dreicer & Gotthard Stein. 2020. *Nuclear Non-proliferation and Arms Control Verification*. Springer: London

Jonathan L. Black-Branch. 2019. *Nuclear Non-Proliferation in International Law: Legal Aspects of the Use of Nuclear Energy for Peaceful Purposes. Volume IV.* Springer: London.

UUUP3803 - Undang-Undang Laut

Sinopsis

Para pelajar akan diperkenalkan mengenai pembahagian zon maritim bagi sesebuah negara perairan pantai serta segala aspek penggunaan laut seperti terkandung dalam Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa 1982. Para pelajar didedahkan kepada garis pangkal, perairan dalaman, perairan wilayah, zon berdampingan, zon ekonomi eksklusif, pelantar benua dan laut lepas. Seterusnya kursus ini mengkaji negara selat dan *archipelagic* di samping membincangkan mengenai pelayaran, perikanan, perlindungan pemuliharaan persekitaran laut serta implikasi alam sekitar, pembahagian sempadan maritim, penyelesaian pertikaian dan lain-lain.

Rujukan

United Nations Convention on the Law of the Sea 1982. UNITED NATIONS. (1982 UNCLOS).

Rothwell R, Donald. 2016. *The International Law of the Sea. Oxford. Bloomsbury Publishing PLC.*

Yoshifumi Tanaka. 2018. *The International Law of the Sea. Cambridge. Cambridge University Press.*

Rothwell R, Donald. 2018. *International Law. Cambridge. Cambridge University Press.*

Rothwell R, Donald. 2017. *The Oxford Handbook of the Law of the Sea. Oxford. OUP Oxford.*

UUUP3813 - Teknologi Reproduktif dan Undang-Undang

Sinopsis

Teknologi perubatan berkaitan reproduktif manusia semakin berkembang maju. Pelbagai teknologi moden telah diperkenalkan untuk membolehkan pasangan mendapatkan zuriat, termasuk *In Vitro Fertilisation*, *Womb Transplantation* dan *Surrogacy*. Selain itu, terdapat juga teknologi seperti *Prenatal Testing*, *Preimplantation Genetic Diagnosis (PGD)*, *Gene Therapy* dan *Reproductive Cloning*, yang bukan sahaja dapat membantu pasangan untuk melahirkan anak tetapi juga membolehkan mereka memilih dan melahirkan anak mengikut kriteria yang disukai seperti jantina dan sebagainya. Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai teknologi-teknologi tersebut dengan tujuan untuk membincangkan secara mendalam mengenai isu-isu etika, moral dan agama yang timbul daripada penggunaan teknologi tersebut. Sebagai tambahan, pelajar juga akan didedahkan dengan teknologi-teknologi yang berkait rapat dengan teknologi

reproduktif yang dibincangkan seperti kajian ke atas embrio dan stemcell (Embryo and Stem Cell Research), pengguguran anak (abortion), pendermaan tisu dan organ manusia (human organ/tissue donation) serta isu-isu bioetika terkini yang timbul dari semasa ke semasa. Para pelajar juga akan didedahkan dengan aspek perundangan yang berkaitan dengan teknologi-teknologi yang dibincangkan baik di Malaysia mahupun negara-negara lain seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan beberapa negara Islam, di samping konvensyen antarabangsa yang berkenaan. Di awal kursus, pelajar akan didedahkan mengenai asas teori yang relevan dan perlu untuk mereka memahami kursus ini seperti prinsip-prinsip asas *Bioethics*. Sebagai tambahan, kursus ini juga akan membincangkan isu hubungan antara agama, sains dan undang-undang di Malaysia untuk mengenalpasti kedudukan undang-undang mengenai *Bioethics* di Malaysia. Untuk melengkapkan pengetahuan pelajar, isu-isu asas dalam undang-undang perubatan (medical law) seperti kecuaiian dalam perubatan (medical negligence), keizinan (consent) dan prinsip kerahsiaan (confidentiality) turut disentuh dan diaplikasi dalam skop penggunaan teknologi reproduktif.

Rujukan

- Emily Jackson, 2019, *Medical Law Text, Cases and Materials, 5th ed.*, Oxford University Press.
- Jonathan Herring. 2018. *Medical Law and Ethics. 7th ed. Oxford University Press.*
- Imogen Goold and Jonathan Herring. 2018. *Great Debates in Medical Law and Ethics. 2nd ed. Macmillan Publishers Ltd.*
- Kulenthiran Arumugam. 2018. *Laws Governing Clinical Practice in Malaysia. Sweet & Maxwell.*
- Haniwarda Yaakob. 2018. *Preimplantation Genetic Diagnosis in Malaysia: The Ethics of Embryo Selection. UKM Press, Selangor.*

UUUP3823 - Undang-Undang Kemanusiaan Antarabangsa

Sinopsis

Kursus ini terdiri daripada tiga segmen berbeza. Segmen pertama akan menyediakan satu tinjauan sejarah undang-undang kemanusiaan antarabangsa; bagaimana penentu 'konflik bersenjata' dibuat; dan dua konseptualisasi berbeza mengenai undang-undang kemanusiaan antarabangsa iaitu : undang-undang mengenai peperangan (Konvensyen Hague) dan undang-undang berkenaan metod peperangan (Konvensyen Geneva). Segmen kedua akan meneliti isu-isu yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Negara berdasarkan undang-undang kemanusiaan antarabangsa dan jenis liabiliti entiti berkaitan. Segmen ketiga dan terakhir akan memfokus kepada sikap dan skop tanggungjawab individu dan liabiliti jenayah di bawah undang-undang kemanusiaan antarabangsa. Berdasarkan maklumat yang diberikan melalui kuliah dan perbincangan berkumpulan semasa seminar, para pelajar akan mengenali skop umum dan kandungan undang-undang kemanusiaan antarabangsa semasa. Melalui komponen pembelajaran berasaskan masalah (PBL), para pelajar melalui kerja berkumpulan akan diminta mengaplikasi apa yang telah dipelajari semasa kuliah dan seminar untuk menulis hujah tentang keabsahan atau

ketidakabsahan tindakan yang dilakukan selama perang. Analisis dibuat berdasarkan kes hipotesis untuk tugas PBL yang menjadi asas untuk tujuan pembentangan/advokasi, di mana pelajar akan mempertahankan penilaian mereka dalam bentuk lisan.

Rujukan

Bassiouni, M.C. (2012). *Crimes Against Humanity: Historical Evolution and Contemporary Application*. Cambridge: Cambridge University Press.

Christopher Harland. (2012). *Basic Documents on International Law –South Asia Collection*, ICRC.

Gray D. Solis (2016). *The Law of Armed Conflict: International Humanitarian Law in War*. 2nd Ed Cambridge University Press.

Marco Sassoli, Antoine A Bouvier (2014) *How Does Law Protect in War Case Book and Materials (Vol.1-4)*, ICRC.

Nils Melzer (2016), *International Humanitarian Law a Comprehensive Introduction*, ICRC.

UUUP3833 - Bahasa Melayu dan Undang-Undang

Sinopsis

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada kedudukan, kepentingan dan peranan bahasa Melayu dalam bidang undang-undang. Kursus ini dimulakan dengan membincangkan tentang aspek tatabahasa bahasa Melayu seperti morfologi dan sintaksis. Aspek peristilahan dan laras bahasa turut dimuatkan dalam kandungan kursus. Selain itu, kursus ini memfokuskan kepada empat komponen penting pengaplikasian bahasa Melayu dalam bidang undang-undang; iaitu pertuturan, penulisan, penterjemahan dan penyuntingan teks undang-undang. Pada masa yang sama, kursus ini memberikan penekanan spesifik terhadap pengaplikasian bahasa Melayu yang tepat dan sesuai dalam bidang undang-undang menerusi latihan amali yang dikendalikan. Di akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk mengenal pasti, mengaitkan dan mengaplikasi pengetahuan bahasa Melayu dalam konteks perundangan.

Rujukan

Asmah Haji Omar. 2016. *Penggunaan Bahasa dalam Surat Rasmi: Bahasa dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur. DBP.

Asmah Haji Omar. 2017. *Bahasa Laporan*. Edisi Kedua. KL: DBP. DBP. 2014. *Siri Pedoman Bahasa Melayu: Penterjemahan Frasa Bahasa Inggeris 1*. Cetakan Ketiga. KL: DBP.

DBP. 2016. *Siri Pedoman Bahasa Melayu: Koleksi Pedoman Bahasa 1*. Cetakan Kesembilan. DBP.

Fatihah Jamhari. 2017. *Memartabatkan Bahasa Melayu Sejajar dengan Peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang [2017]* I LNS(A) xxvi 1.

UUUP3843 - Undang-Undang Persaingan

Sinopsis

Kursus ini mendedahkan pelajar kepada prinsip perundangan yang mengatur kawal proses persaingan dalam pasaran di Malaysia. Kursus ini dimulakan dengan pengenalan kepada polisi dan undang-undang persaingan. Ia juga akan membincangkan konsep asas ekonomi yang menyentuh aspek undang-undang persaingan seperti konsep pasaran. Kursus ini kemudiannya menjelaskan perkembangan polisi dan undang-undang persaingan di Malaysia terutamanya Akta Persaingan 2010. Aspek substantif undang-undang persaingan akan dibincangkan yang akan memfokus kepada perjanjian anti-persaingan dan penyalahgunaan kuasa dominan. Perbincangan akan didasarkan kepada Akta Persaingan 2010, Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan peraturan-peraturan sektoral terutamanya Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Rujukan akan dibuat kepada undang-undang negara lain terutamanya EU dan US. Di akhir kursus ini, pelajar seharusnya berkebolehan untuk mengenal pasti, mengaitkan dan mengaplikasikan pengetahuan undang-undang persaingan kepada situasi dan tingkah laku dalam pasaran.

Rujukan

Nasarudin Abdul Rahman dan Haniff Ahamat. 2016. *Competition Law in Malaysia*. Subang Jaya: Sweet & Maxwell.

Richard Whish. 2018. *Competition Law*. Oxford: Oxford University Press.

Alison Jones dan B. Sufrin, B. 2019. *EC Competition Law – Text, Cases and Materials*. Oxford: Oxford University Press.

Akta Persaingan 2010,

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010

Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Garis Panduan Berkenaan Tatacara Aduan 2012,

Garis Panduan Pentakrifan Pasaran 2012,

Garis Panduan Berkenaan Perjanjian Anti Persaingan 2012,

Garis Panduan Berkenaan Penyalahgunaan Kedudukan Dominan 2012,

Garis Panduan Penalti Kewangan 2014, Garis Panduan Rejim Kelonggaran 2014.

UUUP3853 - Undang-Undang Antarabangsa dan Orang Asal

Sinopsis

Dari segi kandungan kursus, topik-topik penting di bawah undang-undang antarabangsa dan kaitannya dengan orang asal telah dipilih untuk tujuan perbincangan. Perbincangan akan dibuat secara menyeluruh dan mendalam mengenai topik-topik yang terdiri daripada sejarah perkembangan undang-undang orang asal, identiti orang asal, hak-hak terhadap tanah, hak penentuan sendiri dan hak terhadap harta intelek. Di bahagian kedua pula, kursus ini akan meneruskan perbincangan dalam topik-topik terpilih ini dalam konteks di Malaysia. Kesemua topik ini akan dikaji dari perspektif undang-undang antarabangsa, serantau dan domestik (Malaysia dan Filipina).

Melalui perbincangan diatas, pelajar yang mengikuti kursus ini mampu mengenalpasti dan memahami prinsip-prinsip asas undang-undang antarabangsa, undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan undang-undang domestik berkaitan hak asasi orang asal. Pelajar seterusnya mampu mengaitkan isu-isu serta masalah-masalah pencabulan hak orang asal dengan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan. Setelah melakukan analisa, pelajar mampu mengaplikasikan prinsip-prinsip asas undang-undang yang relevan dalam penyelesaian mana-mana isu atau masalah pencabulan hak orang asal.

Rujukan

Muhamad Sayuti Hassan @ Yahya, 2019, *Hak Penentuan Kendiri Orang Asal*, Penerbit UKM

Rohaida Nordin, 2018, *Rights of the Indigenous Peoples in Peninsular Malaysia: Domestic and International Perspectives*, Penerbit UKM

UN OHCHR, 2015, *Land and Human Rights: Annotated Compilation of Case Law*

Jaringan Orang Asal Se Malaysia (JOAS), 2015, *Red and Raw: Indigenous Rights in Malaysia and the Law*

UN OHCHR, 2012, *Promoting and Protecting Minority Rights: A Guide for Advocates*

Claire Charters, 2010, *Indigenous Voices: The UN Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*

HADIAH DAN PINGAT PERINGKAT UNIVERSITI/FAKULTI

Peringkat Universiti

Anugerah Pelajaran DiRaja
Anugerah Naib Canselor
Anugerah Tun Abdul Razak
Anugerah Tengku Ampuan Afzan
Anugerah ALUMNI
Pingat Emas Universiti
Hadiah Buku Universiti
Basiswa Kanan Universiti
Hadiah Buku Koperasi UNIKEB

Peringkat Fakulti

Hadiah Kenangan Tan Sri Abdul Kadir
Pingat Emas Puan Sri Haseenah Abdolcader
Hadiah Tun Azmi Foundation
Hadiah Alumni Fakulti Undang-Undang: Kursus Profesional
Hadiah Pelajar Alumni Fakulti Undang-Undang: Ikon Pelajar

Syarat-Syarat Kelayakan Masuk Fakulti Undang-Undang

BIL	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	KELAYAKAN MINIMUM STPM
ALIRAN SAINS DAN SASTERA		
1.	<p>Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian UK6380001 8 semester</p> <p>Calon-calon akan mengikuti kursus sivil dan syariah dalam program ini.</p>	<p style="text-align: center;">Memenuhi Syarat Am Universiti serta KEPERLUAN KHAS PROGRAM</p> <p>Lulus STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.33; dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B+ (NGMP 3.33) pada peringkat STPM dalam mata pelajaran berikut;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengajian Am <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B/4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris • Bahasa Melayu; dan • Tiga (3) mata pelajaran lain <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 4.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Band 4 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian dan/atau temu duga yang ditetapkan oleh Fakulti.</p>

BIL	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	KELAYAKAN MINIMUM MATRIKULASI
ALIRAN SAINS, PERAKAUNAN DAN UNDANG-UNDANG		
2.	<p>Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian UK6380001 8 semester</p> <p>Calon-calon akan mengikuti kursus sivil dan syariah dalam program ini.</p>	<p style="text-align: center;">Memenuhi Syarat Am Universiti serta KEPERLUAN KHAS PROGRAM</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.33 pada peringkat Matrikulasi KPM / Asasi;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B/4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris • Bahasa Melayu; dan • Tiga (3) mata pelajaran lain <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 4.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Band 4 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian dan/atau temu duga yang ditetapkan oleh Fakulti.</p>

BIL	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	KELAYAKAN MINIMUM DIPLOMA
DIPLOMA SETARAF		
3.	<p>Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian UK6380001 8 semester</p> <p>Calon-calon akan mengikuti kursus sivil dan syariah dalam program ini.</p>	<p style="text-align: center;">Memenuhi Syarat Am Universiti serta KEPERLUAN KHAS PROGRAM</p> <p>Memiliki Diploma dalam mana-mana bidang berikut yang diiktiraf oleh Universiti dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.33;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Undang-undang • Perakaunan • Pengajian Islam • Pentadbiran Awam • Ekonomi • Pengajian Perniagaan <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Calon dikehendaki mengemukakan transkrip akademik dari semester satu (1) hingga semester akhir;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 4.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Band 4 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian dan/atau temu duga yang ditetapkan oleh Fakulti.</p>

BIL	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	KELAYAKAN MINIMUM STAM
4..	<p>Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian UK6380001 8 semester</p> <p>Calon-calon akan mengikuti kursus sivil dan syariah dalam program ini.</p>	<p style="text-align: center;">Memenuhi Syarat Am Universiti serta KEPERLUAN KHAS PROGRAM</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid Jiddan dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM);</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Gred B/4B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bahasa Inggeris • Bahasa Melayu; dan • Tiga (3) mata pelajaran lain <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 4.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Band 4 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian dan/atau temu duga yang ditetapkan oleh Fakulti.</p>

BIL	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	KELAYAKAN MINIMUM A LEVELS / IB
5.	<p>Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian UK6380001 8 semester</p> <p>Calon-calon akan mengikuti kursus sivil dan syariah dalam program ini.</p>	<p style="text-align: center;">Memenuhi Syarat Am Universiti serta KEPERLUAN KHAS PROGRAM</p> <p><u>A LEVEL</u></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya satu (1) Gred A dan dua (2) Gred B dalam tiga (3) mata pelajaran;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 4.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Band 4 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya . Mendapat sekurang- kurangnya Tahap 4 (Band 4) dalam Malaysian University English Test (MUET) /TOEFL: 600 / IELTS 6;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian dan/atau temu duga yang ditetapkan oleh Fakulti.</p> <p><u>IB</u></p> <p>Memiliki kelayakan IB dengan mendapat sekurang-kurangnya skor 30 mata;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya Band 4.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk keputusan yang diperolehi mulai Sesi 1 Tahun 2021 atau Band 4 untuk keputusan tahun 2020 dan sebelumnya; Mendapat sekurangkurangnya Tahap 4 (Band 4) dalam Malaysian University English Test (MUET) /TOEFL: 600 / IELTS 6;</p> <p style="text-align: center;">dan</p> <p>Lulus ujian dan/atau temu duga yang ditetapkan oleh Fakulti.</p>

Struktur Pengajian

Jumlah Kredit

Untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian, calon-calon dikehendaki lulus sekurang-kurangnya **169 unit** kursus-kursus yang ditetapkan.

Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah:

1. Kursus Citra

1.1 Kursus Citra Universiti

Taraf kursus adalah C1, C2, C3, C4, C5 & C6. Pelajar perlu melengkapkan keperluan **kredit minimum** mengikut Citra seperti rajah dibawah:

Domain Citra	Kredit
Citra 1 – Literasi Bahasa dan Komunikasi	2
Citra 2 – Pemikiran Kreatif dan Reka Cipta	2
Citra 3 - Literasi Sastera, Budaya dan Ketamadunan	2
Citra 4 - Literasi Sains, Teknologi dan Kesihatan	2
Citra 5 - Keusahawanan dan Tanggungjawab Sosial	2
Citra 6 - Keterampilan Diri dan Pasukan	2
JUMLAH	12

* Baki keperluan kredit Kursus Citra mengikut domain adalah ditentukan oleh pelajar. Pelajar bebas memilih sendiri mana-mana kursus yang bertaraf Kursus Citra melalui mana-mana Domain Citra.

1.2 Kursus Citra Wajib Universiti

Taraf kursus adalah CW dan kursus ini ditawarkan oleh Pusat Citra Universiti. Pelajar perlu lulus dan melengkapkan 10 kredit. Kursus Wajib Universiti adalah seperti berikut:

Kod Kursus	Tajuk	Kredit
LMCW1022	Asas keusahawanan dan Inovasi	2
LMCW2022	Pengurusan dan Analitik Data	2
LMCW 2143	Falsafah dan Isu Semasa	3
LMCW 2153	Penghayatan Etika dan Peradaban	3
JUMLAH		10

2. Kursus Fakulti

2.1 Kursus Wajib/Teras

Kursus wajib terdiri daripada kursus-kursus Undang-undang Awam dan kursus-kursus Undang-undang Islam yang ditetapkan oleh Fakulti yang berjumlah sebanyak seratus dua puluh satu (121) kredit. (rujuk muka surat 33)

2.2 Kursus Pilihan

Kursus pilihan adalah terdiri daripada sekurang-kurangnya lapan belas (18) kredit seperti yang telah ditetapkan oleh Fakulti.

2.2.1 Latihan Amali

Pelajar-pelajar dikehendaki menjalani latihan amali selama 10 minggu di agensi atau industri yang berkaitan dengan perundangan seperti mahkamah, firma guaman, balai polis, pejabat tanah, sektor korporat dan sebagainya. Semasa menjalani latihan amali, pelajar-pelajar didedahkan dengan selok-belok amalan perundangan dan pelaksanaan undang-undang seperti yang dijalankan oleh para hakim, polis, peguam cara dan peguam bela.

2.2.2 Perbicaraan Olok-olok (*Mock Trial*)

Calon-calon dikehendaki menjalani latihan olok-olok semasa berada di semester II Tahun 4 iaitu kursus Advokasi Perbicaraan Sivil dan Advokasi Perbicaraan Jenayah.

2.2.3 Kertas Projek

Calon-calon dikehendaki mengikuti beberapa bengkel penyelidikan dan menyediakan kertas projek semasa Tahun 3. Kertas projek pelajar akan diselia oleh seorang penyelia yang dilantik oleh Fakulti.

2.3 Kursus Mengikut Tahun Pengajian (Rujuk muka surat 26 hingga 29)

Skala Markah Gred Peperiksaan Prasiswazah Fakulti Undang-Undang

Gred	Skala Markah	Nilai Gred	Taraf
A	80 – 100	4	Cemerlang
A-	75 – 79	3.67	
B+	70 – 74	3.33	Kepujian
B	65 – 69	3	
B-	60 – 64	2.67	Lulus
C+	55 – 59	2.33	
C	50 – 54	2	
C-	45 – 49	1.67	
D+	40 – 44	1.33	
D	35 – 39	1	Gagal
E	0 – 34	0	

Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh **perenggan 38 Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia 2010**, Senat Universiti Kebangsaan Malaysia membuat peraturan seperti berikut;

1. Nama, Mula Berkuat kuasa, Pemakaian dan Tafsiran

- 1.1. Peraturan ini dinamakan Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 2020 dan hendaklah mula berkuat kuasa selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-peraturan ini.
- 1.2. Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua pelajar yang mula mengikuti sesuatu program yang mengurniakan suatu Ijazah selepas tarikh Peraturan ini mula berkuatkuasa.
- 1.3. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain,
 - “bayaran” ertinya apa-apa yuran dan pembayaran lain yang dikenakan oleh Universiti kepada pelajar bagi sesuatu program;
 - “Dekan” ertinya ketua bagi sesuatu Fakulti atau Pengarah bagi sesuatu Pusat yang dilantik oleh Naib Canselor;
 - “Fakulti” ialah mana-mana Fakulti Universiti termasuklah mana-mana Pusat Universiti yang mengurniakan Ijazah;
 - “gred” ertinya abjad bagi menunjukkan pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran;
 - “Jawatankuasa Rayuan” ertinya suatu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk menimbang rayuan terhadap keputusan peperiksaan;
 - “Ketua Program” ertinya seseorang staf akademik yang dilantik oleh Universiti bagi menyelaras sesuatu program;
 - “kredit” ertinya nilai beban bagi satu jam kredit yang bersamaan dengan jam belajar atau masa pembelajaran setara selama satu semester pengajian;
 - “kursus” ertinya sesuatu mata pelajaran yang ditawarkan di dalam syarat program pengajian;
 - “kursus audit” ialah sesuatu kursus yang didaftarkan oleh pelajar tetapi jam kredit kursus tersebut tidak dikira dalam pengiraan jumlah jam kredit untuk bergraduat dan pengiraan keputusan peperiksaan;
 - “pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar Universiti yang mengikuti program Sarjana Muda di Universiti bagi sesuatu program;

“pelajar baharu” ertinya pelajar yang telah menerima tawaran Universiti tetapi belum mendaftarkan diri untuk Program Pengajian;

“pelajar tanpa ijazah” ertinya pelajar luar yang mendaftar dan mengikuti satu atau sebahagian kursus yang terdapat dalam program Sarjana Muda;

“Penangguhan Pengajian” ertinya tempoh sementara pelajar dibenarkan untuk tidak mengikut pengajian;

“Pendaftar” ertinya seorang pekerja Universiti dalam kumpulan pengurusan dan profesional dalam klasifikasi perkhidmatan pentadbiran dan sokongan yang ditempatkan di entiti pentadbiran dan perkhidmatan akademik Universiti bagi pelajar dan ditanggungkan dengan tanggungjawab sebagai ketua di entiti itu;

“Pendaftaran Kursus” ertinya proses pelajar mendaftar kursus tertentu dalam sesuatu program dalam tempoh yang ditetapkan;

“Peperiksaan” ertinya apa-apa cara atau kaedah penilaian yang membolehkan markah atau gred diberikan bagi sesuatu kursus atau sebahagian daripada kursus tertentu;

“Pemindahan Kredit” ertinya kredit yang telah diberikan oleh satu-satu program ke dalam program yang lain, sama ada semua program itu di dalam UKM atau salah satu daripadanya adalah program di luar UKM;

“Pemindahan Kredit Secara Menegak” ertinya jumlah kredit yang dikecualikan bagi seseorang pelajar daripada mengambil semula kursus yang setara yang telah diambil daripada institusi pascapendidikan menengah yang telah mendapat kelulusan Fakulti;

“Pemindahan Kredit Secara Mendatar” ertinya pemindahan kredit dari satu program ke program yang lain pada tahap pengajian yang sama dan mendapat kelulusan Fakulti;

“Peperiksaan Ulangan Khas” ertinya peperiksaan yang dijalankan bagi sesuatu kursus boleh diberikan kepada pelajar yang memerlukan hanya satu sahaja untuk tujuan bergraduasi;

“Pindah Kredit Dengan Gred” ertinya pindah kredit secara mendatar bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar masih dalam pengajian). Kredit dikira dalam kredit bergraduasi pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).

“Pindah Kredit Tanpa Gred” turut dipanggil pengecualian kredit, ertinya pindah kredit secara menegak atau mendatar bagi pelajar yang telah keluar daripada sistem (pelajar telah tamat pengajian) atau telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

“PNG” (Purata Nilai Gred) ertinya purata mata nilai gred yang diperolehi dalam sesuatu semester;

“PNGK” (Purata Nilai Gred Kumulatif) ertinya purata himpunan mata nilai yang diperolehi bagi semua semester yang telah diikuti;

“program” ertinya struktur pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang tertentu;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu sesi yang telah ditetapkan oleh Senat;

“Senat” ertinya Senat Universiti Kebangsaan Malaysia;

“sesi” ertinya tahun akademik yang tarikhnya ditetapkan oleh Senat;

“tahun berjeda (*gap year*)” ertinya pelajar berehat dari mengikuti pengajian dalam tempoh masa sehingga maksimum dua semester (satu tahun) untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti sukarelawan yang dirancang dengan agensi terpilih atau untuk tujuan-tujuan umum yang lain.

“tempoh maksimum pengajian” ertinya bilangan maksimum semester yang dibenarkan bagi menamatkan sesuatu kursus;

“Universiti” ertinya Universiti Kebangsaan Malaysia

2. Syarat Penerimaan Masuk

2.1. Keperluan Pelajaran Asas

2.1.1. Sijil Pelajaran Asas

Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu atau kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu Kertas Julai dan lulus mata pelajaran Sejarah.

atau:

Bagi calon luar negara, calon hendaklah telah melengkapkan 12 tahun pembelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah atas;

dan:

2.1.2. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)

2.1.2.1. Calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan Gred C (NGMP 2.00 dalam dua (2) mata pelajaran lain.

atau:

2.1.3. Sijil Matrikulasi/ Asasi

2.1.3.1. Calon mestilah lulus Matrikulasi/ Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

2.1.4. Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

2.1.4.1. Calon mestilah lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Pangkat Jayyid;

atau:

2.1.5. Diploma/Setaraf

2.1.5.1. Calon mestilah memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti. Calon lepasan diploma TVET perlu memiliki kelulusan

Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) atau Diploma Vokasional Malaysia (DVM) yang diiktirafsetaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti (syarat khas program mengikut jenis program yang ditawarkan di Fakulti).

atau:

2.1.5.2. Lulus peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am;

atau:

2.1.5.3. Lulus Sijil Matrikulasi tahun sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

atau:

2.1.5.4. Lulusan Pra-U Sekolah Sukan Malaysia/GCE A-Level/ International Baccalaureate Diploma/ Australian Matriculation (AUSMAT) serta kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat.

atau:

2.1.5.5. Bagi calon luar negara, calon hendaklah memiliki Sijil Sekolah Menengah Atas (contohnya seperti Higher Secondary Certificate, Senior Secondary School Graduation Certificate, Tawjihiyah, Ijazah Sekolah Menengah Atas, High School Diploma);

atau:

2.1.6. Kelayakan lain

2.1.6.1 Calon mestilah mempunyai kelayakan lain dan/atau pengalaman yang diiktiraf oleh Senat seperti yang tersenarai di dalam Buku Panduan Fakulti masing-masing.

dan:

2.1.7. Malaysian University English Test (MUET).

2.1.7.1. Calon –calon mestilah mendapat sekurang kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).

2.1.7.2. Bagi calon luar negara atau berkelayakan luar negara hendaklah memenuhi syarat minimum keperluan Bahasa Inggeris MUET Band 3 atau IELTS Band 5.5 atau TOEFL IBT Band 46 atau setara dengannya.

2.1.7.3. Calon boleh diberi pengecualian kompetensi Bahasa Inggeris seperti yang telah ditetapkan oleh program atau dalam standard program daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sekiranya:

2.1.7.3.1. Calon tersebut adalah calon luar negara yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi atau:

2.1.7.3.2. Calon menggunakan kelayakan akademik dari institusi di luar negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya.

2.2. Syarat-syarat Masuk Yang Lain

Calon-calon mestilah juga:

2.2.1. mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti;

2.2.2. menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas tahun atau lebih pada hari pertama tahun akademik yang mereka mohon masuk;

2.2.3. menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di Univeristi; dan

2.2.4. memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

2.3. Penerimaan masuk calon ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat.

2.4. Penerimaan masuk ke mana-mana Fakulti tidak semestinya bermakna bahawa seseorang calon dibenarkan memilih sendiri bidang pengkhususan dalam program pengajian tertentu di Fakulti itu walaupun ia mempunyai syarat-syarat khas yang ditetapkan. Pengagihan pelajar-pelajar ke bidang-bidang pengkhususan adalah ditetapkan mengikut budi bicara Fakulti. Walau bagaimanapun keutamaan masuk ke jurusan-jurusan tertentu adalah bergantung kepada syarat-syarat Fakulti yang ditetapkan tertakluk kepada penyelarasan di peringkat Universiti.

3. Struktur Pengajian

3.1. Jumlah Kredit

Pelajar dikehendaki mengikuti sekurang-kurangnya seratus dua puluh (120) kredit kursus yang ditetapkan atau sejumlah unit lain yang ditetapkan oleh Senat.

3.2. Kursus

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan seperti berikut:

3.2.1. Kursus Pendidikan Citra

3.2.1.1. Kursus Pendidikan Citra terbahagi kepada dua (2) komponen iaitu:

3.2.1.1.1. Kursus Wajib Universiti – 10 kredit.

3.2.1.1.2. Kursus Citra Universiti – 20 kredit (program Profesional dan/ atau program berasaskan Model 2u2i) dan 30 kredit (program Bukan Profesional);

3.2.1.2. Pelajar dikehendaki mengikuti sejumlah:

3.2.1.2.1. 30 kredit kursus pendidikan Citra untuk tujuan pengijazahan bagi pelajar program profesional dan/ atau program berasaskan Model 2u2i.

3.2.1.2.2. 40 kredit kursus pendidikan Citra untuk tujuan pengijazahan bagi pelajar program bukan professional.

3.2.2. Kursus Fakulti

Pelajar dikehendaki mengikuti kursus-kursus yang terdiri daripada kursus wajib dan kursus pilihan yang jumlah kreditnya ditetapkan oleh Fakulti.

3.3. Tempoh Yang Dibenarkan

3.3.1. Pelajar mesti mengikuti kursus ijazah sarjana muda selama tidak kurang daripada enam (6) semester dan tidak lebih daripada sepuluh (10) semester dikira dari tarikh pendaftaran pertama untuk mendapatkan ijazah sarjana muda bagi program pengajian tiga tahun dan sekurang-kurangnya tujuh (7) semester dan tidak lebih daripada dua belas (12) bagi program pengajian empat tahun kecuali bagi program pengajian Doktor Perubatan sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi dan Doktor Pergigian sekurang-kurangnya lima (5) sesi dan tidak melebihi tujuh (7) sesi. Pengajian Semester ke-3 tidak diambilkira bagi menentukan jumlah semester maksimum pengajian yang dibenarkan;

3.3.2. Pelajar yang diluluskan pemindahan kredit, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kredit yang dikecualikan dan tertakluk kepada tempoh bermastautin minimum satu tahun atau dua (2) semester tidak termasuk semester ketiga. Peruntukan ini adalah

juga tertakluk kepada pelajar memenuhi jumlah kredit keseluruhan program pengajiannya kecuali bagi program yang ditetapkan selainnya oleh badan profesional.

3.4. Pendaftaran Kursus

- 3.4.1 Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti. Pendaftaran untuk semester ke-3 adalah opsional;
- 3.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang dua belas (12) kredit dan tidak lebih daripada dua puluh (20) kredit pada tiap-tiap semester. Pendaftaran kurang daripada dua belas (12) kredit atau lebih daripada dua puluh (20) kredit hanya dibenarkan dengan kelulusan daripada Dekan. Untuk semester ketiga, pelajar dikehendaki mendaftar tidak kurang daripada satu (1) kursus dan tidak lebih daripada tiga (3) kursus;
- 3.4.3. Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Untuk semester ke-3 calon tidak dibenarkan menukar atau tambah kursus setelah semester bermula;
- 3.4.4. Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh empat (4) minggu pertama penilaian tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke-4 sehingga akhir minggu ke-8 akan diberikan gred TD. Kursus yang digugurkan ini tidak akan diambil kira di dalam Purata Nilai Gred. Untuk semester ke-3 calon dibenarkan menarik diri dari sesuatu kursus dan akan diberi gred TD.
- 3.4.5. Pelajar yang tidak mendaftar dalam tempoh empat minggu selepas semester bermula tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis untuk menangguhkan pengajian daripada Dekan akan diberi status “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”.
- 3.4.6. Proses pengguguran kursus hendaklah mematuhi keperluan jam kredit minimum dan maksimum yang perlu diambil pada setiap semester seperti dinyatakan pada Perkara 3.4.2.
- 3.4.7. Permohonan bagi pertukaran taraf kursus hendaklah mendapat kelulusan Fakulti pemilik kursus. Bagi permohonan tukar taraf kursus ke taraf kursus audit (U), permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu keempat (ke-4) semester pengajian.

3.5. Pemindahan Kredit

- 3.5.1. Pemindahan kredit secara menegak boleh dilakukan oleh pelajar lepasan institusi pascapendidikan menengah berasaskan pemetaan mata pelajaran yang sesuai jika:
 - 3.5.1.1. Kredit yang dipindahkan tidak boleh melebihi 30 peratus daripada jumlah keseluruhan kredit bagi satu program tertentu. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia), pemindahan kredit boleh diberikan sehingga maksimum 50 peratus;

- 3.5.1.2. Pelajar yang berkenaan hendaklah mendapat gred tidak kurang dari C atau yang setara dengannya. Bagi pelajar lepasan diploma (Tahap 4, Kerangka Kelayakan Malaysia) hendaklah mendapat gred C atau yang setara dengannya ($\leq 30\%$) dan gred B atau setara dengannya (31 – 50%);
- 3.5.1.3. Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus tersebut mempunyai persamaan dengan kursus-kursus di UKM tidak kurang daripada 80%.
- 3.5.1.4. Perbezaan magnitud kredit yang hendak dipindahkan itu hendaklah tidak melebihi 10% daripada kursus setara yang ada di UKM. Oleh kerana takrif kredit mungkin berbeza-beza dari satu institusi dengan institusi yang lain, perbandingan magnitud kredit boleh dilakukan melalui Masa Pembelajaran Pelajar (MPP). Jika MPP tidak dapat ditentukan, jumlah kredit untuk menamatkan pengajian boleh digunakan untuk melakukan perbandingan;
- 3.5.1.5. Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan profesional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan;
- 3.5.1.6. Kredit yang dipindahkan diambil kira untuk bergraduat tetapi tidak digunakan dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK);
- 3.5.1.7. Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
- 3.5.2. Pemandahan kredit secara mendatar boleh dilakukan oleh pelajar apabila pelajar bertukar program pengajian dari dalam atau luar Universiti dan/atau pelajar yang menyertai program mobiliti tertakluk kepada:
 - 3.5.2.1. Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan tidak kurang daripada 80%;
 - 3.5.2.2. Pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred tidak kurang dari C.
 - 3.5.2.3. Kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan.
 - 3.5.2.4. Tiada had kredit tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh bermastautin seperti perkara 3.3.2
- 3.5.3. Pelajar yang ingin mendapat pemandahan kredit hendaklah mengemukakan permohonan rasmi kepada dekan fakulti masing-masing atau kepada wakil yang diberi kuasa.
- 3.5.4. Permohonan pemandahan kredit hendaklah disahkan oleh Mesyuarat Fakulti setelah mendapat perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan.

3.5.5. Kursus yang telah diluluskan pemindahan kredit tidak boleh ditarik balik oleh pelajar.

3.5.6. Keputusan permohonan pemindahan kredit pelajar akan dimaklumkan oleh Pendaftar/ Dekan Fakulti.

4. Struktur Penilaian

4.1. Pemberian nilai gred bagi setiap semester adalah untuk kerja kursus dan penilaian-penilaian lain yang diadakan di sepanjang semester dan akhir semester.

4.2. Bagi kursus yang ada peperiksaan akhir, komponen peperiksaan akhir adalah dari 30% - 70% daripada jumlah markah keseluruhan.

4.3. Gred dan nilai gred yang diberikan kepada sesuatu kursus adalah seperti berikut:

<u>Gred</u>	<u>Nilai Gred</u>	<u>Taraf</u>
A	4.00	Cemerlang
A-	3.67	
B+	3.33	Kepujian
B	3.00	
B-	2.67	
C+	2.33	Lulus
C	2.00	
C-	1.67	
D+	1.33	
D	1.00	Gagal
E	0.00	
L/K	Lulus/Kandas	
TL	Tidak Lengkap	
SM	Sedang Maju	
U	Audit	
TD	Tarik Diri	
TP	Tangguh	
	Peperiksaan	
PK	Pindah Kredit	

4.4. Gred-gred berikut diberikan tanpa nilai gred:

4.4.1. L/K (Lulus/Kandas) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberi catatan “lulus” atau “kandas” sahaja.

4.4.2. TL (Tidak Lengkap) iaitu gred yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada

pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.

- 4.4.3. SM (Sedang Maju) iaitu gred yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata nilai tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata nilai apabila simbol SM digantikan dengan gred.
- 4.4.4. U (Audit) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, mengikuti kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan simbol tersebut hanya direkodkan jika pelajar lulus peperiksaan kursus itu. Sekiranya gagal akan direkodkan sebagai gred K.
- 4.4.5. TD (Tarik Diri) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus pada minggu kelima hingga minggu kelapan sesuatu semester.
- 4.4.6. TP (Tanggung Peperiksaan) iaitu gred yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 8.3. Peperiksaan gantian hendaklah diadakan seberapa segera yang mungkin berdasarkan keadaan kesihatan pelajar.
- 4.4.7. PK (Pindah Kredit) iaitu gred diberikan kepada pelajar yang diluluskan pemindahan kredit secara menegak atau mendatar. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduat tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

5. Sistem Penilaian dan Purata Nilai Gred (PNG)

- 5.1 Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) Semester dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) seperti pada perenggan 3.2. kecuali kursus-kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 5.2 Kursus-kursus yang mendapat gred "E" (gagal) juga diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi semester berkenaan.
- 5.3 Gred bagi kursus-kursus ulangan adalah diambil kira untuk menentukan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bagi pelajar-pelajar yang mengulang dan dengan ini gred "E" (gagal) asal bagi kursus berkenaan digugurkan dalam pengiraan tertakluk kepada perenggan 7.3.
- 5.4 Pelajar dibenar mengulang kursus yang telah sedia lulus bagi tujuan memperbaiki gred iaitu bagi kursus-kursus yang mendapat gred C-, D+ dan D sahaja. Hanya gred bagi keputusan peperiksaan yang terakhir sahaja diambil kira di dalam PNGK sementara gred asal kursus berkenaan digugurkan. Projek latihan ilmiah, latihan industri dan praktikum tidak termasuk di dalam peraturan ini.

5.5 PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah:

5.5.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 5.1 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$\text{PNG} = \frac{\sum_{i=1}^n G_i U_i}{\sum_{i=1}^n G_i}$$

yang mana

G = Nilai gred kursus ke-

iU = Jam Kredit ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
JUMLAH			13	35.00

$$\text{PNG Semester} = \frac{35.00}{13}$$

$$= 2.69$$

5.5.2. Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
CE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			13	35.00

Semester II

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1113	A	4.00	3	12.00
XB1313	B+	3.33	3	9.99
XC1153	C+	2.33	3	6.99
XD1363	A	4.00	3	12.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			14	42.98
JUMLAH BESAR			27	77.98

$$\text{PNGK} = \frac{77.98}{27} = 2.88$$

5.6 Fakulti dibenar memasukkan pemberat dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Fakulti masing-masing untuk tujuan pengurniaan ijazah tertakluk kepada kelulusan Senat.

6. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

6.1. Taraf Lulus:

6.1.1. Seseorang pelajar dianggap Lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika mendapat PNGK 2.00 atau lebih (≥ 2.00).

6.2. Taraf Lulus Bersyarat:

6.2.1. Seseorang pelajar dianggap Lulus Bersyarat dan diberi amaran jika mendapat PNGK di antara 1.00 dengan 1.99 ($1.00 \leq \text{PNGK} \leq 2.00$).

6.2.2. Seseorang pelajar tidak dibenarkan berada di dalam taraf Lulus Bersyarat dua semester berturut-turut, tidak termasuk semester pertama pengajiannya. Ini bermakna jika pelajar masih memperolehi PNGK kurang daripada 2.00 pada semester berikutnya, setelah melalui syarat 6.2.1, pelajar akan dianggap gagal dan diberhentikan.

6.3. Taraf Gagal:

6.3.1. Seseorang pelajar dianggap Gagal dan diberhentikan jika mendapat PNGK kurang daripada 1.00 tidak termasuk semester pertama pengajiannya atau tidak memenuhi syarat-syarat yang disebutkan pada perenggan 6.2 di atas.

6.4. Penilaian PNGK bagi syarat-syarat 6.1, 6.2 dan 6.3 di atas akan hanya berkuatkuasa mulai semester kedua pengajian seseorang pelajar. Ini bermakna semua pelajar dibenar meneruskan pegajian ke semester kedua pengajiannya tanpa mengira keputusan peperiksaan semester pertamanya.

6.5. Penilaian Untuk Mendapatkan Ijazah

6.5.1. Seseorang pelajar mestilah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian:

6.5.1.1. mencapai PNGK sekurang-kurangnya 2.00 bagi semua kursus yang diambilnya tertakluk kepada perenggan 5.1, 5.2 dan 5.3 di atas;

6.5.1.2. mendapat sekurang-kurangnya seratus dua puluh (120) kredit kursus- kursus yang ditetapkan atau sejumlah kredit lain yang ditetapkan termasuk jumlah kredit kursus-kursus Universiti seperti pada perenggan

3.2.1. Bagi tujuan ini, pelajar dibenar untuk mengumpul kredit tambahan dengan tujuan untuk meningkatkan PNGKnya. Ini boleh dilakukan dengan mendaftar kursus lain yang ditetapkan oleh Fakulti atau mendaftar semula kursus yang telah sedia lulus tertakluk kepada perenggan 5.4.

6.5.2. Pengurniaan Ijazah

6.5.2.1. Pengurniaan ijazah adalah mengikut kelas seperti berikut:

PNGK	Ijazah Yang Dikurniakan
-------------	--------------------------------

3.67 – 4.00	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian(Cemerlang)
-------------	--

6.5.2.2. Ijazah boleh dikurniakan kepada Pelajar yang telah:

6.5.2.2.1. Memenuhi semua kehendak Peraturan ini;

6.5.2.2.2. Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh JawatankuasaPemeriksa dan disahkan oleh Senat;

6.5.2.2.3. Menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan.

7. Peruntukan-peruntukan Lain

7.1. Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus sekiranya Dekan telah memperakui bahawa pelajar berkenaan telah tidak mengikuti sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti.

7.2. Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing- masing dan kegagalan menghadirinya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.

7.3. Semua keputusan penilaian akhir semester yang diperolehi oleh pelajar akan dicatat di dalam rekod akademiknya.

7.4. Peperiksaan Ulangan Khas

7.4.1. Peperiksaan Ulangan Khas boleh diadakan bagi pelajar semester terakhir yang memerlukan hanya satu kursus untuk tujuan mendapatkan ijazah dan kursus tersebut hendaklah pernah diikuti. Peperiksaan tersebut hanya boleh diambil sekali sahaja dan permohonannya hendaklah dibuat dalam masa empat (4) minggu selepas keputusan peperiksaan diumumkan.

7.4.2. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dengan disertakan bayaran yuran yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu permohonan, Pendaftar hendaklah

merujukannya kepada Dekan Fakulti berkenaan untuk mengaturkan peperiksaan tersebut.

- 7.4.3. Gred A hingga E hendaklah diberi kepada pelajar yang lulus peperiksaan ulangan khas dan gred ini hendaklah dikira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar. Kaedah penilaian sama ada mengambil kira keseluruhan penilaian dalam komponen kursus atau peperiksaan ulangan khas secara komprehensif meliputi keseluruhan silibus kursus.
- 7.4.4. Sekiranya pelajar masih gagal kursus tersebut, pelajar dikehendaki mendaftar semula kursus.

7.5. Anugerah Dekan

7.5.1. Anugerah Dekan diberi kepada pelajar yang telah menunjukkan kejayaan dalam bidang akademik semasa menjalani pengajian di UKM.

7.5.2. Syarat dan Kelayakan.

7.5.2.1. Pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) Semester sekurang-kurangnya 3.67, bagi minimum 12 kredit bagi sesuatu semester pengajian atau seperti kriteria yang di tetapkan oleh Fakulti berkaitan yang telah diluluskan oleh Senat;

7.5.2.2. Pelajar tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib;

7.5.2.3. Berdaftar secara rasmi sebagai pelajar UKM bagi menjalani sebarang program ijazah yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti dalam Universiti ini;

7.5.2.4. Pelajar telah menjelaskan segala hutang dan bayaran kepada Universiti pada waktu pemilihan; dan

7.5.2.5. diperakui oleh Fakulti bahawa pelajar itu adalah layak untuk dicalonkan berdasarkan kriterium-kriterium yang diperuntukkan berhubung dengan peraturan ini.

7.5.3. Proses Pemilihan

7.5.3.1. Pemilihan Anugerah Dekan akan ditentukan dalam Mesyuarat Fakulti berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan seperti pada perkara 7.5.2 dalam peraturan ini;

7.5.3.2. penerima Anugerah Dekan tidak dihadkan kepada seorang sahaja bagi setiap Fakulti; dan

7.5.3.3. Sijil anugerah disampaikan kepada pelajar yang berjaya pada masa yang ditetapkan oleh Fakulti.

7.5.4. Bentuk Penghargaan

7.5.4.1. Penganugerahan adalah dalam bentuk sijil oleh Fakulti.

8. Penangguhan Pengajian, Kebenaran Tidak Mendaftar dan Penangguhan Peperiksaan

8.1. Pertimbangan Untuk Penangguhan Pengajian

8.1.1. Seseorang pelajar yang sakit boleh diberi penangguhan pengajian untuk semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada doktor yang terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel Universiti atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.

8.1.2. Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 8.1.1 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Selain itu, seseorang pelajar juga boleh memohon penangguhan pengajian untuk mengikuti Tahun Berjeda (*Gap Year*).

8.1.3. Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar yang tidak mendaftar diri hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh sesuatu semester bermula. Bagi pelajar yang mendaftar diri, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dilakukan sehingga minggu ke sepuluh (ke 10). Permohonan selepas minggu ke sepuluh (ke 10) tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguh peperiksaan.

- 8.1.4. Seseorang pelajar baharu yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan membuat penangguhan pendaftaran diri sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar wang proses permohonan penangguhan pendaftaran diri. Tempoh maksimum yang dibenarkan penangguhan pendaftaran diri adalah dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
 - 8.1.5. Seseorang pelajar boleh memohon penangguhan pengajian kepada Dekan Fakulti untuk mengikuti program Tahun Berjeda (*Gap Year*). Permohonan hanya boleh dilakukan satu kali sahaja iaitu selepas satu tahun pengajian di universiti. Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah dua (2) semester sahaja. Tempoh penangguhan pengajian ini tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum pengajian.
- 8.2. Pertimbangan Untuk Tidak mendaftar
- 8.2.1. Pelajar yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara enam hingga tujuh (6 - 7) bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.
 - 8.2.2. Seseorang pelajar boleh dibenarkan oleh Dekan Fakulti untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.
- 8.3. Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan
- 8.3.1. Pelajar yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sebelum atau sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk sesuatu kursus berkenaan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.
 - 8.3.2. Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan

dengan pengesahan doktor yang merawat pelajar berkenaan seperti pada perenggan 8.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Dekan dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Peperiksaan gantian boleh diatur berdasarkan kepada merit kes-kes tersebut.

8.4. Status Sebagai Pelajar Universiti

8.4.1. Pelajar yang telah diberi penangguhan pengajian dan kebenaran tidak mendaftar kecuali perenggan 8.1.5 akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dandengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan-kemudahan Universiti yang diberikan kepada pelajar sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

8.5. Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian/Tidak Mendaftar

8.5.1. Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian/tidak mendaftar atas sebab-sebab kesihatan dan mengikuti program Tahun Berjeda (*Gap Year*) tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.

8.5.2. Tempoh semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian/tidak mendaftar atas sebab-sebab selain daripada kesihatan dan mengikuti program Tahun Berjeda (*Gap Year*) diambil kira (kecuali bagi tempoh dua semester yang pernah diambil dalam tempoh pengajian) sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapat ijazah.

8.5.3. Tempoh penangguhan pengajian tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantungkan pendaftaran ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

9. Penyimpanan Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan dan Rayuan-rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

9.1. Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan

9.1.1. Semua skrip jawapan pelajar bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat untuk disimpan.

- 9.1.2. Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan dikeluarkan oleh Pendaftar.
 - 9.1.3. Tertakluk kepada perenggan 9.1.4, semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.
 - 9.1.4. Dalam kes-kes yang rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seseorang pelajar, skrip-skrif jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.
- 9.2. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus
- 9.2.1. Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh Pelajar yang berkenaan dalam masa dua (2) hingga empat (4) minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberikan pertimbangan.
 - 9.2.2. Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus- kursus yang diminta disemak semula.
 - 9.2.3. Bayaran yuran mengikut jumlah yang ditetapkan bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik kecuali sekiranya perubahan berlaku disebabkan kesilapan pensyarah.
 - 9.2.4. Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukkannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Pengerusi Pusat/ Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Penyelaras Kursus berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
 - 9.2.5. Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.
 - 9.2.6. Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan

bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada pelajar berkenaan, sekiranya ada perubahan.

- 9.2.7. Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.

9.3. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

- 9.3.1. Seseorang pelajar yang mendapat keputusan “Gagal dan Diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut. Permohonan dalam Fakulti/ Program yang sama akan hanya dipertimbangkan jika pelajar mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh Doktor Pakar Kerajaan. Bagi permohonan rayuan ke Fakulti/ Program lain perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- 9.3.1.1. Mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 1.9;

- 9.3.1.2. Menunjukkan prestasi Purata Nilai Gred (PNG) Semester yang meningkat dalam dua semester terakhir;

- 9.3.1.3. Mempunyai kelayakan masuk yang setara dengan pelajar sedia ada di Fakulti/ Program;

- 9.3.1.4. Penawaran masuk bergantung kepada kekosongan tempat;

- 9.3.1.5. Pertukaran hanya dibenarkan sekali sahaja;

- 9.3.1.6. Pemindahan kredit tidak dibenarkan.

- 9.3.2. Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan.

- 9.3.3. Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.

- 9.3.4. Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan/ Ketua Program/ Pengerusi Pusat yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.
- 9.3.5. Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:
 - 9.3.5.1. Menerima atau menolak sesuatu rayuan;
 - 9.3.5.2. Membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan;
 - 9.3.5.3. Memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.
- 9.3.6. Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.
- 9.3.7. Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.
- 9.4. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”
 - 9.4.1. Seseorang pelajar yang diberhentikan kerana tidak mendaftar boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh tidak melebihi dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses dan denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.
 - 9.4.2. Tempoh tidak mendaftar tidak dikira sebagai sebahagian keperluan maksimum yang dibenarkan untuk mendapat sesuatu ijazah.
- 9.5. Rayuan Tambah Masa Pengajian.
 - 9.5.1. Seseorang pelajar boleh memohon tambah masa pengajian selepas tempoh maksimum dengan mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Pendaftar tertakluk kepada maksimum dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses seperti yang

ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.

10. Umum

- 10.1. Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pelajar didapati:
 - 10.1.1. Memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
 - 10.1.2. Dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan;
 - 10.1.3. Melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah subperaturan 3.3.1.
- 10.2. Fakulti diberi kuasa menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 10.3. Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.
- 10.4. Fakulti boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.
- 10.5. Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap pelajar yang bendaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa Peraturan-peraturan ini.
- 10.6. Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, statut, kaedah-kaedah dan peraturan- peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999.
- 10.7. Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda) 1990 adalah dimansuhkan.

Varsiti Kita

*Lihat Kampusku yang tenang
Damainya alam ciptaan tuhan
Panduan ilmu dan keimanan
Amal dan jernih digabungkan*

*Lautan ilmu kita harumkan
Sumber ilmuan berkembang*

*Inilah varsiti kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita*

*Bangun berbakti membela
Memupuk insan jiwa bertakwa
Memimpin manusia semua
Kenal akan adat unggulnya*

*Membina negara senantiasia
Maju berilmu dan bahagia*

*Inilah varsiti kita
Ditengahkan hasrat rakyat kita
Dari mula untuk semua
Bagai tanda perjuangan kita*

*Penggubah
Nazri Ahmad*

**Ahli Jawatankuasa Penerbitan
Buku Panduan Prasiswazah
Fakulti Undang-undang
Sesi 2023-2024**

Penasihat

Prof. Madya Dr. Jady @ Zaidi Hassim

Pengerusi

Prof. Madya Dr. Safinaz Mohd Hussein

Editor

Dr. Asma Hakimah binti Ab Halim
Dr. Nurhafilah Musa
YM Raja Noor Azri Raja Noor Afandi
Pn. Nur'Syafiqah Shahrudin
Pn. Nurfarhana Mohd Arba'nt

Reka Bentuk dan Foto

Fakulti Undang-Undang



[law.ukm](https://www.facebook.com/law.ukm)



[fuuukm_official](https://www.instagram.com/fuuukm_official)



www.ukm.my/fuu

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

☎ 03-8921-6355/6692/6959